

BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN HAJI DAN UMRAH

MOHD SOLLAH BIN MOHAMED

FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

2018

BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN HAJI DAN UMRAH

MOHD SOLLAH BIN MOHAMED

**TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Mohd Sollah Bin Mohamed
No. Pendaftaran / Matrik : THA 130009
Nama Ijazah : Doktor Falsafah
Tajuk Tesis (“Hasil Kerja ini”):

BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN HAJI DAN UMRAH

Bidang Penyelidikan : **Bahasa Arab Untuk Tujuan Khas**

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa :

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang / penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan penulis telah dilakukan dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tanda Tangan Calon

Tarikh :

Diperbuat dan sepenuhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh :

Nama : Prof. Madya Dr. Haji Mohammad bin Seman
Jawatan : Penyelia

ABSTRAK

Kajian ini bertajuk “*Bahasa Arab untuk Tujuan Haji dan Umrah*”. Skop kajian ini melibatkan analisis keperluan dan keberkesanan terhadap modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perkataan dan ungkapan bahasa Arab yang digunakan dalam urusan ibadah Haji dan Umrah dan urusan harian, mengkaji sejauh mana keperluan bahasa Arab khas untuk penggunaan Haji dan Umrah dan pada akhirnya membangunkan modul serta menilai kesesuaian dan keberkesanan modul. Kajian ini menggunakan metodologi campuran iaitu perpustakaan dan lapangan. Kajian yang dijalankan ini melalui beberapa peringkat iaitu; peringkat kajian keperluan, kajian pembinaan modul dan kajian keberkesanan modul. Pengkaji telah menggunakan model ADDIE sebagai model reka bentuk kajian. Kajian ini telah melalui lima fasa proses utama yang diadaptasikan daripada model ADDIE iaitu *Analysis* (analisis), *Design* (reka bentuk), *Development* (perkembangan), *Implementation* (pelaksanaan), dan *Evaluation* (penilaian). Data awalan diperolehi daripada kajian keperluan modul ke atas 300 orang jemaah yang pernah mengerjakan ibadah Haji dan Umrah digunakan untuk membangunkan “Modul Bahasa Arab khas untuk Tujuan Haji dan Umrah.” Seterusnya, keberkesanan modul ini dikaji ke atas 30 orang responden yang mengerjakan Umrah di Mekah dan Madinah pada tahun kajian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Dapatan kajian keperluan menunjukkan bahawa sebahagian besar responden (90%) telah bersetuju untuk menggunakan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Manakala dapatan kajian keberkesanan pula menunjukkan bahawa keberkesanan dan kesesuaian modul berada pada tahap peratusan yang tinggi sehingga (73%). Keputusan ini berdasarkan kepada kebarangkalian modul yang dibina lebih khusus

untuk jemaah Haji dan Umrah di samping kandungannya yang ringkas, padat dan mudah difahami. Pengkaji berharap segala usaha yang akan lakukan ini dapat memberikan cetusan idea baru bidang penyelidikan berkaitan bahasa Arab terutama sekali dalam bidang kajian bahasa Arab untuk tujuan khas di Malaysia.

University of Malaya

ABSTRACT

This dissertation is entitled “Arabic Language for Hajj and Umrah Purposes.” The study seeks to explore the needs and effectiveness of a module developed for the purpose of performing Hajj and Umrah. The objectives of the study are to identify the common expressions and vocabulary used when performing Hajj and Umrah as well as in daily routine activities, to explore the specific needs for using the Arabic language when performing Hajj and Umrah, to develop a module and evaluate the suitability and effectiveness of the module. The research adopts a mixed methodology; library research and fieldwork to collect data. The study was carried out in stages; needs analysis of the module, analysis on the development of module and investigation on the effectiveness of the developed module. The researcher utilizes the ADDIE model as the framework for the study. There are five phases in the ADDIE model which are Analysis, Design, Development, Implementation and Evaluation. The preliminary data on analyzing the need to develop the module was obtained via questionnaire distributed to 300 respondents who had performed either Hajj or Umrah in the past. Later, the developed module was investigated for its effectiveness on 30 pilgrims who were performing Umrah in Mecca and Medina during the course of the study. The instruments used in the study were questionnaire, face-to-face interview and observation. The findings show that a majority of the respondents (90%) agreed to use the Arabic language module for the purpose of Hajj and Umrah. On the other hand, the findings on the effectiveness of the module indicate that the effectiveness and suitability of the module achieve a high percentage up to 73%. The result can be based on the circumstances that the module was developed with considerations of the specific needs of the pilgrims of Hajj and Umrah combined with clear,

condensed and easily comprehensible presentation of the content in the module. The researcher hopes that the effort puts forth can trigger novel ideas on research related to Arabic language, specifically in the research of Arabic language for specific purposes in Malaysia.

University of Malaya

DEDIKASI

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah S.W.T. Selawat dan salam buat Nabi Muhammad S.A.W.

Alhamdulillah, setinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T atas petunjuk, limpah kurnia dan keizininannya sehingga menjadikan kajian ini berjaya diselesaikan seperti yang dirancang.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya Profesor Madya Dr. Hj. Mohammad Seman atas kebijaksanaan memberi bimbingan, semangat, kesabaran dan tunjuk ajar yang bermanfaat kepada saya sehingga terhasilnya kajian ini.

Sesungguhnya inspirasi dan komitmen yang diberikan akan dikenang dan dihargai.

Limpahan kasih sayang yang tidak terhingga buat isteri tercinta Che Faridah Binti Che Wanik yang memberi sokongan dan sentiasa menjadi pendorong dan pembakar semangat untukku meneruskan perjuangan, jua istimewa buat puteriku Safa Imani atas pengertian yang amat tinggi.

Tidak lupa juga kepada bapaku Mohamed Sulaiman, ibuku Sabariah Daud dan ibu mertuaku Che Limah Che Long serta seisi keluarga yang tidak henti mendoakan kemudahan dan kebaikan sepanjang perjalanan kajian dan kejayaan untukku. Terima kasih buat semua.

SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	v
DEDIKASI	vii
SENARAI KANDUNGAN	viii
SENARAI CARTA	xvii
SENARAI RAJAH	xviii
SENARAI GERAJ	xix
SENARAI JADUAL	xx
SENARAI SINGKATAN KATA	xxi
KAEDAH TRANSLITERASI ARAB-RUMI	xxii
KAEDAH TRANSLITERASI HURUF VOKAL ARAB	xxiii

BAB SATU

Pengenalan Kajian

1.0	Pendahuluan	1
1.1	Definisi Tajuk	3
1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Kepentingan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Soalan Kajian	9
1.6	Batasan Kajian	9
1.7	Tinjauan Kajian Berkaitan	11
1.8	Kerangka Kajian	16
1.9	Penutup	18

BAB DUA

Landasan Teori Kajian

2.0	Pendahuluan	20
2.1	Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia	20
2.1.1	Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.	23
2.1.2	Teori Bahasa	25
2.1.2.1	Teori Mekanis (Behaviourisme)	25
2.1.2.2	Teori Mentalis (Kognitif)	26

2.1.3	Pendekatan Pengajaran Bahasa	27
2.1.3.1	Pendekatan Induktif	28
2.1.3.2	Pendekatan Deduktif	29
2.1.3.3	Pendekatan Eklektik	31
2.1.3.4	Pendekatan Komukatif	31
2.2	Pengenalan Kosa Kata Bahasa Arab	32
2.2.1	Ciri Kosa Kata Bahasa Arab	39
2.2.2	Tenik Pengajaran Dan Pembelajaran Kosa Kata Arab	42
2.2.3	Pengenalan Struktur Kosa Kata Bahasa Arab	50
2.2.3.1	Kata Nama	50
2.2.3.2	Kata Kerja	53
2.2.3.3	Kata Tugas/Partikel	54
2.2.3.4	Jenis Ayat Bahasa Arab	54
2.3	Bahasa Arab Untuk Tujuan Khas	56
2.4	Modul Bahasa Arab	58
2.4.1	Ciri Modul Yang Berkesan	61
2.4.2	Pendapat Pakar Dalam Pembinaan Modul	64
2.5	Penutup	66

BAB TIGA
METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pendahuluan	67
3.1	Kerangka Konseptual	67
3.2	Reka Bentuk Kajian	69
3.3	Prosedur Kajian	73
3.4	Isi Kandungan Modul	83
3.5	Responden Kajian	97
3.6	Instrumen Kajian	100
3.6.1	Soal Selidik	100
3.6.2	Temu Bual	102
3.6.3	Pemerhatian	103
3.6.4	Analisis Kandungan	106
3.7	Proses Pengumpulan Data	107
3.7.1	Data Analisis Keperluan Modul	107
3.7.2	Pembinaan Modul	107
3.7.3	Data Keberkesanan modul	108
3.8	Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data	110

3.8.1	Kesahan Data Kajian	110
3.8.2	Kebolehpercayaan Data Kajian	111
3.9	Penutup	112

BAB EMPAT

ANALISIS KEPERLUAN MODUL BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN HAJI DAN UMRAH

4.0	Pendahuluan	113
4.1	Kajian Tinjauan Keperluan Modul	113
4.2	Borang Soal Selidik <i>MBAUTHU</i>	114
4.3	Analisis Deskriptif Soal Selidik	119
4.3.1	Bahagian A : Maklumat peribadi responden	119
4.3.2	Bahagian B : Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Haji dan Umrah	121
4.3.3	Bahagian C : Bahasa Arab Untuk Tujuan Komunikasi	123
4.3.4	Bahagian D : Minat untuk Mengikut Kelas Bahasa Arab	124
4.4	Rumusan Keseluruhan Soal Selidik	126
4.5	Penutup	128

BAB LIMA

KONSEP ASAS PENYEDIAAN MODUL BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN HAJI DAN UMRAH

5.0	Pendahuluan	130
5.1	Objektif Modul	131
5.2	Isi Kandungan <i>MBAUTHU</i>	132
5.2.1	Tulisan Transliterasi Arab-Rumi	136
5.2.2	Nahu Ringkas	136
5.2.3	Bahagian Primer (Bahasa Arab Untuk Haji dan Umrah).	139
5.2.4	Bahagian Skunder (Bahasa Arab Untuk Tujuan Komunikasi Semasa Menunaikan Ibadah Haji dan Umrah)	143
5.2.5	Bentuk Penilaian	144
5.2.6	Glosari Modul	146
5.3	Kajian Modul Rintis	146
5.4	Cadangan Teknik Pembelajaran	148
5.5	Cadangan Tempoh Masa Pengajaran dan Pembelajaran	149
5.6	Penutup	150

BAB ENAM

KAJIAN TINJAUAN KEBERKESANAN MODUL BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN HAJI DAN UMRAH

6.0	Pendahuluan	151
6.1	Prosedur Kajian Keberkesanan Modul	152
6.2	Analisis Menerusi Reliability Analysis-Scale Alpha	154
6.3	Dapatan Soal Selidik	155
6.3.1	Latar Belakang Responden	156
6.3.2	Penilaian Responden Terhadap Isi Kandungan Nahu Modul	157
6.3.3	Penilaian Responden Terhadap Pilihan Niat, Doa, Zikir dan Terjemahan	159
6.3.4	Penilaian Responden terhadap Bahasa Arab Untuk Tujuan Komunikasi	161
6.3.5	Penilaian Keseluruhan Modul	164
6.3.6	Analisis Keseluruhan Sebelum Dan Selepas Menggunakan Modul	165
6.3.7	Cadangan Responden Terhadap Modul	166
6.3.8	Rumusan Soal Selidik	167
6.4	Temu Bual	168
6.4.1	Dapatan Temu Bual	169
6.4.2	Rumusan Temu bual	176
6.5	Pemerhatian	176

6.5.1	Kelas pembelajaran dan pemahaman penggunaan Modul	177
6.5.2	Tinjauan keberkesanan penggunaan modul bahasa Arab dalam ibadah Umrah	178
6.5.3	Tinjauan keberkesanan penggunaan modul bahasa Arab dalam komunikasi semasa menunaikan ibadah Umrah	179
6.5.4	Rumusan Pemerhatian	179
6.6	Rumusan Keseluruhan Kajian Tinjauan Keberkesanan Modul	180
6.7	Cadangan Pengubahsuaian Modul	180
6.8	Penutup	181

BAB TUJUH

RUMUSAN, SARANAN DAN PENUTUP

7.0	Pendahuluan	182
7.1	Rumusan	182
7.2	Saranan	188
7.2.1	Saranan Kepada Pengguna Modul	190
7.2.2	Saranan Kepada Agensi Pelancongan Umrah Dan Haji	191
7.2.3	Saranan Kepada Kementerian Pelancongan	191
7.3	Penutup	193

RUJUKAN

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 (Borang Soal Selidik Kajian Keperluan Modul)
- Lampiran 2 (Borang Soal Selidik Kajian Keberkesanan Modul)
- Lampiran 3 (Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Haji dan Umrah)
- Lampiran 4 (Surat Pengesahan Pakar)

University of Malaya

SENARAI CARTA

1.	Carta 4.1 : Sebab Mempelajari Bahasa Arab	120
2.	Carta 4.2 : Usaha untuk Memahami Bacaan dalam Ibadah Haji dan Umrah.	121
3.	Carta 6.1 : Penilaian Responden terhadap Contoh di dalam Modul	158
4.	Carta 6.2 : Penilaian Tahap Kemahiran dan Pengetahuan Responden	166

University of Malaya

SENARAI RAJAH

1. Rajah 3.1 : Kerangka Konsep Kajian 69
2. Rajah 3.2 : Model ADDIE 74
3. Rajah 3.3 : Landasan Pembinaan Modul 76
4. Rajah 3.4 : Prosedur Kajian Pembinaan Modul Bahasa Arab Untuk 82

Tujuan Haji dan Umrah

5. Rajah 6.1 : Carta Alir Kajian Penilaian 153

University of Malaya

SENARAI GERAJ

1. Graf 4.1 : Bacaan Yang Difahami Makna.	123
2. Graf 4.2 : Lokasi Penting Untuk Berkomunikasi Dalam Bahasa Arab.	124
3. Graf 4.3 : Pendekatan Yang Perlu Digunakan Dalam Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Haji Dan Umrah.	125
4. Graf 4.4 : Penilaian di Akhir Modul	126
5. Graf 6.1 : Penilaian Isi Kandungan Nahu	157
6. Graf 6.2 : Penilaian Terhadap Pilihan Niat, Doa dan Zikir di dalam Modul	159
7. Graf 6.3 : Penilaian Terhadap Terjemahan Lafaz di dalam Modul	160
8. Graf 6.4 : Penilaian Terhadap Ayat Perbualan Di Dalam Modul	162
9. Graf 6.5 : Penilaian Terhadap Ayat Perbualan Mengikut Situasi di dalam Modul	163

SENARAI JADUAL

1.	Jadual 3.1 : Bahasa Arab untuk Ibadah Haji dan Umrah	86
2.	Jadual 3.2 : Bahasa Arab Komunikasi untuk Ibadah Haji dan Umrah	89
3.	Jadual 3.3 : Bahasa Arab untuk ibadah Haji dan Umrah	91
4.	Jadual 3.4 : Bahasa Arab komunikasi untuk ibadah Haji dan Umrah	92
5.	Jadual 5.1 : Tulisan Transliterasi Arab-Rumi	134
6.	Jadual 5.2 : Vokal Arab	136
7.	Jadual 5.3 : Cadangan Teknik Pembelajaran	148
8.	Jadual 6.1 : Cronbach Alpha	155

SENARAI SINGKATAN KATA

S.W.T	Subhānahu wa Ta‘ala
S.A.W	Sallālahu ‘Alaihi Wasallam
<i>MBAUTHU</i>	Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Haji dan Umrah
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
t.t	tanpa tarikh
Jil	Jilid
t.p	Tanpa penerbitan
UM	Universiti Malaya
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA

KAEDAH TRANSLITERASI ARAB-RUMI

Perkataan Arab dieja dalam huruf rumi berdasarkan kepada Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Jawi Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur tahun 1988. Sistem Transliterasi ini adalah seperti berikut;

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Rumi</u>
ء	'
ا	a
ب	b
ت	t
ث	<u>th</u>
ج	j
ح	<u>h</u>
خ	<u>kh</u>
د	d
ذ	<u>dh</u>
ر	r
ز	z
س	s
ش	<u>sy</u>
ص	<u>s</u>
ض	<u>d</u>
ط	<u>t</u>

ظ	z
ع	‘
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
ه	h
ي	y
ة	tt

KAEDAH TRANSLITERASI HURUF VOKAL ARAB

Pendek	Panjang	Diftong
ا — a	آ — ā	أى — ay
ي — i	ي — ī	أو — aw
و — u	و — ū	

BAB SATU

PENGENALAN KAJIAN

1.0 Pendahuluan

Bahasa Arab merupakan bahasa utama yang dituturkan di negara Arab dan di semenanjung tanah Arab seperti Saudi Arabia, Jordan, Mesir dan negara Islam lain. Bahasa Arab juga adalah bahasa para ilmuan yang telah berkembang sejak lebih 1400 tahun dahulu, bermula dari zaman Nabi Muhammad (S.A.W). Penurunan al-Quran al-Karim dalam bahasa Arab telah menyebabkan bahasa Arab tersebar ke seluruh dunia. Umat Islam yang berbeza bangsa, budaya, bahasa dan sebagainya diwajibkan untuk melafazkan bacaan dalam ibadah seharian mereka dalam bahasa Arab sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah (S.A.W). Ini kerana bahasa Arab merupakan bahasa roh dan bahasa komunikasi dalam pelaksanaan ibadah. (Tajul Ariffin Noordin Dan Nor Ain, 1992).

Sebagaimana kita ketahui, ibadah Haji dan Umrah amat popular bagi umat Islam. Ini kerana ia merupakan rukun keempat daripada lima rukun Islam (*al-Bukhāry: kitāb al-Imān*). Kedua-dua ibadah ini mempunyai banyak fadhilatnya dan ini menjadi harapan kepada seluruh umat Islam untuk mengerjakannya. Antara fadhilat-fadhilatnya ialah ia merupakan satu ibadah yang paling utama, berdasarkan hadith Rasulullah S.A.W :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: سُئِلَ رَسُولُ اللَّهِ : أَيُّ الْعَمَلِ أَفْضَلُ؟ قَالَ: (إِيمَانٌ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ)، قِيلَ: ثُمَّ

مَاذَا؟ قَالَ: (الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ)، قِيلَ: ثُمَّ مَاذَا؟ قَالَ: (حَجٌّ مَبْرُورٌ)

"Dari Abu Hurairah radiallaahu ‘anhu ia berkata: Rasulullah S.A.W ditanya: “ *Amal ibadah apakah yang paling utama?* ” Beliau bersabda: “ *Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya* ”. Dikatakan (kepadanya): “ *Kemudian apa?* ” Beliau bersabda: “ *Jihad*

dijalan Allah ”. Dikatakan (kepadanya): “ *Kemudian apa?* ” Beliau bersabda: “ *Haji yang mabrur* ”.

(HR. Al-Bukhari dan Muslim, lihat sahih at-Tarhīb wa Tarhīb oleh al-Albani 3/3 hadith No. 1093.)

Ibadah Haji dan Umrah juga sebagai ibadah penghapus dosa, berdasarkan hadith Rasulullah S.A.W :

مَنْ حَجَّ فَلَمْ يَرْفُثْ وَأَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ مِنْ ذُنُوبِهِ كَيَوْمِ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

"Barangsiapa yang mengerjakan ibadah haji dan dia tidak melakukan jima' dan tidak pula melakukan perbuatan dosa, dia akan kembali dari dosa-dosanya seperti pada hari ketika ia dilahirkan ibunya."

(HR. Al-Bukhari, Muslim, an-Nasaei, Ibnu Majah dan at-Tirmidzi).

Bagi bangsa Arab, aspek bahasa sememangnya tidak menjadi masalah untuk melaksanakan ibadah harian mereka kerana bahasa Arab adalah bahasa ibunda mereka. Walau bagaimanapun, masalah ini dapat dilihat apabila orang ‘*Ajam* (bukan bangsa Arab) mengerjakan ibadah Haji dan Umrah. Di mana kebanyakan para jemaah ini melaksanakan ibadah Haji dan Umrah dalam keadaan kurang persediaan dari aspek pemahaman bahasa yang menjadi medium asas samada dalam lafaz ibadah dan komunikasi. Hal ini kerana ibadah Haji dan Umrah hanya boleh dilaksanakan di Tanah Suci Mekah dan Madinah di negara Arab Saudi yang mana bahasa rasminya adalah bahasa Arab.

Kajian ini dijalankan antaranya bertujuan untuk menyelesaikan permasalahan kebanyakan para jemaah yang memerlukan persediaan dalam aspek bahasa Arab dalam menyempurnakan ibadah Haji dan Umrah setimpal dengan kos dan tenaga yang dikeluarkan untuk menepati kehendak ibadah yang mungkin dilakukan sekali seumur hidupnya.

1.1 Definisi Tajuk

Berikut adalah definisi tajuk tesis yang dicadangkan :-

1. ‘Bahasa’ : Menurut kamus Pelajar edisi kedua (2016), ia merupakan sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam sesuatu kelompok manusia untuk melahirkan perasaan dan fikiran. Ia juga merupakan kata yang disusun menurut tatabahasa dan digunakan oleh seseorang dalam percakapan atau tulisan.
2. ‘Arab’ : Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2015), bahasa Arab merupakan bahasa yang dituturkan oleh bangsa Arab dan ia juga merupakan bahasa al-Quran.
3. ‘Tujuan’ : Menurut kamus Dewan edisi keempat (2015), istilah “tujuan” ialah arah, hala, haluan yang dituju, maksud, matlamat dan tuntutan.
4. ‘Haji’ : Definisi Haji menurut Imam Syafi’i, secara etimologis, Haji bererti pergi menuju tempat yang diagungkan. Secara terminologis pula, Haji bererti beribadah kepada Allah dengan melaksanakan manasik Haji, iaitu perbuatan tertentu yang dilakukan pada waktu dan tempat tertentu dengan cara yang tertentu pula. (Wahbah Az-Zuhaili, 2011).
5. ‘Umrah’ : Menziarahi Ka’bah pada bila-bila masa untuk mengerjakan *tawaf*, *saie* dan bercukur mengikut syarat-syarat yang tertentu. Mengikut kamus dewan edisi keempat (2015) “Umrah” bermaksud, ibadat yang mengandungi beberapa perbuatan (*ihram*, *tawaf*, *saie*, dan *tahalul*) tanpa *wukuf* dan wajib-wajib Haji.

Diharapkan definisi tajuk di atas telah membantu pembaca memahami apa yang dimaksudkan oleh pengkaji menerusi tajuk kajian iaitu “ *Bahasa Arab Untuk Tujuan* ”

Haji Dan Umrah ". Sehubungan dengan ini juga pengkaji telah menulis perkataan Haji dan Umrah dengan huruf besar di pangkal perkataan dan ia konsisten di seluruh penulisan tesis ini.

1.2 Pernyataan Masalah

Bagi orang Islam di Malaysia, bahasa Arab bukanlah sesuatu yang asing. Semenjak lahir lagi mereka telah mendengar lafaz azan dan iqamah yang sememangnya dalam bahasa Arab. Dalam kehidupan seharian, mereka sebenarnya secara tak langsung telah menggunakan bahasa Arab iaitu ketika membaca doa untuk berwuduk, azan, iqamah, solat dan membaca doa. Malah tiga daripada rukun Islam adalah dilakukan dengan menggunakan bahasa Arab sepenuhnya iaitu umat Islam mengucap dua kalimah syahadah, bersolat dan menunaikan Haji dan Umrah. Persoalannya adakah mereka memahami dan menghayati lafaz yang mereka ungkapkan ketika beribadah ?

Masalah ini amat ketara dapat dilihat apabila jemaah Malaysia khususnya ketika mengerjakan ibadat Haji dan Umrah. Ibadah Haji merupakan rukun Islam yang menjadi kewajipan sekurang-kurangnya sekali seumur hidup ke atas setiap orang Islam yang berkemampuan dan cukup syaratnya (al-zuhaily: 3/14). Meskipun ibadah Haji dan Umrah secara umumnya adalah ibadah *'fi`liyy*' atau ibadah perlakuan bukan lisan, namun bacaan niat, doa dan zikirnya perlu dilafazkan dengan lisan dengan menggunakan bahasa Arab. Pemahaman lafaz dan bacaan ini adalah suatu keperluan untuk ke arah menyempurnakan penghayatan ibadah dalam kalangan para jemaah Haji dan Umrah.

Tambahan pula ibadah Haji dan Umrah hanya boleh dilaksanakan di tanah suci Mekah dan Madinah. Para jemaah akan rasa lebih selesa sekiranya mereka memahami dan dapat menggunakan bahasa Arab dalam persekitaran ibadah mereka di samping

melaksanakan urusan ibadah Haji dan Umrah. Maka adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kepada pakar bahasa Arab untuk mencari formula yang berkesan bagi membantu umat Islam dalam menyempurnakan pelaksanaan tugas ibadah ini. Terdapat banyak buku rujukan Haji dan Umrah telah disediakan dan dibentuk untuk membantu jemaah Haji dan Umrah. Namun buku yang memfokuskan aspek bahasa Arab agak kurang dihasilkan. Hal ini mengakibatkan para jemaah yang tidak mempunyai asas bahasa Arab sukar untuk berdikari dan hanya bergantung samata-mata kepada mutawwif yang mahir berbahasa Arab untuk berurusan semasa menunaikan ibadah Haji dan Umrah.

Dengan demikian, sesuatu usaha perlu dilakukan agar dapat menyumbang dan membantu para jemaah supaya perjalanan ibadah Haji dan Umrah mereka lancar demi mengejar kesempurnaannya. Oleh itu pengkaji berhasrat untuk mereka bentuk satu modul yang sesuai dengan kemampuan, keperluan dan persekitaran jemaah Malaysia iaitu "*Modul Bahasa Arab untuk Tujuan Haji dan Umrah*". Diharapkan modul yang dibuat dapat memberi satu sinar baru dan impak yang besar kepada umat Islam, bukan hanya di Malaysia semata-mata malah kepada masyarakat Islam di seluruh dunia yang sebahagian besarnya bukan penutur asli bahasa Arab.

Kajian perkataan bahasa Arab sebenarnya telah banyak dijalankan, tetapi hanya dikhususkan untuk tujuan penyusunan kamus dan pembelajaran kosa kata. Kebanyakannya juga hanya ditujukan untuk kelompok-kelompok pelajar di peringkat tertentu sahaja. Buku-buku panduan Haji dan Umrah juga telah banyak diterbitkan, akan tetapi kebanyakannya ia dikarang berbentuk huraian hukum-hukum dan sesetengahnya dalam bentuk teks perbualan umum. Namun begitu, pembinaan modul khusus berpandukan kajian perkataan dan ungkapan bahasa Arab untuk tujuan ibadah Haji dan Umrah masih belum dijalankan melalui penyelidikan akademik dan saintifik.

1.3 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting kerana membantu untuk meningkatkan lagi tahap kesempurnaan ibadah Haji dan Umrah. Kajian ini juga bukan sahaja dapat membantu jemaah Haji dan Umrah di Malaysia semata-mata, malah seluruh umat Islam di dunia ini. Jemaah Haji dan Umrah seharusnya memahami dan menghayati bahasa Arab samada dalam ibadah mahu pun aktiviti harian mereka. Hasil dari kajian bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah ini akan mereka bentuk satu modul yang merangkumi pelbagai aspek aktiviti harian mereka semasa melaksanakan ibadah Haji dan Umrah seperti bacaan zikir, doa, urusan makan minum, pengangkutan, kesihatan, keselamatan dan membeli belah. Setiap jemaah yang mengerjakan ibadah Haji dan Umrah akan menetap di bumi Mekah dan Madinah dalam purata minimumnya selama 14 hari. Oleh itu, banyak urusan yang akan dilakukan memerlukan penggunaan bahasa Arab.

Mengikut statistik lembaga Tabung Haji Malaysia, setiap tahun bilangan jemaah yang menunaikan ibadah Umrah semakin meningkat. Ini kerana ibadah Umrah lazimnya lebih mudah ditunaikan berbanding Haji kerana tiada kekangan kuota dan peraturan yang ketat. Jumlah catatan keatas umat Islam di Malaysia yang mengerjakan Umrah bagi tahun 2014 iaitu seramai 250 ribu orang berbanding dengan kuota Haji hanya sebanyak 22,320 orang sahaja dan ianya meningkat untuk sesi 2015/2016 mencecah seramai 290 ribu orang (Khutbah Jumaat MAIK siri ke-8 2016). Hal ini menunjukkan peningkatan rakyat Malaysia yang menunaikan Haji dan Umrah setiap tahun semakin meningkat.

Adalah satu kepincangan dan kejanggalan jika mereka beribadah dan melafazkan serta memohon sesuatu yang mereka sendiri tidak fahami. Contohnya; ketika berdoa, kita sepatutnya memahami dan menghayati apa yang kita pohon dari Allah S.W.T bagi menunjukkan kesungguhan terhadap sesuatu yang dipinta dari-Nya.

Selain itu, ketika solat juga kita diharuskan memahami apa yang dilafazkan walaupun memahami bacaan bukan rukun dan syarat sah solat. Ini kerana solat dari segi bahasa merupakan doa dan ia juga merupakan sebuah dialog antara seorang hamba dengan tuhan. Oleh itu, apabila kita memahami apa yang dilafazkan, kita akan dapat merasakan kelazatan dan kemanisan ketika melakukan ibadah.

Jika diteliti, kebanyakan kursus-kursus persediaan Haji dan Umrah hanya memberi pendedahan dan panduan tentang hukum ibadah secara literal di samping pengurusan dan penjagaan kesihatan. Sungguh pun ia dibuat untuk membantu para jemaah, namun ia masih lagi tidak mencukupi dan menepati kehendak dan keperluan dengan sepenuhnya. Ini kerana selain daripada perkara tersebut, pemahaman bahasa Arab juga perlu dititik beratkan lebih-lebih lagi lokasi Haji dan Umrah sepenuhnya adalah hanya di tanah suci Mekah dan Madinah iaitu demografi bahasa dan budaya Arab. Maka, apabila seseorang mengerjakan Haji dan Umrah di Tanah Suci, secara tidak langsung bahasa Arab mempunyai dua peranan penting iaitu :-

1. Jemaah Haji dan Umrah hendaklah melafazkan bacaan seperti *talbiah*, niat, rukun bacaan, doa dan sebagainya dalam bahasa Arab.
2. Penggunaan bahasa komunikasi utama di tanah Arab adalah menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan walaupun bahasa Inggeris dan bahasa Melayu turut memainkan peranan tetapi ia hanya sebagai bahasa kedua atau bahasa Asing sahaja. Sekiranya para jemaah memahami bahasa Arab, mereka tidak akan terpinga-pinga dengan layanan orang tempatan.

Setakat ini, menurut pengetahuan pengkaji, terdapat banyak modul bahasa Arab untuk tujuan khas yang dihasilkan tetapi amat kurang modul bahasa Arab yang dihasilkan boleh membantu orang awam di Malaysia khususnya dalam melakukan ibadah lebih-lebih lagi ibadah Haji dan Umrah. Pendekatan pengajaran bahasa Arab harus dibuat bagi memenuhi kehendak semua pihak agar dapat memahami dan menghayati

sekurang-kurangnya sebahagian daripada makna bacaan dalam ibadah seharian mereka. Selain itu, kajian ini juga menjadi cabang baru dalam bidang pengajian bahasa Arab kepada pengkaji bahasa untuk tujuan khas dan sekaligus menjadi cetusan idea baru kepada pihak yang terlibat dengan pengurusan dan pengendalian ibadah Haji dan Umrah.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada permasalahan dan kepentingan yang disebutkan di awal kajian ini, maka kajian dijalankan berpandu kepada beberapa objektif seperti berikut:-

1. Mengkaji sejauh mana keperluan bahasa Arab khas untuk tujuan Haji dan Umrah berdasarkan pengalaman kalangan jemaah haji Malaysia.
2. Mengenal pasti perkataan dan ungkapan bahasa Arab yang digunakan dalam urusan ibadah Haji dan Umrah.
3. Mengenal pasti perkataan dan ungkapan bahasa Arab yang digunakan dalam urusan harian semasa musim Haji dan Umrah.
4. Membangunkan modul khas bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah berdasarkan kajian keperluan bahasa Arab untuk penutur bukan Arab.
5. Menilai kesesuaian dan keberkesanan modul khas bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah.

1.5 Soalan Kajian

Bagi memastikan agar objektif kajian yang dijalankan tercapai dan kejelasan hala tuju kajian, maka kajian ini perlu menjawab beberapa soalan seperti berikut:-

1. Sejauh manakah keperluan bahasa Arab khas untuk tujuan Haji dan Umrah di kalangan jemaah Malaysia?
2. Apakah perkataan dan ungkapan bahasa Arab yang digunakan dalam urusan ibadat Haji dan Umrah?
3. Apakah perkataan dan ungkapan bahasa Arab yang digunakan dalam urusan harian semasa musim Haji dan Umrah?
4. Bagaimanakah reka bentuk proses dan prosedur modul bahasa Arab yang tepat untuk keperluan Haji dan Umrah?
5. Sejauh manakah kesesuaian modul khas bahasa Arab yang dibina untuk keperluan Haji dan Umrah?

1.6 Batasan Kajian

Kajian bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah ini memberi tumpuan sepenuhnya kepada pembinaan modul khas bahasa Arab bagi memenuhi keperluan jemaah dari Malaysia seperti mana yang digariskan dalam objektif kajian ini. Maka kajian ini dibatasi mengikut beberapa peringkat penyelidikan iaitu; peringkat kajian keperluan, kajian pembinaan modul dan kajian keberkesanan modul. Pengkaji telah menggunakan model ADDIE sebagai model reka bentuk kajian. Kajian ini terdapat lima fasa yang telah diadaptasikan daripada model ADDIE iaitu *Analysis* (analisis), *Design*

(reka bentuk), *Development* (perkembangan), *Implementation* (pelaksanaan), dan *Evaluation* (penilaian). Setiap fasa dalam kajian ini saling bergantung antara satu sama lain dalam menghasilkan modul yang produktif dan efektif. Kajian keperluan modul merupakan fasa yang pertama dijalankan dengan cara mengedarkan borang soal selidik kepada 300 orang jemaah yang pernah mengerjakan ibadah Haji dan Umrah. Kesemua jemaah dipilih secara rawak di seluruh Malaysia dan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 21.0. Hasil dapatan daripada kajian menjadi input kepada kajian pembinaan modul.

Manakala fasa kedua pula pengkaji telah merekabentuk modul berdasarkan hasil daripada output kajian keperluan. Dalam fasa ini pengkaji telah menggariskan beberapa prosedur dalam proses mereka bentuk modul. Dalam fasa ini juga pengkaji telah menganalisis kandungan bagi mengenalpasti perkataan dan ungkapan bahasa Arab yang digunakan semasa musim Haji dan Umrah. Oleh kerana ibadah ini tidak hanya terbatas kepada bacaan zikir tertentu sahaja malah ia merangkumi aspek komunikasi harian para jemaah semasa menunaikan Haji dan Umrah. Dengan itu, pengkaji telah membahagikan data yang dikumpul dalam pembinaan modul kepada dua bahagian iaitu :-

1. Data primer iaitu perkataan dan ayat lazim Arab semasa menunaikan ibadah Haji dan Umrah seperti ucapan zikir dan doa pilihan.
2. Data sekunder iaitu perkataan dan ayat lazim Arab dalam penggunaan komunikasi harian dalam persekitaran musim Haji seperti di lapangan kapal terbang, di masjid, di hotel, ketika membeli-belah, ketika aktiviti ziarah dan sebagainya yang berkaitan.

Data primer dianalisis daripada teks tulisan yang merangkumi teks buku panduan Haji dan Umrah dan teks semasa yang dipetik dan ditinjau terutamanya daripada sumber papan tanda, borang-borang permohonan, iklan dan sebagainya.

Sementara data skunder pula dipetik daripada buku dan dialog yang kebiasaannya berlaku pada situasi tertentu. Data skunder ini dianalisis dengan menggunakan bahasa Arab *fusha* (standard) sahaja. Sekiranya ia mengandungi bahasa pasar maka pengkaji akan menukarkannya dalam bahasa Arab *fusha* (standard).

Setelah modul direka bentuk, seterusnya fasa perkembangan pula dibentuk hasil daripada output reka bentuk modul. Fasa ini melalui tiga peringkat iaitu pembangunan modul, pengesahan pakar dan penyediaan draf prototaip. Apabila draf prototaip disediakan, maka pengkaji menjalankan kajian modul rintis dalam fasa pelaksanaan. Kajian ini telah melaksanakan penggunaan modul yang dibina dalam konteks yang sebenar secara berstruktur ke atas 30 orang jemaah. Kesemua jemaah yang dipilih mesti mengikut kriteria yang telah ditentukan oleh pengkaji. Kajian ini dijalankan dan disertai oleh pengkaji sendiri selama lapan hari di Mekah dan lima hari di Madinah.

Apabila kajian modul rintis telah dijalankan, maka pengkaji telah menjalankan fasa terakhir iaitu fasa penilaian. Fasa ini telah menggunakan beberapa instrumen kajian untuk menentukan tahap keberkesanan modul iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Hasil penilaian digunakan untuk menambahbaikkan bahan modul yang sedia ada supaya modul yang hasil benar-benar menepati keperluan dan efektif.

1.7 Tinjauan Kajian Berkaitan

Kajian “ Bahasa Arab Untuk Tujuan Haji Dan Umrah ” ini boleh dianggap sebagai satu kajian yang baru dalam dunia pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khas. Ini adalah kerana sepanjang pengamatan dan pemerhatian pengkaji sama ada di pasaran mahu pun menerusi internet, agak sukar mencari buku pengajaran ataupun modul bahasa Arab yang memberi fokus kepada ibadah Haji dan Umrah.

Walaupun bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa terdapat buku tentang penggunaan bahasa Arab dalam urusan Haji dan Umrah sebenarnya telah diterbitkan, antaranya buku karangan oleh Dr. Muhammad Sabri bin Sahrir yang merupakan seorang pensyarah bahasa Arab di UIAM iaitu *Panduan Bahasa Arab untuk Jemaah Haji dan Umrah* (2009). Buku ini dihasilkan bukan melalui penyelidikan yang khusus dan ia disusun pada dasarnya lebih cenderung dan memberi perhatian kepada penyusunan kamus dan isi kandungan yang berkaitan dengan teori dan praktikal bagi bakal jemaah Haji dan Umrah. Selain itu, buku ini juga mengandungi pembelajaran kosa kata, frasa dan ayat-ayat perbualan berdasarkan situasi. Namun begitu, ia tidak memuatkan tentang bahasa Arab yang digunakan dalam ibadah Haji dan Umrah seperti lafaz doa, niat dan zikir. Tidak dinafikan juga buku panduan Haji dan Umrah juga telah banyak diterbitkan, tetapi kebanyakannya dalam bentuk huraian hukum dan sesetengahnya dalam bentuk teks perbualan umum. Namun kajian khusus untuk perkataan dan ayat lazim Arab dalam penggunaan musim Haji dan Umrah masih belum dijalankan secara akademik dan terperinci.

Sebelum membuat kajian, pengkaji melakukan tinjauan terlebih dahulu terhadap beberapa kajian lampau yang telah dijalankan berkenaan dengan penyediaan modul yang berkaitan dengan bahasa Arab. Antara kajian modul berkaitan pembelajaran bahasa Arab yang telah dibuat seperti kajian "*Modul Asas Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah: Satu Analisis dan Penilaian*" oleh Mohd Puzhi Usop (2006). Kajian ini merupakan satu analisis penilaian terhadap modul bahasa Arab untuk tujuan ibadah. Ia yang direka khas untuk pelajar dewasa peringkat permulaan untuk membantu mereka mempelajari keindahan bahasa Arab di samping memahami dengan baik bacaan dalam ibadah seharian. Sintaksis dan morfologi telah disentuh mengikut kaitannya dengan apa yang terkandung dalam bacaan, zikir, ayat Al-Quran dan hadith yang terkandung dalam ibadah. Kajian "*Penyediaan Dan Penilaian Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar*

Universiti” oleh Saini Ag. Damit (2010). Kajian ini dibuat untuk membantu khususnya pelajar Universiti Malaysia Sabah yang terdiri dari pelbagai bidang dan pelbagai etnik agar dapat mempelajari bahasa Arab dengan mudah dan berkesan. Kajian “*Pembinaan Dan Penilaian Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab*” oleh Gazilah Mohd. Isa (2012). Kajian ini dibuat untuk mengenal pasti masalah pelajar dalam membina ayat bahasa Arab dari aspek sintaksis, leksikal dan morfologi, membangun pola pengajaran pola ayat bahasa Arab dan menilai keberkesanan modul pengajaran tersebut. Ummu Hani (2012) juga telah menjalankan satu kajian tinjauan terhadap persepsi orang awam terhadap pembelajaran bahasa Arab melalui al-Quran. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa matlamat utama orang awam mempelajari bahasa Arab adalah untuk memahami al-Quran dan bacaan dalam solat. Kajian “*Penilaian Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Pelancongan*” oleh Ahmad Jalaluddin Al-Islami bin Moh Sin (2013). Kajian ini dibuat untuk menilai keberkesanan modul bahasa Arab untuk tujuan pelancongan di Universiti Teknologi Mara.

Selain daripada itu, terdapat juga buku-buku yang dibuat untuk membantu proses pengajaran bahasa Arab seperti berikut, pertama; buku *Silsilatt Ta’līm Al-Lughatt Al-‘Arabiyyatt* (1993). *Silsilatt* ini adalah buku bahasa Arab yang dikarang oleh lebih dari 50 orang guru pakar yang berpengalaman dari Universiti al-Imam Muhammad Bin Sa’ud al-Islamiyyatt UAE. *Silsilatt* ini merupakan buku pengajaran bahasa Arab berdasarkan kepada ayat Al Quran Al Karim, hadis Nabi s.a.w, teks Feqah, Tauhid, Sejarah Islam dan sebagainya. Selain daripada itu, *Silsilatt* ini juga memberi penekanan kepada aspek sintaksis, morfologi, frasa, khat serta kemahiran asas bahasa Arab.

Kedua; buku “*Al-Rā’id*” susunan tenaga pengajar UiTM yang terdiri dari Dr. Ahmad Thalal Hassan, Ahmad Salleh, Dr. Muhd Arsyad Abdul Majid, Ibrahim Abdullah, Muhammad Yusoff, Dr. Janudin Sardi, Dr. Norhayuza Mohamad, Sahabudin

Salleh, Dr. Naimah Abdullah dan Dr. Ghazali Yusri Abd Rahman. Buku ini disediakan untuk pelajar UiTM dalam peringkat Ijazah Sarjana Muda. Buku ini juga memberi penekanan kepada kemahiran bahasa menerusi kaedah komunikasi. Buku ini disusun dalam tiga modul yang merangkumi pelbagai aspek pembelajaran bahasa Arab. Selain itu, buku ini juga menggunakan kaedah transliterasi dalam pengajaran dan pembelajaran.

Ketiga; buku "*Ta'lim Al-Lughatt Al-'Arabiyyatt Lil Aghrād Al-Akādimiyyatt*" telah dikarang oleh Ust Ibrahim Ahmad Al-Farisi, beliau adalah seorang tenaga pengajar di Jabatan Bahasa Al-Quran, UIAM. Buku ini dikarang untuk pelajar dalam pengkhususan Bahasa Arab dan Ilmu Wahyu di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Ia memberi penekanan kepada perkembangan kemahiran bahasa Arab pelajar iaitu kemahiran membaca, menulis, bertutur dan mendengar. Ia juga dikarang khas untuk penutur bukan Arab. Buku ini merupakan perkembangan baru dalam dunia pengajaran bahasa Arab kerana pendekatannya yang menjurus kepada pengajaran bahasa Arab untuk tujuan akademik (Arabic For Academic Purposes).

Keempat; buku "*Min Diya' al-Lughatt al-'Arabiyyatt*" susunan tenaga pengajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang terdiri dari Dr. Fuad Mahmud Ruwash, Dr. Mahdi Mas'ud, Dr. Wan Mat Sulaiman dan Dr. Rahmat Abdullah. Buku ini dikarang khusus untuk pelajar-pelajar matrikulasi aliran sains di UIAM. Buku ini memberi penekanan kepada kemahiran bahasa Arab, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Ia juga ditulis khas untuk penutur bukan Arab. Buku ini disusun dalam dua edisi yang merangkumi pelbagai aspek pembelajaran bahasa Arab.

Kelima; buku "*Ta'lim al-Lughatt al-'Arabīyyatt Li al-Nātiqīn bighairihā*" susunan tenaga pengajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) yang terdiri daripada Mahmud Margani Isawi (ketua), Hassan Hajjaj, Adil Mahdi, Mazli Malik

Tabib, al-Dhau al-Nur, Mohammad Sabri Shahrir dan Wan Rahiman Wan Hussin. Buku ini disediakan untuk pelajar-pelajar matrikulasi di UIAM khusus bagi aliran sastera. Ia juga ditulis khusus untuk penutur bukan Arab. Buku ini memberi penekanan kepada kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Buku ini disusun dalam empat modul yang merangkumi pelbagai aspek dalam pembelajaran bahasa Arab.

Keenam; buku “Elementary Modern Standard Arabic”, karangan Pater F. Abboud, Zaki N. Abdel Malek, Najm A. Bezirgan, Wallace M. Erwin, Mounah A. Khouri, Ernest N. McCarus, Raji M. Rammuny dan George N. Saad. Editor buku ini ialah Peter E. Abboud (Professor of Arabic University of Texas, Austin dan Ernest N. McCarus (Professor of Arabic, University of Michigan). Buku ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian awal dalam bahagian pertama buku ini sesuai untuk dijadikan panduan pengkaji dalam penyediaan modul, kerana ia menerangkan tentang kaedah mempelajari bahasa Arab bermula dari peringkat awal lagi seperti mengenal huruf Arab, cara menulis, cara menyebut dan membaca seterusnya menyusun perkataan dan ayat di samping pengenalan kepada perbualan yang ringkas. Buku ini juga menggunakan kaedah transliterasi untuk memudahkan pelajar menyebut perkataan Arab.

Ketujuh; buku “*al-‘Arabīyatt li al-Nāshī‘īn*” karangan Mahmud Ismail, Nasif Mustafa Abdul Aziz dan Mukhtar Tahir Husayn. Buku ini dahulunya digunakan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, tetapi sekarang buku ini sudah tidak digunakan lagi di universiti tersebut. Buku ini mengandungi enam modul yang merangkumi pelbagai aspek dalam pembelajaran bahasa Arab.

Kelapan; buku “*al-Lughatt al-‘Arabīyyatt Li al-Mustawā al-Awwal*”, karangan lapan orang tenaga pengajar bahasa Arab di Universiti Putra Malaysia yang terdiri dari Abd. Rauf Hj. Hassan, Mohd. Azidan Abd. Jabar, Zulkifli Ismail, Pabiah Hj. Maming, Ahmad Hj. Hasbullah, Mohd. Fauzi Juningan, Che Radiah Mezah dan Reha Mustafa.

Buku ini juga sesuai dijadikan panduan dalam penyediaan modul asas bahasa Arab untuk pelajar kerana ia menggunakan kemahiran bahasa dan sintaksis yang mudah dalam mempelajari bahasa Arab.

Kesembilan; "*Kitāb al-Lughatt al-'Arabiyyatt* (1) karangan Dr. Haji Mohammad bin Seman, Mat Taib bin Pa, Ahmad Syukri bin Musa, Mohammad Nizam bin Wahab, Suzana binti Othman, Zaitun binti Mustafa dan Zalina binti Abdul Majid. Buku ini digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Kolej Teknologi Islam Melaka. Ia merangkumi pelbagai aspek dalam pembelajaran bahasa Arab. Ia juga ditulis khas untuk penutur bukan Arab.

Pengkaji berharap modul dan buku yang dicadangkan ini bukan sahaja akan dapat menambah koleksi bahan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, malah memberi manfaat, kemudahan dan pembaharuan dalam mempelajari bahasa Arab kepada seluruh umat Islam khususnya di Malaysia.

Kesimpulan hasil dari pengamatan pengkaji terhadap kajian dan penulisan terdahulu, pengkaji mendapati kesemua karya tersebut tidak memberi penekanan khusus kepada aspek kajian tentang bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Namun karya tersebut turut membantu pengkaji untuk memberi cetusan idea tentang proses dan perjalanan penyelidikan bahasa Arab bagi tujuan khas serta penghasilan modul berkaitan.

1.8 Kerangka Kajian

Tesis ini terbahagi kepada tujuh bab utama. Setiap bab dimulakan dengan pendahuluan dan diakhiri dengan penutup sebagai rumusan. Bab pertama merupakan bab pengenalan yang membincangkan tentang pernyataan masalah yang mendorong

pengkaji untuk menjalankan kajian ini, kepentingan kajian, objektif kajian, soalan kajian, batasan kajian, tinjauan kajian berkaitan, rangka kajian dan di akhiri dengan penutup.

Bab kedua pengkaji telah membincangkan tentang landasan teori kajian. Dalam bab ini terdapat beberapa subtopik yang berkaitan telah dibincangkan antaranya pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di Malaysia, kosa kata bahasa Arab, ciri kosa kata bahasa Arab dan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Selain itu juga pengkaji telah menghuraikan secara ringkas tentang pengenalan struktur bahasa Arab. Dalam pada itu pengkaji juga telah membincangkan tentang aspek yang berkaitan dengan modul bahasa Arab iaitu bahasa Arab untuk tujuan khas, modul bahasa Arab, ciri modul yang berkesan dan prinsip penggunaan modul. Bagi memastikan keberkesanan modul, pendapat pakar dalam penyediaan modul bahasa telah dibincangkan.

Bab ketiga pula, pengkaji telah membentangkan dan memperincikan bab metodologi kajian yang telah digunakan dalam kajian ini. Antara bab yang telah diperincikan oleh pengkaji ialah kerangka konseptual, reka bentuk kajian, prosedur kajian, isi kandungan modul kajian, responden kajian, instrumen kajian, proses pengumpulan data serta kesahan dan kebolehpercayaan data.

Bab keempat pula, dalam proses penyediaan modul, pengkaji membuat tinjauan awal untuk menentukan keperluan terhadap modul tersebut. Dengan itu pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik ke atas kira-kira 300 orang responden. Terdapat beberapa soalan yang berkaitan telah diajukan melalui borang soal selidik kepada responden untuk memastikan agar modul yang dibina benar-benar memenuhi keperluan. Maklumat yang berjaya dikumpul tadi telah dianalisis dan penilaian juga telah dibuat. Keputusan dapatan dari borang soal selidik tersebut telah ambil kira dalam pembinaan modul.

Apabila keputusan soal selidik pertama dapat dinilai dan dianalisis, pengkaji seterusnya telah membentangkan konsep penyediaan modul yang tajuk iaitu “*Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Haji Dan Umrah*” dalam bab kelima. Dalam pembinaan modul tersebut pengkaji telah membahagikan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian primer dan bahagian skunder. Di samping itu, pengkaji juga telah mengemukakan tajuk pelajaran tambahan dalam modul iaitu asas nahu Arab bagi memenuhi keperluan modul.

Bab keenam pula adalah bab analisis tinjauan keberkesanan modul yang dibuat melalui pemakaian tiga instrumen kajian iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Borang soal selidik yang diedarkan dalam bab ini merupakan edaran kali kedua untuk mendapatkan maklum balas terhadap modul telah dibina. Dapatan daripada ketiga-tiga instrumen tadi dianalisis untuk mengenal pasti keberkesanan dan kesesuaian modul. Dalam bab ini pengkaji juga telah membuat rumusan terhadap hasil dapatan yang diperolehi dan membuat beberapa cadangan pengubahsuaian modul.

Rumusan keseluruhan kajian dan saranan pula telah dikemukakan dalam bab tujuh berikutan hasil daripada penyelidikan yang telah dijalankan dan modul yang telah dibina sebagai pengakhiran pengkajian.

1.9 Penutup

Kajian bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah adalah untuk menyediakan suatu prasarana penelitian yang objektif dan autentik sifatnya kepada para pengkaji bahasa Arab khususnya dan kepada seluruh umat Islam secara amnya. Pengkaji berharap segala usaha yang lakukan ini dapat memberikan cetusan idea baru bidang penyelidikan terutama sekali dalam pembinaan modul pengajaran dan pembelajaran

bahasa Arab di Malaysia khususnya dalam membantu umat Islam mengerjakan Haji dan Umrah.

Diharapkan juga supaya dapatan yang diperolehi daripada kajian ini dapat mencerminkan perilaku tipikal kata dan frasa bahasa Arab dalam persekitaran penggunaannya yang sebenar dan dapat pula dijadikan asas untuk pembinaan modul khusus untuk para jemaah Haji dan Umrah dalam pelbagai versi.

University of Malaya

BAB DUA

LANDASAN TEORI KAJIAN

2.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji telah membentangkan aspek yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab iaitu pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di Malaysia, pengenalan kosa kata bahasa Arab, ciri kosa kata bahasa Arab, teknik pengajaran dan pembelajaran kosa kata Arab dan huraian ringkas tentang pengenalan struktur kosa kata bahasa Arab.

Dalam pada itu, pengkaji juga telah membincangkan tentang elemen-elemen yang berkaitan dengan modul iaitu bahasa Arab untuk tujuan khas, definisi modul, ciri modul yang berkesan dan prinsip penggunaan modul. Di akhir bab ini, pengkaji telah membincangkan dan mengambil kira terhadap pendapat pakar tentang pembinaan modul supaya modul yang dibina berkesan dan menepati kehendak.

2.1 Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia

Selepas kemunculan agama Islam, bahasa Arab telah berkembang dengan meluas dan digunakan sebagai bahasa utama dalam agama Islam. Ia merupakan bahasa yang digunakan untuk memahami Islam dan menunaikan ibadah. Bahasa Arab telah berkembang di pusat pengajian ilmu Islam seperti madrasah dan pondok. Ia juga berkembang sebagai bahasa komunikasi malah menjadi bahasa rasmi di negara-negara Arab.

Bahasa Arab telah memasuki Tanah Melayu melalui pedagang Arab yang berlayar ke Cina. Dalam pelayaran itu, mereka singgah untuk mengambil bekalan dan menunggu pertukaran angin untuk meneruskan pelayaran (Badruddin Haiyi al-Sini, 1950). Peringkat permulaan bahasa Arab mula berkembang dalam hubungan antara pedagang Arab dengan masyarakat tempatan sebagai bahasa perhubungan atau komunikasi. Bermula dari sinilah bahasa Arab mula mengorak langkahnya melalui perkembangan pengajaran ilmu Islam. Hal ini jelas dapat dilihat apabila seseorang Muslim hendak menunaikan ibadah, bahasa yang digunakan hanya bahasa Arab, khususnya dalam ibadah solat, doa, wirid dan sebagainya. Masyarakat mula menggunakan bahasa Arab dalam menunaikan ibadah walaupun mereka tidak memahaminya. Pengajaran bahasa Arab mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Malaysia untuk memahami ilmu agama Islam khusus bagi memahami kitab Islam yang muktabar yang ditulis dalam bahasa Arab. Mereka mempelajari bahasa Arab untuk mengetahui makna perkataan dan memahami susunan ayat yang terdapat dalam kitab tersebut.

Pada zaman perkembangan Islam di Tanah Melayu sekitar kurun ke-14, pengajaran bahasa Arab telah berkembang mengikut perkembangan pendidikan Islam di Istana-Istana (Ismail Hamid, 1991). Pengajaran bahasa Arab secara rasmi jelas dapat dilihat dalam masyarakat Melayu apabila munculnya pusat pengajian Islam yang berbentuk pondok pada abad ke-18M (Abdullah Jusuh, 1989). Hasil daripada pembelajaran bahasa Arab di pusat pengajian seperti pondok inilah, lahirnya ramai ulama' yang mampu memahami kitab Islam yang tinggi.

Pada kurun ke-20, muncul pula pusat pengajian Islam yang berbentuk madrasah atau persekolahan yang telah memberi sumbangan dalam pembelajaran bahasa Arab. Pengajaran bahasa Arab di sekolah begitu menyerlah dengan kepelbagaian mata pelajaran yang diajar jika dibandingkan dengan mata pelajaran yang terdapat di pusat

pengajian pondok. Dengan adanya sekolah tersebut pelajar mampu meningkatkan penguasaan bahasa Arab dan mampu menimbulkan minat dikalangan pelajar untuk terus mempelajari bahasa Arab.

Perkembangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab mengorak langkah lagi apabila ia diberikan perhatian oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Hal ini dapat dilihat apabila telah tertubuhnya sekolah menengah kebangsaan Agama (SMKA) yang timbul pada tahun 1977. Sekolah-sekolah ini memberi ruang kepada pengajaran bahasa Arab dengan lebih menarik dan sukatan pembelajarannya digubal dan disusun semula mengikut keperluan semasa. Selain daripada peringkat sekolah, pengajian bahasa Arab telah berkembang dengan meluas apabila adanya institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pelbagai kursus pengajian islam dalam bahasa Arab.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan beberapa objektif pengajaran bahasa Arab di Malaysia dan ia telah dibahagikan kepada objektif umum dan khusus. Antara objektif umum ialah (*Wizarah Tarbiyyah Malayziyyah (a), 2003*) :-

1. Membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran berbahasa dan mempraktisny.
2. Membekalkan pelajar dengan penguasaan kosa kata yang banyak serta mempertingkatkan kemampuan mereka dalam penggunaan bahasa Arab yang betul.
3. Mempertingkatkan diri mereka dengan nilai-nilai Islam dan akhlak yang mulia.

Manakala antara objektif khusus pula ialah (*Wizarah Tarbiyyah Malayziyyah (a), 2003*):-

1. Mendengar bacaan ayat al-Quran dan bacaan hadith dengan baik serta dapat memahami maknanya.
2. Mendengar berita Arab serta memahami maknanya dan berbincang tentangnya.

3. Bertutur dalam bahasa Arab dengan baik dalam situasi tertentu.
4. Membaca pelbagai bahan bacaan serta memahami maknanya dan berbincang tentangnya.
5. Menulis dalam pelbagai bidang dan berbincang tentangnya.
6. Menguasai kemahiran tulisan khat nasakh mengikut kaedahnya yang betul.
7. Menguasai perkataan baru tidak kurang daripada 800 patah perkataan dan menggunakannya untuk bertutur, membaca dan menulis.
8. Menguasai kaedah nahu serta mampu mempraktiskannya.
9. Menggunakan kamus Arab yang sesuai bagi mempertingkatkan penguasaan kosa kata.
10. Membiasakan pelajar bagi menggunakan alat teknologi moden yang berhubung dengan bahasa Arab.

2.1.1 Strategi Pengajaran Dan Pembelajaran

Menurut Kementerian Pelajaran (1983:27), strategi pengajaran dan pembelajaran yang disarankan ialah untuk membina dan mengukuhkan minat para pelajar terhadap pembelajaran serta membimbing mereka supaya bersedia menerima pelajaran seterusnya dan berupaya pula meneruskannya sendiri. Strategi bermaksud kebijaksanaan dalam menguruskan sesuatu perkara. Mengikut Kamus Dewan (1998), strategi merupakan rancangan yang teratur untuk mencapai matlamat atau kejayaan. Di dalam bidang pendidikan, konsep strategi merujuk kepada kebijaksanaan memilih pendekatan serta kecekapan merancang kaedah dan teknik dalam pengajaran dan pembelajaran berdasarkan objektif pelajaran yang telah ditentukan (Mok Soon Sang, 2011).

Satu strategi yang telah disarankan untuk mencapai taraf pencapaian pelajar yang maksimum ialah penggabungjalinan. Strategi ini memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses penggabungjalinan ini beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak dan cara ini juga dapat mengelakkan rasa bosan dalam proses pembelajaran. Menurut Kamaruddin Husin (1996) untuk mencapai kemahiran asas dengan lebih berkesan dan untuk mendapat isi ilmu pengetahuan secara tidak langsung, maka sesuatu pelajaran itu haruslah disampaikan secara bersepadu. Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia lebih menekankan kepada penguasaan empat kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis (*Wizarah Tarbiyyah Malayziyyah, 2003*).

Konsep penggabungjalinan dalam pengajaran bahasa bukanlah satu konsep baru. Dalam pengajaran bahasa, kemahiran bahasa adalah merupakan satu strategi yang melibatkan semua kemahiran sama ada mendengar, bertutur, membaca dan menulis atau sebagainya. Dalam hal ini tenaga pengajar bahasa sebenarnya sama ada sengaja atau tidak sengaja memang telah menggabungjalinan aspek bahasa tersebut. Penegasan penggabungjalinan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah bertujuan untuk mengelakkan *compartmentalization* iaitu satu usaha untuk mengelakkan daripada mengajar sesuatu kemahiran bahasa itu dengan dengan mengasing-asingkan bahagian bahasa yang berkait rapat (Kamaruddin, 1996).

Selain itu, teknik pengajaran yang digunakan seharusnya sesuai dengan perkembangan diri dan kebolehan pelajar supaya pembelajaran itu lebih menarik, berkesan dan bermakna (Kamaruddin, 1996). Teknik ini telah menggalakkan guru menjalankan pelbagai kegiatan dan menggunakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai mengikut kebolehan, keupayaan, bakat dan minat pelajar. Strategi pengajaran dan pembelajaran menegaskan kepandaian memilih, menyusun dan mengurus sesuatu rancangan dengan tujuan menghasilkan pencapaian yang maksimum.

2.1.2 Teori Bahasa

Teori pula merupakan satu rumusan daripada pengetahuan sedia ada yang memberi panduan untuk menjalankan satu kajian penyelidikan dan untuk memperolehi maklumat baru. Ia juga merupakan prinsip yang kasar yang menjadi dasar pembentukan sesuatu ilmu pengetahuan. Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, terdapat banyak teori yang digunakan untuk mendasari pengkaedahan dalam pengajaran bahasa. Menurut Kamarudin (2001:116) terdapat lebih kurang sepuluh teori linguistik yang terkenal digunakan dalam menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa. Namun hanya dua teori sahaja yang dianggap penting untuk mendasari pengkaedahan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa (Kamaruddin, 1996). Teori tersebut ialah teori mekanis (*behaviourisme*) dan teori mentalis (*kognitif*).

2.1.2.1 Teori Mekanis (Behaviourisme)

Teori ini memandang bahasa sebagai satu aktiviti fizikal semata-mata dan mementingkan satu rangkaian turutan sebab dan kesan. Ia menganggap faktor persekitaran sebagai rangsangan dan tindak balas organisma pada rangsangan iaitu tingkah laku sebagai gerak balas. Teori ini menekankan bahawa bahasa adalah perangai dan individu lebih banyak belajar melalui pengalaman daripada melalui pemikiran otaknya.

Antara tokoh mazhab behavioris berpengaruh dalam pembentukan teori pembelajaran ini ialah **Palov**, **Thorndike** dan **Skinner** (Mok Soon Sang, 2011). Mereka berpendapat pembelajaran adalah berkaitan dengan perubahan tingkah laku seseorang. Teori ini mempunyai beberapa ciri penting (Kamarudin, 1996) :

- a) Bahasa dikuasai melalui proses pengulangan.

- b) Bahasa adalah suatu tingkah laku manusia yang dihasilkan daripada operasi rangsangan dan tindak balas.
- c) Bahasa adalah alat untuk berhubung.
- d) Makna sebagai pancaran fikiran dan perasaan manusia dianggap sebagai tidak penting.
- e) Pengukuhan dan ganjaran dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran adalah penting.
- f) Bahasa dihuraikan secara deskriptif atau struktural.
- g) Dalam proses pembelajaran, kesalahan yang dilakukan oleh pelajar adalah kegagalan pelajar itu membentuk biasan yang tepat dan betul.

2.1.2.2 Teori Mentalis (Kognitif)

Teori ini menganggap bahasa sebagai satu aktiviti mental yang merupakan satu kebolehan khas manusia secara semula jadi. Ia menganggap bahasa adalah satu pengetahuan yang dihasilkan oleh proses dalam otak dan saraf dan ini boleh berlaku setelah ianya menerima bahan buku dalam bentuk perangsang daripada telinga, mata dan lain-lain alat pancaindera. Teori ini sangat menegaskan “makna” dan proses yang tersembunyi yang terlibat dengan penghasilan bahasa. Menurut teori ini, semua bidang penghuraian bahasa mestilah berdasarkan logik akal, kerana sesuatu yang tidak dapat diertikan itu adalah tidak bermakna dan tidak dapat diterima.

Dalam teori ini, cara pembelajaran akan ditumpukan mengikut kaedah penyelesaian masalah, pemikiran celik akal dan penemuan berdasarkan pengalaman. Ahli mazhab Kognitif seperti Kohler, Bruner, Gagne dan Ausubel berpendapat bahawa pembelajaran merupakan suatu proses dalaman yang berlaku dalam akal fikiran dan

tidak dapat diperhatikan secara langsung daripada tingkah laku manusia. Teori mentalis mengutarakan beberapa ciri penting (Kamarudin, 1996) :-

- a) Manusia semenjak lahir lagi sudah mempunyai kebolehan untuk menguasai bahasa.
- b) Dua bahagian penting di dalam proses penguasaan bahasa iaitu kemampuan dan prestasi.
- c) Bahasa mempunyai pertalian yang erat dengan pemikiran.
- d) Bahasa mempunyai ciri kesejagatan.
- e) Bahasa mempunyai ciri kreativiti.
- f) Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, aspek pemikiran, pengetahuan dan makna adalah ditekankan.
- g) Bahasa dihuraikan melalui analisa transformasi-generatif.
- h) Kesalahan pelajar bukanlah merupakan kegagalan mereka tetapi ia adalah satu percubaan hipotesis.

2.1.3 Pendekatan Pengajaran Bahasa

Pendekatan dalam pengajaran bahasa ialah satu kumpulan andaian yang saling berkaitan tentang hakikat bahasa, hakikat pengajaran bahasa dan hakikat pembelajaran bahasa (Kamarudin, 1996). Pendekatan juga harus mencerminkan satu teori bahasa, atau satu teori pengajaran dan pembelajaran bahasa. Terdapat empat jenis pendekatan pengajaran bahasa iaitu :-

- a) Pendekatan Induktif.
- b) Pendekatan Deduktif.
- c) Pendekatan Eklektik.

d) Pendekatan Komunikatif.

2.1.3.1 Pendekatan Induktif

Pendekatan ini merupakan satu pendekatan pengajaran bahasa yang memulakan sesuatu pembelajaran dengan melihat penggunaan unsur bahasa yang diajar melalui contoh (Kamarudin, 1996). Pendekatan ini mengutamakan contoh pada awal pengajaran dan digeneralisasikan daripadanya. Manakala guru tidak digalakkan memberi definisi, penerangan, isi atau kandungan keseluruhan pelajaran yang hendak disampaikan atau memberikan objektif pengajaran pada awal pengajaran. Pelajar akan diberikan contoh dan aktiviti mengenai pelajaran yang dipelajari diperingkat permulaan dan barulah dijelaskan definisi dan pengenalan pelajaran itu. Pendekatan ini mempunyai beberapa kelebihan dan kelemahannya. Antaranya (Abdullah Hassan, 1996:124):-

1. Kelebihan pendekatan induktif:-
 - a. Sesuai untuk semua bahasa: Pendekatan ini amat berkesan untuk bahasa yang mempunyai system tatabahasa yang tersusun rapi. Hanya dengan mengajar satu sistem rumusan tatabahasa sahaja, kita dapat mengajarkan semua binaan tatabahasa yang mempunyai ciri yang sama.
 - b. Pelajar membuat generalisasi secara aktif: Melalui contoh bahasa yang diberikan, pelajar mampu membuat generalisasi dengan sendiri. Bermula dengan contoh seterusnya memahami tatabahasa maka pelajar mampu menghasilkan ujaran yang sama. Pengulangan ingatan semula terhadap rumus dan contoh yang sebenar dapat dilakukan dengan mudah serta dapat membantu memperkukuhkan pembelajaran unsur tatabahasa yang dipelajari.

c. Pelajaran hampir dengan kehidupan: Salah satu kebaikan pendekatan induktif ini ialah setiap bahan, unsur dan contoh yang diambil daripada ujaran yang sebenar. Diambil dari situasi sebenar dan memudahkan pelajar untuk menghafalnya.

2. Kelemahan pendekatan induktif:-

- a. Menggunakan banyak masa: Guru perlu menyediakan bahan dengan teliti, memerlukan banyak masa untuk menyelesaikan sesuatu butiran.
- b. Tidak memenuhi kehendak pelajar: Disebabkan contoh yang banyak, pelajar kerap juga berasa kurang sabar. Sukar mendapat kerjasama dari pelajar dalam kelas.
- c. Memerlukan kepada maklumat asas yang kuat: Pengetahuan asas yang tertentu amat diperlukan, lagipun pembelajaran bahasa itu adalah lazimnya adalah pembelajaran yang merupakan suatu proses bertompok.
- d. Membebankan pelajar: Pelajar akan menghadapi tekanan beban tugas yang terlalu banyak, ini kerana setiap pelajaran menggunakan banyak contoh untuk menjelaskan suatu butiran rumusan tatabahasa.

2.1.3.2 Pendekatan Deduktif

Pendekatan deduktif merupakan satu kaedah pengajaran yang memulakan sesuatu kajian dengan melihat secara keseluruhan aspek pembelajaran itu sebelum kesimpulan dibuat. Ia juga merupakan satu kaedah yang kompleks kerana kaedah ini memerlukan tahap kefahaman yang komprehensif dan pengetahuan yang lengkap serta berupaya memilih rumus, prinsip, hukum, peraturan dengan tepat untuk diaplikasikan dalam contoh yang khusus (Kamarudin, 1996).

Konsep deduktif boleh ditakrifkan sebagai satu pendekatan dalam mempelajari sesuatu hukum. Ia merupakan proses penaklukan yang bertujuan mendapatkan fakta atau contoh tertentu daripada peraturan umum. Antara kelebihan pendekatan deduktif ialah :-

- a) Ia merupakan satu cara yang mudah untuk menyampaikan isi pelajaran.
- b) Ia menjimatkan masa dan tenaga.
- c) Cara ini adalah cara tradisional yang sudah lama digunakan.
- d) Ia patut digunakan oleh tenaga pengajar kerana secara tradisinya tenaga pengajar akan memberikan penerangan terlebih dahulu sebelum memulakan pengajaran dan pembelajaran.

Antara kekurangan pendekatan deduktif pula ialah:-

- a) Pengajaran yang membosankan: Pengajaran yang bermula dengan rumusan tata bahasa mungkin akan menyebabkan pelajar berasa bosan. Apabila terdapat pola bahasa yang sukar difahami, maka proses pembelajaran sekaligus akan membosankan pelajar.
- b) Kefahaman tidak sama dengan penggunaan: Pelajar berkemungkinan memahami sistem bahasa dengan baik, tetapi ia belum menjamin yang dia sudah dapat menguasai bahasa yang dipelajari.

Pendekatan ini juga menyarankan supaya :-

- a) Tatabahasa diajar dengan menerangkan peraturan atau undang-undangnya dahulu sebelum diberi contoh.
- b) Pelajar dikehendaki menghafaz hukum nahu supaya pengetahuan mereka mengenai hukum tersebut dapat memudahkan pembelajaran mereka.
- c) Tenaga pengajar perlu menggunakannya untuk menjimatkan masa dan tenaga.
- d) Ia amat berkesan digunakan pada peringkat kelas tinggi dan kurang berkesan jika digunakan di sekolah.

2.1.3.3 Pendekatan Eklektik

Pendekatan ini menggabungkan pendekatan deduktif dan induktif lalu menghasilkan satu strategi pengajaran. Kamarudin Hj Husin (1996) merumuskan cara ini menggunakan model seperti berikut:-

1. Penekanan kepada pendekatan induktif

Contoh → Generalisasi → Contoh

2. Penekanan kepada pendekatan deduktif

Generalisasi → Contoh → generalisasi

Kaedah ini mempunyai beberapa ciri diantaranya seperti berikut :-

- i. Satu cara mengajar bahasa yang menggunakan pelbagai kaedah, tidak terikat kepada satu kaedah mengajar sahaja.
- ii. Guru boleh menggunakan usaha dan daya kreativiti tersendiri.
- iii. Guru boleh mengajar mengikut kebolehan dan kemampuan pelajar.
- iv. Penggunaan pendekatan ini membolehkan pelajar berfikir secara terus dalam bahasa yang dipelajarinya.
- v. Pendekatan ini banyak menggunakan latihan dalam pengajaran.

2.1.3.4 Pendekatan Komunikatif

Pendekatan komunikatif merupakan satu pendekatan bahasa yang lahir apabila satu teori yang menganggap bahasa sebagai satu komunikasi. Pendekatan komunikatif telah wujud pada tahun 1970an dan selalunya ia dirujuk kepada Dell Hymes (1970), Wilkins (1970), Van Ek (1979), Littlewood (1981) dan Widowson (1984). Wilkins

telah mencadangkan supaya melihat takrif fungsian dan komunikatif bahasa sebagai landasan bagi membentuk kokurikulum baru dalam pembelajaran bahasa. Matlamat pengajaran bahasa mengikut pendekatan ini ialah untuk membentuk apa yang dimaksudkan oleh Hymes (1972) sebagai 'keupayaan berkomunikasi'. Penggunaan pendekatan komunikatif ini di dalam pengajaran bahasa dapat menjadikan pelajar berupaya berkomunikasi dalam bahasa yang dipelajari. Hal ini kerana, penumpuan lebih diberikan kepada perbualan serta latihan-latihan petuturan. Manakala bilik darjah sering kali dijadikan sebagai persekitaran tiruan bagi pembelajaran bahasa asing (Zawawi Ismail, 2005).

Finnocgiaro dan Brumfit (1983) telah menerangkan dengan jelas tentang ciri pendekatan komunikatif antaranya :-

- a) Makna adalah sangat dipentingkan.
- b) Konteks dan situasi adalah sangat penting.
- c) Pembelajaran bahasa adalah cara untuk berhubung.
- d) Latih tubi boleh berlaku tetapi tidak digalakkan.
- e) Keupayaan komunikasi adalah matlamat pembelajaran.

Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan komunikatif amat berguna dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa lebih-lebih lagi dalam pembentukan sesebuah modul perbualan.

2.2 Kosa Kata Bahasa Arab

Dalam konteks pendidikan, matlamat pengajaran sesuatu bahasa itu adalah untuk melahirkan pelajar yang berketerampilan dan berkemampuan dalam menguasai

keempat-empat kemahiran berbahasa, iaitu kemahiran mendengar, membaca, bertutur dan menulis. Bagi melengkapkan penguasaan keempat-empat kemahiran ini, kosa kata merupakan elemen utama yang harus dititik beratkan. Kosa kata merupakan satu elemen yang penting dalam mempelajari bahasa asing. Ia merupakan aspek yang utama berbanding aspek yang lain dan menjadi komponen yang utama dalam proses berkomunikasi (Asmah 1984:64). Penguasaan bahasa bergantung kepada penguasaan kosa kata yang baik. Pemilihan kosa kata yang tepat dan penyusunan ayat yang betul akan menghasilkan ungkapan yang sempurna. Penguasaan kosa kata boleh menentukan tahap penguasaan bahasa asing samada melalui pertuturan dan penulisan.

Kekurangan pengetahuan berkaitan kosa kata menyebabkan pelajar kurang berkeyakinan pada diri sendiri. Apabila seseorang berjaya menguasai kosa kata dengan baik dan berkesan dalam sesuatu bahasa, proses berkomunikasi akan dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Ini kerana dalam proses berkomunikasi hanya dengan mengujarkan satu patah perkataan sahaja misalnya seseorang boleh menyampaikan mesej yang dikehendaki. Wallacee (1982:9) menjelaskan antara pengalaman yang tidak selesa apabila berkomunikasi dengan penutur bahasa lain adalah apabila seseorang itu gagal mengungkapkan perkataan untuk menyatakan sesuatu dan mengingati kosa kata yang ingin digunakan. Kosa kata merupakan istilah yang digunakan bagi perkataan yang terdapat dalam semua bahasa. Setiap bahasa mempunyai kosa kata dengan ciri-cirinya yang tersendiri.

Menurut Kamus Dewan (1997:708) kosa kata yang juga sinonim dengan perbendaharaan kata, merupakan keseluruhan kata dalam sesuatu bahasa. Dengan ini kesemua perkataan yang terhimpun dalam sesuatu bahasa dianggap kosa kata bahasa tersebut. Dalam konteks bahasa Arab, istilah yang paling tepat dengan maksud kosa kata ialah *كلمات* (*kalimatt*) atau *مفردات* (*mufradāt*). (*al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasiyy*, 1999:925). Para sarjana bahasa moden mendefinisikan *كلمات* (*kalimatt*) sebagai suatu

lafaz yang mempunyai fungsi tertentu dalam sesuatu susunan ayat. Ia berfungsi sebagai satu unit daripada unit-unit leksikal yang boleh diasingkan, digugurkan, dikecualikan atau diubah kedudukannya dan digantikan dengan yang lain dalam sesuatu konteks ayat. Ia biasanya berasal daripada tiga huruf dan kadangkala terdapat huruf tambahan (Tamam Hassan, 1985:232). Abbas Hassan (t.t: 13) menjelaskan maksud *kalimatt* sebagai gabungan huruf konsonan dalam sesuatu perkataan yang memberikan makna. Sekiranya ia tidak menjelaskan sesuatu maksud maka ia bukan dianggap *kalimatt*, tetapi ia hanya bunyi semata-mata. Dengan itu *kalimatt* merupakan sejumlah perkataan dalam sesuatu bahasa yang dilihat kepada nilai makna yang dibawa dan merupakan satu elemen dalam pembentukan bahasa.

Para sarjana bahasa Arab telah membincangkan tentang kosa kata bahasa Arab dalam *fiqh al-lughatt* atau *usul al-lughatt* dengan mengkaji keseluruhan asal usul bahasa. Ia merangkumi perkembangan, pembahagian dan ciri kosa kata serta hubungannya dengan makna. Sejak zaman jahiliah dan sebelum kedatangan Islam lagi bahasa Arab telah berkembang yang mengandungi lafaz yang kasar bunyiannya dan makna yang terbatas. Walau bagaimanapun, selepas kedatangan Islam kosa kata Arab telah mula berkembang dengan lafaz yang lebih tinggi nilainya dan lebih meluas maknanya dalam pelbagai aspek dengan kelebihan yang dibimbing oleh al-Quran.

Al-Quran telah memperkenalkan istilah baru yang tidak terdapat sebelumnya. Ia bersesuaian dengan tuntutan ilmu Islam yang mana ia berasaskan dengan al-Quran. Maka perhatian yang sewajarnya perlu diberikan kepada kelemahan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar bahasa Arab bagi membolehkan mereka sedikit sebanyak menguasai bahasa al-Quran dengan baik dan dapat memanfaatkan isi kandungannya dalam kehidupan seharian. Seterusnya mereka dapat menghayati keindahan retoriknya melalui pemahaman yang baik dan betul berkenaan kosa katanya yang sering disebut sebagai (*mufradāt al-Quran*). Ini kerana pengetahuan dan pemahaman leksikal sesuatu

bahasa itu hendaklah meliputi maklumat fonologi, morfologi, sintaksis, semantik dan pragmatik setiap kata yang dipelajari (Akmajian, 2002: 12). Dengan demikian juga, telah lahir pelbagai ilmu seperti ilmu Kalam, Usul al-Fiqh, ilmu al-Qira'at, al-Hadith, al-Faraid, al-Tasawwuf, al-Tafsir dan lain-lain lagi.

Dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa asing, perbendaharaan kata atau kosa kata memainkan peranan yang penting dalam berkomunikasi samaada secara lisan mahupun tulisan. Rahimah Hj. Sabran (1989) mengatakan bahawa perbendaharaan kata adalah asas yang penting dalam mewujudkan komunikasi yang berkesan samada komunikasi melalui lisan, tulisan mahu pun bacaan. Tanpa pengetahuan perbendaharaan kata yang mencukupi, seseorang itu sukar memahami mesej yang hendak disampaikan oleh penulis. Penguasaan bahasa dilihat berkait rapat dengan jumlah kosa kata yang dikuasai kerana dapat memberikan kesan kepada kefahaman dalam bacaan, kepetahan bertutur dan kemahiran menulis. Masalah penguasaan kosa kata yang berkaitan dengan keperluan komunikasi dalam bahasa kedua, misalnya turut disentuh oleh Beaton, Gruneberg dan Ellis dalam petikannya: "*A major problem facing the second language learner is to acquire a sufficiently large vocabulary to be able to communicate effectively*". (Beaton et al., 1995:1112). John Morgan dan Mario Rinvoluceri (1997:3) juga turut menegaskan bahawa kosa kata amat penting bagi pelajar bahasa asing.

Para sarjana bahasa berpendapat bahawa pengajaran dan pembelajaran berkaitan leksikal kurang diberikan perhatian. Mereka telah mengaitkan keadaan ini dengan kepercayaan umum bahawa apabila seseorang pelajar bahasa itu telah menguasai aspek tatabahasa, maka dengan sendirinya ia akan mudah memperluaskan kosa katanya. Menurut Hassan Basri (1994: 50-51), majoriti para pendidik melihat bahawa pengajaran bahasa itu telah merangkumi pengajaran kosa kata itu sendiri, manakala sebahagian yang lain pula mengatakan pelajar tidak perlu diajar kosa kata yang banyak kerana berkemungkinan menyebabkan mereka melakukan kesilapan dalam menulis ayat

sebelum mereka mahir dalam nahu. Berdasarkan kajian berkenaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang dijalankan, beliau berpendapat bahawa pengajaran tentang kosa kata bahasa kurang diberi perhatian. Justeru itu, beliau menyarankan agar aspek kosa kata seharusnya diberikan perhatian serius kerana kelemahan pelajar dalam bidang penuisan, pertuturan, dan pembacaan berpunca daripada kelemahan menguasai kosa kata bahasa Arab.

Pandangan tersebut seharusnya diberikan perhatian dan dititik beratkan oleh para guru bahasa Arab, dan jangan dipandang remeh. Ini kerana jika pelajar gagal menguasai kosa kata dengan baik, bagaimanakaah mereka akan melangkah kepada subkemahiran yang lain. Pelajar yang gagal menguasai makna perkataan dengan betul, misalnya tidak mungkin dapat meletakkan kata dalam konteks yang tepat. Begitu juga pelajar yang lemah dalam penguasaan asas seperti membezakan bunyi vocal panjang dan pendek dalam sebutan sudah tentu akan mecacatkan kemahiran bertutur yang berkemungkinan juga boleh mempengaruhi makna atau mesej yang ingin disampaikan.

Penguasaan kosa kata bahasa pertama biasanya dilalui oleh kanak-kanak secara tidak disedari. Mereka menguasai kosa kata secara semula jadi melalui pendedahan bunyi perkataan yang didengari di sekeliling mereka. Kanak-kanak juga dikatakan telah terdedah dengan kosa kata bahasa ibunda mereka sejak berada di dalam rahim lagi. Ini kerana kajian saintifik telah menunjukkan bahawa embrio telah dibiasakan dengan prosodi pertuturan ibu mereka semasa berada di dalam rahim lagi (Schmitt, 2000: 122). Ibu bapa pula lazimnya tidak mengajar kosa kata secara formal kepada anak mereka, kecuali untuk membetul atau memudahkan sebutannya. Kanak membesar dan menguasai kosa kata serentak bersama-sama pengalaman lain yang baharu dilihat dalam kehidupan mereka.

Sesuatu yang dapat diperhatikan dalam proses penguasaan kosa kata kanak-kanak, mereka biasanya akan melalui satu “tempoh senyap” di mana mereka mendengar

input bahasa terlebih dahulu sebelum mula bertutur (Schmitt, 2000: 18). Hanya setelah itu mereka meniru bunyi pertuturan yang didengari daripada ibu bapa dan orang yang berada di sekeliling mereka. Untuk mendapatkan makna pula kanak selalunya akan merujuk konsep asas dan ciri paling jelas yang boleh dilihat pada sesuatu perkataan (Carter, 1998: 187).

Selain itu juga, Hassan Basri, J.C. Richards (1965) turut menyatakan bahawa kebanyakan program bahasa menganggap perluasan dan perkembangan kosa kata boleh diperolehi secara langsung melalui pengajaran bacaan. Keadaan ini juga menyebabkan kajian berkaitan kosa kata dan pemerolehannya dalam kalangan pelajar kurang mendapat keutamaan dalam sesuatu kajian bahasa. Kebanyakan sarjana berpendapat bahawa pengajaran kosa kata masih belum mendapat perhatian yang secukupnya berbanding aspek bahasa yang lain. Richards (1976) menjelaskan fenomena pengabaian pengajaran kosa kata ini merujuk ketidakseimbangan pengajaran dalam memberikan penekanan terhadap pengajaran aspek bahasa semasa di dalam kelas. Beliau berpendapat dalam pembelajaran bahasa perhatian yang lebih selanjutnya difokuskan kepada aspek tatabahasa yang dianggap lebih penting berbanding aspek kosa kata.

Sehubungan dengan itu para ahli bahasa berpendapat bahawa hal ini berpunca daripada tanggapan bahawa tatabahasa adalah antara komponen bahasa yang kompleks yang lebih memerlukan perhatian berbanding aspek kosa kata yang dianggap lebih mudah. Hal ini dapat dibuktikan apabila pembelajaran nahu dan morfologi dilihat begitu dominan berbanding aspek kosa kata. Ciri bahasa Arab yang sarat dengan unsur fleksi dan begitu kompleks menyebabkan kebanyakan masa terpaksa diperuntukkan untuk pengajaran tatabahasa yang secara tidak langsungnya menyetepikan pengajaran kosa kata secara khusus. Berhadapan dengan sistem tatabahasa yang dianggap lebih sukar, tenaga pengajar akhirnya terlupa tanggungjawab mereka untuk memberikan perhatian terhadap

pengajaran kosa kata secara khusus terutamanya dalam membantu pelajar mengingat makna perkataan.

Memandangkan kosa kata biasanya diperkenalkan bersama dalam konteks ayat, tenaga pengajar mungkin merasakan kosa kata boleh dikuasai secara tidak langsung dalam proses pengajaran. Hanya dengan memberikan makna perkataan, tenaga pengajar berandaian mereka telah mengajar kosa kata. Pelajar juga diharap dapat menguasai makna perkataan secara tidak langsung dengan membuat latihan yang disediakan sama ada di dalam kelas atau di luar waktu kelas. Pengabaian ini menyebabkan pelajar tidak didedahkan dengan pengajaran kosa kata dalam erti kata yang sebenar. Pelajar kurang mendapat pendedahan untuk menggunakan strategi tertentu bagi mengukuhkan pengetahuan mereka terhadap kosa kata yang telah dipelajari.

Aspek kata merupakan sebahagian daripada unit bahasa dalam menghasilkan sesuatu wacana lisan atau tulisan bahkan ia dianggap sebagai alat atau instrumen asas dalam sesuatu wacana bagi menyampaikan idea. Dalam tahap yang paling mudah kita boleh menyatakan idea hanya dengan sepatah atau dua patah perkataan. Tidak dapat disangkal bahawa kebolehan berbahasa memerlukan kosa kata yang mencukupi kerana turut menentukan kualiti kebolehan berbahasa seseorang. Kosa kata tidak hanya diajar makna atau dengan memadankan dua perkataan sahaja. Ini kerana sesuatu perkataan itu mempunyai konsepnya yang tersendiri dalam aspek semantik dan mempunyai maksud yang tertentu. Hal ini ditegaskan lagi oleh Rusydi Ahmad Tuaimat (1989: 194), bahawa pengajaran sesuatu perkataan itu tidak hanya terbatas pada penyebutannya, kefahaman makna perkataan secara berasingan, pengetahuan tentang proses derivasinya atau meletakkan dalam susunan bahasa yang betul. Kemampuan pelajar menguasai perkataan diukur mengikut kemampuannya menggunakan perkataan yang sesuai dan meletakkannya di tempatnya yang betul.

Selain daripada itu, proses penguasaan yang berkaitan dengan aspek psikologi turut menjadi penghalang dalam penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar. Ini termasuklah kegagalan mengingati bentuk (bunyi) dan makna perkataan yang telah dipelajari mahupun yang baru dipelajari. Masalah mengingati makna perkataan misalnya, turut disentuh oleh Grauberg (1997:19) dalam petikannya: *“Once learners have found out the meaning of a word, they’ve no reason to attend to it anymore and it will be forgotten”*. Hal ini juga tidak dinafikan kegagalan mengingati makna perkataan ini boleh memberikan kesan yang negatif terhadap kejayaan penguasaan kosa kata pelajar. Jika pelajar tidak dapat mengingati makna perkataan, bagaimanakah mereka dapat memahami kosa kata yang telah diajar dan menggunakan untuk tujuan tertentu. Masalah mengingati makna atau bentuk (bunyi) perkataan ini sebenarnya turut menjadi cabaran kepada para tenaga pengajar. Ini kerana setiap kali mereka ingin meneruskan pengajaran kosa kata baru, mereka terpaksa berhadapan dengan masalah kosa kata lama yang masih belum dapat dikuasai maknanya oleh pelajar. Hal ini kerana pelajar kadangkala terpaksa menggunakan masa yang agak panjang bagi pengajaran kosa kata baru dan mengingati semula makna kosa kata yang telah dipelajari sebelumnya.

2.2.1 Ciri Kosa Kata Bahasa Arab

Kosa kata bahasa Arab terbina daripada huruf Arab yang dikenali sebagai huruf *hijāiyatt*. Terdapat 29 huruf *hijāiyatt* dalam pembinaan kosa kata bahasa Arab. Huruf tersebut adalah seperti berikut:

(ا، ب، ت، ث، ج، ح، خ، د، ذ، ر، ز، س، ش، ص، ض، ط، ظ، ع، غ، ف، ق، ك، ل، م،

ن، و، ه، ي، ة)

Tiga daripada huruf tersebut adalah huruf vokal iaitu (ا، و، ي) dan selain daripada itu merupakan huruf konsonan iaitu 26 huruf (Haywood dan Nahmad, 1976:2). Keistimewaan huruf vokal bahasa Arab ialah ia mempunyai vokal pendek dan vokal panjang (Barakat, t.t.: 4 dan Bateson, 2003:5). Dengan hanya perbezaan bunyi vokal panjang boleh menghasilkan perbezaan makna perkataan. Contohnya;

Bunyi	Perkataan dalam bahasa Arab	Maksud
‘ālam	عَالَم	Dunia
‘alam	عَلَم	Bendera
‘ālim	عَالِم	Orang yang berilmu
‘alīm	عَلِيم	Mengetahui

Pelajar Melayu amat sukar untuk membiasakan diri mereka dengan sebutan vokal panjang dalam perkataan Arab. Pengaruh bahasa ibunda sememangnya mengganggu proses penguasaan dari segi aspek fonetik pelajar. Kesilapan sebutan fonem dalam perkataan memberi impak yang besar kepada makna perkataan.

Bagi huruf vokal pendek pula, ia tidak mempunyai karakter yang digunakan kecuali tanda baris, iaitu baris atas $\bar{\text{—}}$ (*al-fathatt*), baris bawah — (*al-kasratt*) dan baris hadapan —^{h} (*al-dammatt*). Namun terdapat juga tanda-tanda baris lain seperti tanda *tanwin* (—^{h} , — , —^{h}) iaitu tanda baris yang ditulis dua kali pada huruf akhir dalam sesuatu perkataan seperti perkataan كِتَابٌ “ *kitābun*”. Begitu juga dengan tanda *sukūn* (—^{h}) iaitu tanda bulat yang kecil yang diletakkan di atas sesuatu huruf seperti بَلٌّ (*bal*). Tanda ini digunakan apabila huruf konsonan tidak diletakkan vokal pendek (tanda baris). Selain itu, terdapat juga tanda *tasydīd* (—^{h}) iaitu tanda yang digunakan apabila terdapat dua konsonan yang berada dalam kedudukan sebelah menyebelah tanpa ada bunyi huruf vokal di tengah-tengahnya seperti رَبُّ “ *rabbun*” yang berasal daripada

رَبُّبٌ (‘Alfī, 1992:9). Manakala bagi huruf vokal panjang pula (ا، و، ي), ia diletakkan selepas huruf konsonan dan dibaca dengan bacaan yang lebih panjang, contohnya الباب (*al-bāb*) huruf vokal alif (ا) terletak selepas huruf bā’ (ب). Dari segi bunyi, kosa kata bahasa Arab bergantung kepada sebutan terhadap konsonan, vokal pendek (tanda baris) dan vokal panjang (Schulz et al., 2000: 1-3).

Selain daripada itu, kosa kata bahasa Arab juga mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Hal ini, menjadikan bahasa Arab satu bahasa yang indah dan unik dan ciri ini merupakan faktor yang menjadikan bahasa Arab kuat dalam mengharungi era moden. Antara ciri keistimewaan kosa kata bahasa Arab adalah seperti berikut:-

1. *Al-Tarāduf*

Al-Tarāduf bermaksud sebilangan perkataan, sama ada dua perkataan atau lebih, yang mempunyai maksud yang sama atau hampir sama. Dalam ayat bahasa Arab, terdapat beberapa perkataan yang digunakan untuk merujuk kepada satu makna atau makna yang hampir sama. Selain daripada itu, terdapat juga Istilah bahasa Arab yang mempunyai maksud yang sama dan yang hampir sama seperti nama haiwan dan nama senjata.

2. *Al-Ishtirāk*

Al-Ishtirāk bermaksud satu perkataan yang mengandungi dua makna atau lebih. Dalam bahasa Arab, pembentukan satu perkataan boleh membawa maksud beberapa makna. Contohnya perkataan (*al-‘aīn*) yang bermaksud mata, mata air, penduduk, sihir, kedengkian, penghuni, mata-mata gelap, ketua askar, askar peninjau, pemuka, sesuatu, zat sesuatu, wang tunai, hadir dan yang bahaya (Hanafi, 2006).

3. *Al-Tadād*

Al-Tadād ialah perkataan yang mengandungi dua makna berlawanan pada lafaz yang sama. Hal ini dapat dikenal pasti melalui konteks ayat seperti *as-sarim* yang bermaksud siang dan malam, *as-sarikh* bermaksud yang meminta pertolongan dan yang memberi pertolongan dan *al-qani'* bermaksud yang berpuas hati dan yang merendah diri.

2.2.2 **Tenik Pengajaran Dan Pembelajaran Kosa Kata Arab**

Dalam pembinaan modul ini, pengkaji amat menitik beratkan tentang pemilihan teknik pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Ini kerana modul yang berkesan, ia tidak membebankan kedua-dua pihak iaitu guru dan pelajar. Keserasian pengajaran bermaksud bahawa tidak menyukarkan guru dalam proses pengajaran. Ini menunjukkan guru menggunakan perkataan yang mudah difahami dan tidak menyukarkan dalam menjelaskan kepada pelajar. Guru hendaklah memilih perkataan-perkataan yang mudah dan dapat membantu pelajar menguasainya. Begitu juga guru hendaklah menggunakan bahasa yang setaraf dengan tahap kemampuan pelajar.

Bagi menjayakan proses pengajaran, kaedah terus "direct method" perlu digunakan dalam pengajaran bahasa. Guru menggunakan bahasa sasaran dalam mengendalikan kelasnya. Pemilihan perkataan yang digunakan dalam percakapannya hendaklah dipilih supaya bersesuaian dengan tahap pelajar. Dalam menjayakan kaedah ini, guru hendaklah lebih memberi penerangan dan penjelasan perkataan melalui penerangan makna dan terjemahan. Penerangan perkataan boleh dibuat melalui mendatangkan contoh, menggunakan gerakan, menunjukkan gambar atau simulasi. Begitu juga guru hendaklah menggunakan alat bantu mengajar yang boleh menjelaskan perkataan dengan mudah kepada pelajar. Contohnya filem banyak membantu pelajar

memahami makna perkataan dengan bantuan gambar yang dilihat. Dalam merangsang proses pengajaran, guru hendaklah menggalakkan pelajaranya mencari makna perkataan sendiri melalui meneka perkataan atau melihat kamus.

Kesesuaian pembelajaran bermaksud perkataan yang mudah dipelajari oleh pelajar, iaitu perkataan yang tidak menyulitkan pelajar khususnya dari sudut sebutan, makna dan mudah mengingatinya. Perkataan yang mempunyai tiga sifat ini dapat membantu pelajar untuk menguasai bahasa dengan lebih efektif lagi. Perkataan yang mempunyai suku kata yang sedikit lebih mudah bagi pelajar yang menyebutnya berbanding perkataan yang mempunyai suku kata yang banyak. Menyebut perkataan adalah penting dalam proses pengajaran kerana dengan sebutan ini pelajar dapat menggunakannya dalam situasi yang dikehendaknya. Oleh itu, kaedah transliterasi digunakan untuk membantu sebutan sesuatu perkataan. Makna juga menjadi faktor utama dalam menguasai bahasa. Tanpa makna sesebuah bahasa tidak akan mencapai objektifnya. Perkataan yang mempunyai makna jelas dan mudah dapat membantu pelajar menguasai dan menggunakannya. Antara perkataan ini ialah perkataan yang kebiasaan didengar oleh pelajar.

Terdapat pelbagai faktor yang membantu dalam mengenal pasti kosa kata yang mempunyai ciri di atas. Antaranya ialah:

- Sebutan perkataan hampir sama dengan perkataan bahasa ibunda pelajar.
- Makna perkataannya jelas menunjukkan penggunaannya.
- Perkataan yang pendek dan mudah disebut.
- Perkataan yang mudah diingati dan sentiasa digunakan.
- Tidak memberi bebanan dalam proses pengajaran.
- Kesesuaian dengan umur dan tahap pelajar.

Terdapat beberapa teknik yang digunakan dalam proses pembelajaran dan pengajaran kosa kata bahasa Arab antaranya:

1. Teknik Menggunakan Gambar

Gambar merupakan bahan aktif untuk mengingat kosa kata. Dengan hanya melihat gambar, makna objek tersebut terlintas dalam fikiran pelajar secara langsung. Contohnya dengan melihat sesuatu gambar, dengan sendirinya pelajar akan mengingat sesuatu perkataan yang digambarkannya. Gambar juga dapat merangsang untuk membina ayat dan membentuk gaya bahasa tentang gambaran yang dilihatnya. Hasilnya, pelajar dapat mengingat semula perkataan dan ayat serta melatih mereka untuk mempraktikkannya.

Beberapa perkara boleh disasarkan melalui penggunaan gambar. Antaranya ialah gambar dapat menunjukkan struktur membina ayat. Contohnya gambar orang berjalan, memberi struktur ayat sedang berjalan. Dengan cara ini, pelajar dapat membina struktur ayat yang betul dengan menggunakan kosa kata yang dimilikinya. Selain itu gambar juga dapat menjelaskan makna kosa kata dengan menggunakannya untuk membina ayat bagi menggambarkan aksi gambar tersebut. Contohnya, gambar tentang peristiwa kebakaran, pelajar dapat menggunakan kosa kata yang dipelajarinya untuk membina ayat tentang peristiwa tersebut.

Kemahiran yang dapat dibina daripada aktiviti ini ialah kemahiran bertutur kerana bahasa menjadi perantaraan utama bagi menerangkan gambar yang ada. Pada peringkat permulaan, kemungkinan penggunaan ayat menyukarkan kosa kata yang terhad dan penyusunan ayat yang tidak teratur. Masalah ini dapat diselesaikan dengan latihan yang berterusan melalui penggunaan ayat dan para pelajar akhirnya menjadi petah dan fasih. Selain kemahiran bertutur, ia juga membina kemahiran menulis. Pelajar hendaklah menulis ayat yang dituturkan supaya dapat membetulkan kesalahan bahasa dengan mudah (Andrew Wright.2002:5)

Pelajar dan juga guru boleh memilih pelbagai gambar untuk mengaktifkan kosa kata dan bina ayat. Mereka boleh menggunakan gambar untuk menerangkan kosa kata seperti gambar tentang sesuatu objek untuk menerangkan kosa kata. Begitu juga gambar yang boleh menerangkan suasana atau situasi seperti gambar pemandangan. Antara gambar yang dapat digunakan juga, ialah gambar tentang peristiwa atau sesuatu situasi.

Bagi melatih mereka menggunakan kosa kata yang dipelajari, guru hendaklah menggunakan gambar sebagai perangsang. Gambar diberikan kepada mereka atau dipaparkan dan meminta mereka membina ayat berdasarkan gambaran yang mereka lihat dalam gambar tersebut. Peranan guru ialah membantu dan membetulkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.

2. **Teknik Berinteraksi Berterusan**

Dengan pengajaran bahasa asing, terdapat satu kaedah pengajaran yang dinamakan kaedah *Tawasuliyatt*. Ia bertujuan untuk menggunakan bahasa dalam konteks perbualan secara terus. Dengan pendekatan ini, pelajar dapat membina bahasanya dengan baik melalui komunikatif seharian dalam pelbagai tujuan dan situasi. Melalui kaedah ini, pelajar dapat menggunakan kosa kata yang dipelajarinya dan membiasakan penggunaannya. Kaedah ini menunjukkan betapa pentingnya praktis atau penggunaan bahasa dalam kalangan pelajar.

Kaedah ini menunjukkan bahawa bahasa dapat dipertingkatkan melalui penggunaannya seharian. Pelajar hendaklah menggunakan bahasa yang dipelajarinya melalui pertuturan. Setiap perkataan yang dituturkan dapat diingati dan disesuaikan dengan kedudukan ayat dan keperluan fungsinya. Pada peringkat permulaan, kesukaran timbul dalam penggunaan perkataan. Ini kerana tidak semua perkataan dapat diungkapkan dengan betul. Kemungkinan pelajar mencari-cari apakah perkataan yang sesuai untuk diungkapkan dalam situasi tertentu. Dengan membiasakan diri bertutur,

kesukaran tersebut dapat diatasi. Kosa kata yang diperoleh dapat diingat dan digunakan dengan baik mengikut kesesuaiannya.

Bertutur secara berterusan ini memerlukan suasana dan persekitaran yang merangsang. Keadaan ini boleh dibina dengan adanya hubungan antara guru dan pelajar dan sesama pelajar. Aktiviti yang menyumbang kepada pertuturan hendaklah diadakan seperti pertandingan bercerita, pertandingan pidato, pertandingan debat, lakonan dan sebagainya. Melalui aktiviti ini, pelajar terpaksa bertutur untuk menjayakannya.

Begitu juga dalam kehidupan seharian, komunikasi antara guru dan pelajar serta sesama mereka hendaklah berlaku dalam bahasa Arab. Guru hendaklah sentiasa bercakap Arab dengan pelajarnya yang menggalakkan mereka terus bercakap Arab sesama mereka. Dengan adanya budaya ini, kemahiran bertutur dapat dibina dan memberi hasil yang baik. Perkataan yang sentiasa digunakan dapat meningkatkan penguasaan bahasa yang baik. Bagi memastikan kosa kata dapat diingat dan digunakan dengan baik ketika perlu, kaedah membina ayat hendaklah diperkenalkan. Kemahiran membina ayat ini dapat membantu pelajar melancarkan pertuturan.

3. Teknik Terjemahan

Terjemahan merupakan aktiviti mempelajari bahasa asing dan pengukuhan bahasa yang sukar dilaksanakan melainkan mereka yang mahir dalam sekurang-kurangnya dua bahasa. Penguasaan bahasa kedua penting dalam menjayakan terjemahan. Terjemahan yang agak mudah ialah terjemahan daripada bahasa asing kepada bahasa ibunda, kerana pelajar hanya memindahkan makna perkataan tersebut kepada bahasa ibundanya tanpa memerlukan proses pencarian makna perkataan bahasa asing tersebut. Melalui aktiviti terjemahan ini penguasaan bahasa dapat dipertingkatkan. Bagi membantu proses terjemahan, pelajar boleh menggunakan “Google Terjemahan”.

Kajian Nur Faizura Khairi (2011) menunjukkan pelajar mampu menterjemah melalui carian tersebut.

Melalui aktiviti ini, pelajar sentiasa bermain dengan perkataan dan maknanya serta menyesuaikan mengikut kehendak situasi. Dengan ini, penguasaan kosa kata dan penggunaan ayat dapat dipertingkatkan dengan kemahiran yang baik. Perkataan yang sedia ada dalam pemikiran pelajar, mungkin tidak semuanya dapat diingati, kerana ia bukan menjadi kebiasaan. Dengan adanya latihan dan aktiviti terjemahan ini, perkataan-perkataan tersebut sentiasa berulang dan menjadi mainan kepada pelajar. Kebiasaan inilah dapat mempertingkatkan penguasaan.

Pada peringkat permulaan, aktiviti terjemahan hendaklah berpandukan kamus. Pelajar menggunakan kamus untuk mencari makna yang sesuai bagi perkataan yang hendak diterjemahkan itu. Pada permulaannya mungkin bilangan perkataan yang hendak diterjemahkan itu terlalu banyak. Apabila membiasakan diri dengan aktiviti terjemahan, bilangan tersebut menurun dan akhirnya hanya beberapa perkataan sahaja yang memerlukan bantuan kamus. Ini menunjukkan aktiviti tersebut membantu penguasaan bahasa.

Dalam proses terjemahan ini juga, makna yang diperoleh daripada kamus kadangkala tidak sesuai dengan kehendak ayat. Pelajar hendaklah bertanyakan gurunya untuk mendapatkan makna yang tepat. Hasil usaha ini juga dapat pelajar membantu dalam meningkatkan penguasaan bahasa secara berkala dan mengingati bilangan perkataan yang banyak serta dapat menggunakannya dalam situasi yang dikehendaki dengan lebih mudah.

4. **Teknik Lakonan**

Lakonan juga dapat membantu pelajar dalam mempraktikkan kosa kata dan menguasai bahasa dengan baik. Pelajar hendaklah membuat persembahan dengan

menggunakan bahasa Arab bagi menggambarkan pergerakannya dan cerita yang dapat dipersembahkannya. Persembahan hendaklah ringkas dan dapat menarik minat penonton. Perkataan dan bahasa yang digunakan juga hendaklah mudah, senang difahami dan sebutannya jelas. Penonton lebih mudah memahami bahasa yang diungkap melalui aksi penonton.

Lakonan yang hendak dipertontonkan hendaklah dapat menarik minat pelajar untuk menyaksikannya. Kosa kata dan ayat yang digunakan hendaklah dipilih daripada ayat ringkas dan mudah difahami. Sebutannya juga hendaklah jelas dan nyaring supaya penonton dapat mendengarnya dengan baik. Lakonan tersebut hendaklah berkisar di sekitar kehidupan pelajar seharian. Ini akan membantu mereka untuk meniru dan menggunakan kosa kata dan ayat tersebut dalam kehidupan seharian mereka.

Lakonan ini dapat memberi input penggunaan bahasa kepada kedua-dua pihak iaitu pelakon dan penonton. Kumpulan pelakon akan berusaha untuk mencari kosa kata dan laras bahasa yang baik dan sesuai dengan situasi hendaklah dilakonan. Mereka akan menghafal kosa kata dan ayat tersebut untuk digayakan dalam lakonan. Secara tidak langsung, proses hafalan ini mereka dapat mempertingkatkan penguasaan bahasa dengan baik.

Bagi golongan penonton pula, mereka dapat menguasai kosa kata dan ayat melalui pendengaran daripada lakonan tersebut. Mereka boleh memahami bahasa melalui lakonan yang disaksikan oleh pelakon. Mereka juga dapat meniru kosa kata tersebut dan menghafalnya untuk digunakan dalam situasi yang sesuai dalam kehidupan seharian mereka (al-Rukabi, 1973).

5. Teknik Permainan Bahasa

Antara aktiviti yang dapat membantu dalam penguasaan bahasa ialah permainan bahasa. Ia turut dicadangkan oleh pelajar bagi menambah aktiviti yang dapat menjana

bahasa mereka (Muhammad Marwan & Rosni bin Samah, 2007). Permainan bahasa ini bermaksud aktiviti mainan yang menggunakan bahasa Arab. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil. Setiap kumpulan diselia oleh seorang guru atau fasilitator dan mereka bebas mengadakan aktiviti permainan dengan menggunakan bahasa Arab seperti mencari harta karun, memasak, menulis cerita, bermain dam, catur, lakonan dan sebagainya. Dalam permainan tersebut mereka menggunakan bahasa Arab untuk berinteraksi dengan bimbingan daripada guru.

Semua pelajar dikehendaki menggunakan bahasa Arab dalam mengendalikan aktiviti tersebut. Mereka cuba mengeluarkan bahasa yang terpendam dan juga bertanyakan guru bahasa yang akan digunakan. Dengan adanya aktiviti sebegini, mereka terpaksa menggunakan bahasa dan tidak merasa malu dalam kalangan kawan-kawan. Mereka juga boleh berkongsi pendapat dalam penggunaan bahan tersebut. Aktiviti ini memerlukan kamus seperti kamus Melayu-Arab atau Inggeris-Arab untuk rujukan.


Dengan membiasakan diri menggunakan bahasa Arab dalam situasi kecil seperti ini, mereka dapat tambahkan keyakinan untuk menggunakannya dalam situasi yang lain. Latihan seperti ini perlu diadakan bagi memberi pendedahan kepada mereka. Kumpulan yang dibahagikan hendaklah bilangan yang kecil, supaya setiap orang dapat mengambil bahagian dengan memberi pandangan dan bercakap. Bagi memberi kesan yang efektif, guru hendaklah membahagikan tugas kepada setiap ahli kumpulan untuk menerangkan apa yang dilakukannya.

Bagi memberi lebih persediaan kepada pelajar, guru hendaklah memberi tugas terlebih dahulu dan meminta pelajar mencari bahasa Arab yang berkaitan dengan tugasnya. Ini bagi memudahkan mereka menggunakannya dengan lebih lancar. Contoh dalam aktiviti memasak, ada pelajar yang ditugaskan untuk pergi ke pasar dan membeli sayur-sayuran serta ikan. Beliau akan mencari perkataan yang berkaitan dengannya

untuk digunakan dalam aktiviti nanti. Begitu juga pelajar yang ditugaskan untuk potong memotong, beliau akan mencari ayat yang berkaitan dengannya. Pelajar yang ditugaskan untuk memasak juga akan mencari perkataan yang berkaitan dengan memasak. Dengan adanya persediaan awal, mereka lebih yakin dan seronok menggunakan ayat yang mereka peroleh bagi digunakan untuk komunikasi.

2.2.3 Pengenalan Struktur Kosa Kata Bahasa Arab

Bahasa Arab juga tidak terlepas daripada penggolongan kata-kata seperti bahasa Malaysia sebagai contoh dalam pelajaran Tatabahasa Melayu, perkataan digolongkan kepada 4 jenis iaitu Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif, dan Kata Tugas. Aspek Penggolongan Kata di dalam bahasa Arab juga merupakan elemen yang penting dalam membina sesebuah ayat. Dalam bahasa Arab terdapat 3 penggolongan kata Arab yang wujud iaitu Kata Nama (الاسم), Kata Kerja (الفعال) dan juga Kata Tugas/Partikel (الحرف) (Abbas Hasan, 1995).



2.2.3.1 Kata Nama (الاسم)

Kata Nama dalam Bahasa Arab mempunyai beberapa tanda antaranya ialah (Abbas Hasan, 1995):

1. Ada (ال) di awal perkataan . Contohnya: الرَّحِيمِ (Maha Penyayang).
2. Ada *tanwin* (ـ / ـ / ـ) di akhir perkataan. Contohnya : طَالِبٌ (Pelajar)
3. Kata Nama secara amnya tidak didahului dengan huruf-huruf yang masuk ke Kata Kerja seperti: (أ / ن / ي / ت)
4. Selain Kata Nama dengan tanda seperti di atas, الضمير iaitu kata ganti nama juga tergolong dalam Kata Nama.

Terdapat 14 kata ganti nama bahasa Arab :-

- Kata ganti nama orang pertama:

أَنَا	Saya	نَحْنُ	Kami
-------	------	--------	------

- Kata ganti nama orang kedua:

أَنْتَ	Awak (L)	أَنْتِ	Awak (P)
أَنْتُمَا	Kamu berdua (L)	أَنْتُمَا	Kamu berdua (P)
أَنْتُمْ	Kamu semua (L)	أَنْتُنَّ	Kamu semua (P)

- Kata ganti nama orang ketiga:

هُوَ	Dia lelaki	هِيَ	Dia perempuan
هُمَا	Mereka berdua (L)	هُمَا	Mereka berdua (P)
هُمْ	Mereka (L)	هُنَّ	Mereka (p)

Kata ganti nama terbahagi kepada tiga jenis (Abbas Hasan, 1995) iaitu:

1. الضَّمِيرُ الْمُنْفَصِلُ (kata ganti nama berpisah).

Kata ganti nama berpisah ialah kata ganti nama yang ditulis secara terpisah daripada perkataan lain. Maksudnya, ia tidak ditulis secara bersambung atau bercantum dengan perkataan lain dan berdiri sebagai morfem bebas.

Contohnya : أَنَا مُسْلِمٌ - نَحْنُ مُسْلِمُونَ.

2. الضَّمِيرُ الْمَتَّصِلُ (kata ganti nama bersambung)

Kata ganti nama yang ditulis secara tercantum atau bersambung dengan perkataan lain, biasanya kata kerja dan kata nama.

Contohnya : حَيَاتِنَا / اِهْدِنَا الصِّرَاطَ

3. الضَّمِيرُ الْمُسْتَتِرُ (kata ganti nama tersembunyi)

Kata ganti nama ini tidak dapat dilihat dengan mata kasar kerana ia tersembunyi dalam perkataan. Kata ganti nama tersembunyi ini juga terdapat dalam bahasa Arab. Kata ganti nama ini diwakili oleh: -

أَنَا ، نَحْنُ ، أَنْتَ ، أَنْتِ ، هُوَ ، هِيَ

Antara contoh-contohnya :

a. أَنَعْلَمُ (Saya tahu).

Kata kerja yang dijadikan contoh ini ialah فعل مضارع (kata kerja kala kini). Dalam contoh ini terdapat satu kata ganti nama tersembunyi yang andaiannya ialah أَنَا (saya).

b. نَعْلَمُ (Kami/Kita tahu).

Dalam contoh ini (juga kata kerja kala kini) terdapat satu kata ganti nama tersembunyi yang andaiannya ialah نَحْنُ (kami/kita).

- c. اَعْلَمُ (Ketahuilah). اِعْلَمُ ialah فعل أمر (kata kerja perintah).

Dalam kata kerja ini terdapat satu kata ganti nama yang tersembunyi yang andaiannya ialah أَنْتَ (awak lelaki).

- d. يَعْلَمُ (Dia tahu).

Dalam kata kerja kala kini ini terdapat satu kata ganti nama tersembunyi yang andaiannya ialah هُوَ (dia – lelaki).

- e. تَعْلَمُ (Dia tahu). Contoh ini ialah kata kerja kala kini. Dalam kata kerja ini terdapat satu kata ganti nama tersembunyi yang andaiannya ialah هِيَ (dia – perempuan).

2.2.3.2 Kata Kerja (الفعل)

Kata kerja bahasa Arab terbahagi kepada tiga bahagian (Abbas Hasan, 1995) iaitu:-

- i) *Al-Fi'il Al-Māḍī* (الفِعْلُ الْمَاضِي) : Kata kerja menunjukkan perbuatan yang telah berlaku.

Contohnya : ذَهَبَ مُحَمَّدٌ إِلَى مَسْجِدٍ (Muhamad telah pergi ke masjid).

- ii) *Al-Fi'il Al-Mudāri'* (فِعْلُ الْمُضَارِعِ) : Kata kerja menunjukkan perbuatan sedang berlaku atau akan berlaku.

Contohnya : يَذْهَبُ مُحَمَّدٌ إِلَى مَسْجِدٍ (Muhamad sedang pergi ke masjid).

- iii) *Al-Fi'il Al-Amr* (فِعْلُ الْأَمْرِ) : Kata kerja menunjukkan perintah supaya melakukan sesuatu pekerjaan.

Contohnya : اَذْهَبْ إِلَى مَسْجِدٍ (Pergilah ke masjid).

2.2.3.3 Kata Tugas/Partikel (الحرف)

Kata yang berfungsi menghubungkan antara Kata Nama dan Kata Kerja, atau antara satu ayat dengan ayat yang lain. Contohnya: فِي (di dalam). Ia merupakan perkataan yang tidak memberi makna melainkan ia bergabung dengan perkataan lain. Harf adalah kata yang bukan kata nama (*isim*) dan bukan kata kerja (*fi'il*) ada juga memanggil sebagai kata penghubung ada pula yang memanggilnya kata tugas.

2.2.3.4 Jenis Ayat Bahasa Arab

Dalam tatabahasa Melayu, ayat yang diucapkan terdiri daripada pelbagai perkataan yang disusun mengikut maksud yang hendak disampaikan kepada pendengar. Sebagai contoh, perhatikan ayat di bawah ini:

(**Zaid** + **pergi** + **ke** + **sekolah**)

Terdiri daripada; **Zaid** = Kata Nama, **pergi** = Kata Kerja, **ke** = Kata Sendi, **sekolah** = Kata Nama

Begitu juga dalam tatabahasa Arab, "Ayat" dalam bahasa Arab dinamakan **الكلام** , juga dinamakan **الجملة** , ianya adalah terdiri daripada kata atau lafaz yang tersusun dari 2 atau lebih. "Kata" dalam bahasa Arab dinamakan **الكلمة** atau **اللفظ**.

Mengikut ahli nahu Arab "ayat" terbahagi kepada dua keadaan (Abbas Hasan, 1995) iaitu:

1) Ayat Lengkap

Dalam istilah bahasa Arab dinamakan **الْجُمْلَةُ الْمُفِيدَةُ**. Ayat yang memberi pengertian yang sempurna bagi pembicara dan pendengarnya. Syaratnya iaitu membuat susunan perkataan dengan mengikut kaedah yang betul dan terdiri lebih daripada 2 atau lebih perkataan, yang membawa pengertian yang berfaedah. Contohnya;

قَامَ زَيْدٌ (Zaid sudah berdiri) / زَيْدٌ قَائِمٌ (Zaid yang berdiri)

Dua ayat di atas tersusun daripada dua perkataan iaitu قَامٌ ertinya "telah berdiri" dan زَيْدٌ ertinya "Zaid" nama seorang lelaki. Ayat ini sudah sempurna dan dapat difahami oleh pendengarnya. Ini adalah sebahagian daripada contoh struktur ayat yang ringkas dalam Bahasa Arab.

2) Ayat Tidak Lengkap

Dalam istilah bahasa Arab dinamakan **الْجُمْلَةُ غَيْرُ الْمُفِيدَةِ**. Ayat yang tidak memberi pengertian yang sempurna kepada pembicara dan pendengarnya. Iaitu susunan perkataan yang tidak menepati syarat pengertian ayat yang lengkap sebelumnya. Contoh ayat;

إِنْ قَامَ زَيْدٌ (Jika Zaid telah berdiri)

غُلَامٌ زَيْدٌ (Anak Zaid...)

زَيْدٌ (Zaid...)

Kesemua ayat contoh di atas tidak menepati syarat ayat yang lengkap, kerana yang pertama ayatnya tergantung sedangkan ia memerlukan akibat dari **إِنْ** (jika), yang kedua memerlukan keterangan lainnya dan yang ketiga perkataan tunggal atau terdiri daripada satu perkataan sahaja. Ini adalah ayat yang tidak lengkap dan ianya tidak memberi kefahaman kepada pendengarnya kerana maklumat yang dikandungnya tidak lengkap.

Dalam bahasa Arab terdapat 3 jenis struktur susunan ayat yang lengkap mengikut jenis perkataan pertama dalam struktur ayat (Abbas Hasan, 1995). Antara struktur ayat tersebut ialah;

a) Di awal ayatnya terdapat perkataan kata kerja (الْفِعْلُ). Kategori ayat ini dinamakan sebagai الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ kerana struktur ayatnya bermula dengan kata kerja .

Contoh; قَامَ زَيْدٌ (Zaid sudah berdiri) – (قَامَ) adalah kata kerja.

b) Di awal ayatnya terdapat perkataan kata nama (الْأَسْمُ). Kategori ayat ini dinamakan sebagai الْجُمْلَةُ الْأِسْمِيَّةُ kerana struktur ayatnya bermula dengan kata nama.

Contoh; زَيْدٌ قَائِمٌ (Zaid yang berdiri) – (زَيْدٌ) adalah kata nama.

c) Di awal ayatnya terdapat perkataan selain daripada kata nama dan kata kerja iaitu kata sendi حَرْفٌ . Kategori ayat ini dinamakan sebagai الْجُمْلَةُ الظَّرْفِيَّةُ kerana struktur ayatnya bermula dengan kata sendi.

Contoh ayat; فِي الْبَيْتِ زَيْدٌ (Di dalam rumah Zaid) – (فِي) adalah kata sendi.

2.3 Bahasa Arab Untuk Tujuan Khas

Bahasa Arab mempunyai perkaitan yang amat erat dengan agama Islam memandangkan kitab al-Quran telah diturunkan dalam bahasa Arab. Selain itu, bahasa Arab merupakan bahasa ibadah atau bahasa perantaraan yang digunakan oleh setiap umat Islam dalam melakukan ibadah. Sebagai contoh ia merupakan bahasa yang digunakan ketika solat dan sekiranya bacaan dalam solat menggunakan selain daripada bahasa Arab maka solat tersebut tidak sah. Menurut Mamdouh N. Mohamed (2005), umat Islam seramai 1.3 bilion di seluruh dunia merupakan sasaran yang berpotensi untuk mempelajari bahasa Arab untuk tujuan agama seperti solat, doa, niat dan

sebagainya. Maka sudah pasti bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah juga merupakan salah satu cabang kepada bahasa Arab untuk tujuan khas.

Ilmu Bahasa Untuk Tujuan Khas telah dikenalpasti bermula pada pertengahan kurun ke-20 iaitu sekitar 60-an di mana bahasa Inggeris menjadi pelopor kepada bahasa-bahasa utama yang lain di dunia (Kennedy dan Bolitho, 1984:7). Menyedari kepentingan bahasa Arab kepada masyarakat global, beberapa cendekiawan, ilmuan dan sarjana Islam telah mengorak langkah untuk mengaplikasikan disiplin tersebut kepada bahasa Arab maka lahirlah kajian yang berkaitan dengan bahasa Arab untuk tujuan khas.

Menurut Hutchinson dan Waters (1987:19), Bahasa Untuk Tujuan Khas merupakan salah satu bidang di mana silibus dan kaedah pengajaran bahasa berpandukan kepada keperluan dan kehendak pelajar. Pandangan ini turut disokong oleh Hussain Ubaidah (2004:314) yang berpendapat bahawa silibus pembelajaran yang hendak direka bentuk mestilah berdasarkan keperluan pelajar sasaran. Rusydi Ahmad Tai'emah (1989:276) pula mentakrifkan Bahasa Untuk Tujuan Khas sebagai pengajaran yang khusus untuk golongan tertentu yang mempunyai kandungan dan kemahiran bahasa yang spesifik bagi mencapai hasil pembelajaran yang komprehensif.

Menurut Robinson (1980), tempoh masa bagi pengajaran bahasa khas terhad atau dalam jangka masa yang pendek. Ianya juga lebih menekankan kepada tajuk tertentu dan pengajian dijalankan secara intensif dan komprehensif (Soleh Mahjub Tanqari, 2007: 6). Perkara ini ada dibincangkan Abdul Halim Salleh (2005) dalam kajian Masternya di mana beliau berpendapat sekiranya pelajar mempelajari bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah, maka tempoh pengajian dijalankan dalam tempoh tertentu di mana penekanan lebih diberikan kepada doa-doa yang berkaitan dengan ibadah Haji dan Umrah dan kemahiran berkomunikasi dengan orang Arab. Kemahiran bahasa yang diajar bergantung kepada keperluan dan kehendak pelajar (Soleh Mahjub

Tanqari, 2007: 6). Sekiranya pelajar tersebut mempelajari bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah maka kemahiran membaca perlu dititik beratkan bagi merealisasikan tujuan tersebut.

Menurut Kennedy dan Bolitho (1984:14), tenaga pengajar memainkan peranan yang penting dalam menentukan kandungan pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap pencapaian para pelajar agar perbezaan kemampuan mereka dapat dititik beratkan. Maka bahan pengajaran bagi sesebuah subjek bergantung kepada tujuan khusus yang ingin dicapai oleh pelajar. Sekiranya pelajar tersebut berhasrat untuk memahami dan mendalami agama Islam maka bahan pengajaran mestilah bersumberkan al-Qur'an dan Hadis.

Kebiasaannya, pengajaran bahasa Arab untuk khas mempunyai kadar keberkesanan yang tinggi. Ini kerana motif pembelajarannya adalah khusus di mana tenaga pengajar dapat memfokuskan kepada bahan dan kaedah pengajaran yang seiring dengan objektif pembelajaran. Selain itu, faktor motivasi dalaman yang tinggi untuk menguasai sesuatu bahasa untuk tujuan tertentu di kalangan pelajar turut membantu menjayakan sesi pengajaran dan pembelajaran khas ini (Muhammad Abu Al-Kalam Azad, 1998: 13-16).

2.4 Modul Bahasa Arab

Kajian ini pada hakikatnya memberi tumpuan sepenuhnya kepada proses mereka bentuk modul khas bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah dan penilaiannya sepertimana yang telah dijelaskan dalam objektif kajian sebelum ini. Maka perlulah ditekankan dalam bab landasan teori ini perihal modul dan proses reka bentuknya terlebih dahulu. Penggunaan modul merupakan suatu kaedah pengajaran individu yang

mana murid mengikut panduan dan arahan guru, mempelajari bahan pelajaran melalui bahan bercetak dan seterusnya menyempurnakan kerja kursus mengikut aset pelajaran yang disediakan (Mok Soon Sang, 2011).

Mengikut Kamus Dewan edisi keempat, modul merupakan unit yang lengkap dengan komponennya yang melaksanakan fungsi tertentu dan dapat dirangkaikan dengan unit lain dalam sesuatu yang lebih besar. Mengikutnya lagi, modul merupakan kursus, pelajaran, latihan dan sebagainya yang dapat dilaksanakan secara tersendiri ke arah pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran.

Mohammed Saleh Samak (1979) berpendapat bahawa modul merupakan satu garis panduan bertulis untuk melaksanakan satu tugas atau kerja, dimana ianya wujud hasil dorongan atau motivasi yang kuat atau cetusan idea dan buah fikiran daripada pihak-pihak yang tertentu. Modul mestilah satu rangka yang bertulis, mempunyai tujuan dan matlamat yang ingin dicapai, dijelaskan cara dalam pelaksanaan serta teknik-teknik tertentu.

Sharifah Alwiyah Alsagoff (1991) memberi maksud, modul merupakan bahagian kecil yang tersendiri tetapi lengkap dan berkait rapat di antara satu bahagian kecil dengan bahagian kecil yang lain. Beliau juga menyatakan modul pengajaran merupakan bahan pengajaran yang dilengkapi dengan isi kandungan mata pelajaran serta strategi, tindakan, gerak kerja yang boleh dipandu oleh guru berserta dengan cara penilaian isi kandungan mata pelajaran tersebut.

Chong Sui Lian (1998) mentakrifkan modul sebagai satu pakej pengajaran dan pembelajaran atau set belajar sendiri yang lengkap dengan komponen pengajaran pembelajaran seperti objektif, bahan dan aktiviti pembelajaran, set penilaian serta arahan dan tatacara yang sistematik. Ini kerana supaya pelajar dapat mengikut langkah bagi menguasai sesuatu unit pembelajaran dan boleh dijalankan secara individu.

Norijah Mohamad (1997) berpendapat bahawa modul merupakan sesuatu yang mampu menjadi bahan perantaraan kepada khususnya dalam proses pembelajaran dan pengajaran yang terancang. Chandrika (2003) pula mendefinisikan bahawa modul merupakan buku yang ditulis oleh pakar dalam sesuatu bidang yang dilakukan meliputi pelbagai penyelidikan. Apabila penggubal mendapati hasil penyelidikan sangat berfaedah, maka usaha diambil untuk berkongsi ilmu pengetahuan menerusi penulisan.

Sidek Mohd Noah (2005) memberi takrifan bahawa modul merupakan satu unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan pelajar belajar secara bersendirian supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan tepat.

Dengan ini, berdasarkan dengan definisi yang diberikan pengkaji merumuskan bahawa modul merupakan satu alat atau bahan pengajaran yang bersistematik dan teratur. Selain itu, modul juga mempunyai satu tujuan dan objektif yang satu iaitu untuk memenuhi keperluan dan kehendak pelajar agar proses pembelajaran menjadi lebih berkesan.

Modul biasanya dicipta untuk keperluan pelajar. Ini kerana hampir kesemua modul yang ditulis adalah untuk menyenangkan pembelajaran pelajar. Namun demikian terdapat juga modul yang direka khas untuk guru supaya dapat menyampaikan ilmu dengan lebih berkesan. Modul pengajaran untuk guru ialah bahan pengajaran yang mengandungi isi kandungan mata pelajaran, strategi pembelajaran, tindakan dan gerak kerja yang boleh digunakan oleh guru untuk pembelajaran murid dan penilaian isi kandungan mata pelajaran tersebut. Modul yang memuatkan semua maklumat untuk membolehkan guru mengajar dengan lebih berkesan ini biasanya dikelaskan sebagai Modul Pengajaran.

2.4.1 Ciri Modul Yang Berkesan

Modul merupa satu aset atau alat perantaraan untuk menyampaikan sesuatu ilmu pengetahuan. Namun begitu ia mesti mempunyai ciri yang tertentu bagi memenuhi kehendak modul tersebut agar proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan. Dalam pembinaan *modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah*, pengkaji amat menitikberatkan tentang ciri modul yang berkesan antaranya mempunyai objektif modul. Mengikut Mok Soon Sang (2011) terdapat banyak ciri modul pengajaran dan pembelajaran yang berkesan antaranya ia mesti mempunyai objektif pelajaran yang kursus serta eksplisit agar pencapaian murid dapat diukur selepas aktiviti pembelajaran. Modul yang berkesan juga mesti mengandungi unit atau pakej pelajaran, disusun berdasarkan kaedah pembelajaran individu.

Setiap unit atau pakej pelajaran mengandungi objektif pelajaran eksplisit, panduan belajar, arahan, bahan-bahan membaca, senarai takrif, istilah, buku rujukan, kerja kursus dan ujian. Turutan unit pelajaran harus disusun daipada mudah kepada kompleks, sesuai dengan perkembangan pembelajaran individu. Pelajar harus diberi kebebasan untuk memilih kaedah pembelajaran sendiri, menggunakan kemudahan yang disediakan dalam makmal, pusat sumber dan perpustakaan, serta menjalankan aktiviti pembelajaran mengikut kebolehan dan kadar kepantasan belajar tersendiri.

Semasa aktiviti pembelajaran individu dijalankan, guru hendaklah memainkan peranan penting sebagai pembimbing, untuk memberikan tunjuk ajar kepada murid yang menghadapi masalah dalam pembelajaran. Hal ini akan diaplikasikan terhadap modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah iaitu dengan mengadakan kelas pembelajaran dan pemahaman modul sebelum ia digunakan dan dilaksanakan. Sesebuah modul sukar untuk mencapai objektifnya jika guru tidak memainkan peranan sebagai pembimbing. Penilaian juga perlu diadakan selepas pembelajaran setiap unit atau pakej

diselesaikan, dan berdasarkan tahap pencapaian murid, aktiviti pemulihan atau pemahaman telah dirancang dan dilaksanakan.

Sharifah Alwiyah Alsagoff (1981) menyatakan bahawa modul pengajaran dan pembelajaran hendaklah mempunyai ciri tertentu agar ia menjadi bahan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Antara ciri yang dinyatakan oleh beliau ialah modul mestilah ditujukan khas kepada satu golongan pelajar yang tertentu. Ini kerana untuk memastikan tahap kebolehan dan penguasaan yang dilaksanakan selari dengan tahap pelajar. Pengkaji telah menentukan golongan khas iaitu jemaah Haji dan Umrah yang menggunakan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Ini kerana isi kandungan yang dimuatkan dalam modul amat sesuai kepada bakal jemaah Haji dan Umrah. Selain itu, pemilihan media juga harus ditentukan berdasarkan keperluan dan kehendak objektif modul.

Menurut P.J. Sleeman dan D.M. Rockwell (1979) modul pembelajaran dan pengajaran mesti mempunyai ciri berikut:

1. Tiap-tiap modul dibentuk untuk penggunaan satu golongan pengguna iaitu setiap modul perlu ditujukan kepada satu golongan pelajar yang lebih kurang sama kebolehan, perbendaharaan kata dan lain-lain.
2. Modul hendaklah mempunyai satu atau beberapa konsep.
3. Modul hendaklah mengandungi objektif tingkahlaku. Sebaik-baiknya modul ini dibuat dalam bentuk objektif tingkahlaku yang boleh dilihat dan diukur.
4. Modul hendaklah mengandungi isi kandungan yang berkaitan. Isi kandungan ini memuatkan segala penjelasan secara bertulis atau bukan bertulis.

5. Modul boleh menggunakan berbagai media. Pemilihan media yang digunakan dalam modul tersebut adalah berpandukan kepada keperluan serta kehendak objektif modul.
6. Modul digunakan untuk pengajaran lengkap atau tambahan. Modul boleh digunakan untuk pengajaran pemulihan atau tambahan mengikut keperluan atau keadaan tertentu.
7. Modul boleh memberi arahan dan petunjuk kemajuan sendiri agar pelajar tidak bergantung kepada guru semata-mata.
8. Modul hendaklah mengandungi berbagai strategi seperti perbincangan, membaca buku teks dari perpustakaan, membuat ujikaji dan sebagainya.
9. Modul hendaklah disusun dengan baik agar pelajar dapat belajar mengikut kecepatannya sendiri dan tidak mengikut kecepatan kawan-kawannya yang lain.
10. Modul hendaklah mengandungi unsur peneguhan pembelajaran iaitu mengandungi jawapan betul dalam modul setelah pelajar menjawab soalan yang dikemukakan.
11. Modul hendaklah mengandungi latihan yang cukup. Pelajar diberikan latihan yang cukup mengenai konsep, kemahiran dan sebagainya.
12. Modul hendaklah mengandungi unsur penilaian. Pelajar akan dinilai diakhir modul untuk mencapai objektif modul.
13. Tiap-tiap modul hendaklah dinilai kesesuaiannya. Modul yang telah siap hendaklah terlebih dahulu diuji penggunaannya agar proses pembetulan dan penambakan dapat dibuat.

Dengan demikian, untuk memastikan keberkesanan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah dicipta, prinsip penggunaan modul juga perlu diambil kira. Menurut Mok Soon Sang (2011), antara prinsip penggunaan modul ialah perlu membuat

perancangan terhadap bahan pelajaran berdasarkan kemahiran dan ilmu pengetahuan asas murid, objektif pelajaran, sukatan pelajaran serta kaedah pembelajaran individu. Penyediaan bahan pelajaran juga hendaklah sesuai dengan kebolehan individu serta mengandungi maklumat yang lengkap supaya dapat memudahkan murid belajar sendiri. Turutan unit pelajaran hendaklah disusun daripada mudah kepada kompleks. Set induksi yang digunakan hendaklah menarik serta boleh menimbulkan minat murid belajar. Semasa aktiviti pembelajaran dijalankan, guru hendaklah memberi perhatian, dorongan dan bimbingan yang sewajarnya. Guru juga perlu melayan soalan murid dengan hati yang terbuka demi menggalakkan murid bertanya apabila menghadapi masalah dalam pembelajaran. Selain daripada itu, aktiviti penilaian selepas pembelajaran setiap unit pelajaran perlu diadakan untuk menentukan tahap pencapaian serta kelemahannya, dengan tujuan merancang aktiviti pemulihan dan memperbaiki modul yang disediakan.

2.4.2 Pendapat Pakar Dalam Pembinaan Modul

Terdapat pendapat yang berbeza-beza berkaitan dengan pembinaan modul. Namun, menurut Sidek Mohd Noah dan Jamaludin Ahmad (2005), modul secara umumnya dikelaskan kepada dua jenis iaitu modul berbantuan fasilitator dan modul tidak berbantuan fasilitator. Modul berbantuan fasilitator memerlukan modul dilaksanakan dengan bantuan fasilitator yang meliputi modul latihan, modul motivasi, modul perkembangan dan sebagainya. Sementara itu, modul tidak berbantuan fasilitator adalah modul lengkap yang penggunaanya tidak memerlukan bantuan fasilitator atau guru atau pengajar untuk mempelajari dan menguasainya. Modul jenis ini meliputi modul pengajaran dan modul akademik. Individu yang melalui modul ini mengikuti sendiri modul berkenaan secaraendirian.

Selain itu, Shaharom Noordin dan Yap (1991) menjelaskan bahawa modul pengajaran ialah pembelajaran yang bertujuan untuk membolehkan pelajar belajar secara sendiri. Modul ini berbeza dari segi panjang, kandungan serta formatnya. Modul jenis ini membolehkan pelajar meneruskan proses pembelajaran mereka mengikut kecepatan sendiri (self-pacing). Ini kerana kesedaran bahawa kejayaan yang dicapai oleh pelajar itu bukanlah pada kadar yang sama dan mereka juga sebenarnya tidak mempunyai tahap kesediaan untuk belajar pada masa yang sama. Antara contoh modul jenis ini ialah modul pengajaran bahasa Melayu, modul bahasa Arab, modul pengajaran Pengajian Am dan sebagainya.

Dr. Rushdi Ahmad Ta'imah (1989:67) telah menggariskan tiga kriteria untuk pemilihan kandungan khusus modul pengajaran bahasa Arab untuk penutur bukan Arab iaitu:

1. Kandungan hendaklah dapat membantu pelajar berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Arab secara berperingkat sehingga ia dapat membiasakan diri dengan mendengar dan berinteraksi menggunakan bahasa tersebut.
2. Kandungan hendaklah dapat membantu pelajar menguasai bahasa yang dapat memperkayakan pengetahuan pelajar tentang bahasa sehingga membolehkannya menggunakan bahasa tersebut secara berkesan.
3. Kandungan tersebut hendaklah dapat memberikan maklumat kepada pelajar tentang keistimewaan bahasa Arab dari segi keindahan gaya bahasa yang dapat menggalakan pelajar mempelajarinya.

2.5 Penutup

Bab ini telah membincangkan subtopik yang berkaitan dengan kajian. Antara subtopik tersebut ialah pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di Malaysia, pengenalan kosa kata bahasa Arab, ciri kosa kata bahasa Arab dan teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Selain itu, pengkaji juga telah membahaskan beberapa subtopik yang berkaitan dengan modul iaitu bahasa Arab untuk tujuan khas, definisi modul, ciri modul yang berkesan dan beberapa prinsip penggunaan modul. Subtopik yang dibincangkan sangat sesuai dan berkait rapat dengan kajian pembinaan modul ini. Bagi menjamin keberkesanan modul, pengkaji juga telah membincangkan beberapa pendapat pakar tentang modul. Dengan adanya perbincangan ini, pengkaji berharap dapat membantu memberikan gambaran jelas tentang kajian ini.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Bab ini telah membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Metodologi kajian adalah merujuk kepada tatacara dan kaedah yang sesuai untuk digunakan dalam menjalankan penyelidikan dan menentukan tatacara yang efektif bagi mencapai objektif dan menjawab permasalahan kajian (Chua, 2011). Metodologi kajian adalah mekanisme yang digunakan untuk merealisasikan objektif seperti yang dicadangkan dalam sesuatu kajian. Menurut Surachmad (1994:131) metodologi kajian merupakan cara yang utama yang digunakan untuk mencapai sesuatu objektif.

Dalam bab ini pengkaji telah memperincikan tentang kerangka konseptual kajian, reka bentuk kajian, prosedur kajian, responden kajian, instrumen kajian, proses pengumpulan data serta kesahan dan kebolehpercayaan data.

3.1 Kerangka Konseptual

Kerangka konsep merupakan satu penelitian terhadap hubungan atau kaitan antara konsep satu terhadap konsep yang lain dari kajian yang ingin dijalankan. Kerangka konsep ini gunanya untuk meringkaskan atau menjelaskan huraian yang panjang lebar tentang suatu topik yang dibahaskan. Mengikut Wiersma (2000) ia dibina untuk meramal dan menerangkan fenomena secara sistematik. Manakala Hatta (2001)

pula menyatakan bahawa kerangka konsep dapat menunjukkan hala tuju dan panduan kepada pengkaji semasa menjalankan kajian.


Konsep pertama telah dibuat oleh pengkaji untuk menentukan input kajian di mana pengkaji dapat mengenal pasti keperluan jemaah Haji dan Umrah terhadap penggunaan bahasa Arab. Hal ini merujuk terhadap kepentingan bahasa Arab semasa menunaikan Haji dan Umrah. Pengkaji juga telah mendapatkan pandangan beberapa orang pakar tentang keperluan bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Selain itu pengalaman pengkaji sendiri juga telah menjadi input kajian dan ia merupakan sebagai pendorong utama kajian ini dijalankan. Antara pengalaman pengkaji yang mendorong supaya kajian ini dijalankan antaranya:

1. Pengkaji pernah belajar di universiti Islam Madinah selama 4 tahun.
2. Pengkaji pernah membantu agensi pelancongan dalam menguruskan Haji dan Umrah.
3. Pernah menjadi mutawwif kepada jemaah Haji dan Umrah di Madinah dan Mekah.

Konsep kedua pula pengkaji telah menentukan proses kajian yang digunakan dalam pembinaan modul. Pengkaji telah memilih model ADDIE sebagai panduan dalam proses kajian. Berdasarkan model ADDIE, pengkaji telah menentukan proses kajian melalui lima fasa iaitu fasa kajian keperluan, fasa reka bentuk modul, fasa pembangunan, fasa perkembangan dan fasa perlaksanaan. Kelima-lima fasa ini dijelaskan secara terperinci dalam proses pembentukan modul nanti.

Konsep ketiga pula merupakan output kajian iaitu pengkaji berharap agar masalah jemaah Haji dan Umrah berkenaan dengan bahasa Arab dapat diatasi. Dengan ini dapat meningkatkan lagi tahap kesempurnaan ibadah Haji dan Umrah. Selain itu, pengkaji juga amat berharap agar kajian penyelidikan PhD ini mencapai hasratnya dengan terbinanya sebuah modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah yang

memenuhi kehendak jemaah Haji dan Umrah. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu agensi-agensi syarikat pelancongan dalam urusan Haji dan Umrah. Rajah 3.1 menunjukkan ringkasan kerangka konsep kajian yang telah diubahsuai dalam kajian ini.



Rajah 3.1 : Kerangka Konsep Kajian

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan perkara yang perlu dititik beratkan oleh seseorang pengkaji dalam merancang dan menentukan metodologi kajiannya (Mohd Najib, 1999). Kajian ini merupakan salah satu kajian sistematik yang melibatkan proses analisis, reka bentuk, pembangunan dan penilaian. Mengikut Richey dan Klein (2007), kajian yang melibatkan reka bentuk dan pembangunan adalah *“the systematic study of design, development and evaluation processes with the aim of establishing an empirical basis for a creation of instructional and non-instructional products and tools*

and new or enhanced modules that govern their development.”. Menurut Richey, Klien dan Nielson (2004), terdapat beberapa ciri kajian reka bentuk dan pembangunan antaranya :

1. Kajian yang melibatkan proses reka bentuk yang khusus, pembangunan dan mempunyai impak ke atas proses tersebut.
2. Kajian yang melibatkan aktiviti reka bentuk pengajaran, proses pembangunan dan penilaian serta membuat kajian terhadap proses tersebut.
3. Kajian yang melibatkan proses reka bentuk, pembangunan, penilaian dan proses penilaian keseluruhan atau satu bahagian tertentu.

Dalam kajian ini pengkaji telah menggabungkan dua kaedah asas iaitu kaedah perpustakaan dan lapangan. Kedua-dua kaedah ini amat sesuai dengan kajian bagi tujuan menghasilkan dapatan yang berkesan dan berkualiti tinggi. Penggabungan dua pendekatan ini membolehkan pengkaji mendapatkan data yang lebih komprehensif bagi tujuan pembinaan modul yang menjadi objektif utama kajian ini (Creswell 2007; wiersma 2000). Penggabungan dua pendekatan ini juga dapat memberikan gambaran yang lebih terperinci tentang masalah yang dikaji (creswell, 2005; Mils & Airasian, 2006; creswell, 2007).

Berikut dinyatakan kedua kaedah utama yang diguna pakai sepenuhnya dalam kajian ini:-

1. Kaedah Perpustakaan

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah perpustakaan dalam proses memperolehi data kajian. Melalui kaedah ini pengkaji telah membuat pembacaan yang terperinci terhadap beberapa kajian terdahulu dan kitab rujukan yang berkaitan dengan

tajuk kajian. Kaedah perpustakaan digunakan untuk memastikan agar objektif kajian yang dicadangkan benar-benar tercapai. Dalam usaha untuk mengenal pasti isi kandungan modul, pengkaji telah menggunakan kaedah perpustakaan dengan melalui kaedah analisis kandungan terhadap beberapa buku rujukan. Pengkaji telah menelaah kitab yang berkaitan dengan ibadah Haji dan Umrah untuk mengenal pasti perkataan dan ungkapan bahasa Arab yang digunakan dalam urusan ibadah Haji dan Umrah seperti doa, zikir dan bacaan yang berkaitan. Selain itu, pengkaji juga telah meneliti dan mengenal pasti perkataan dan ungkapan bahasa Arab yang digunakan dalam urusan komunikasi harian semasa musim Haji dan Umrah. Kaedah ini bertujuan untuk memastikan segala maklumat bertepatan dengan kaedah dan teori bahasa Arab *fusha* (standard) yang juga merupakan bahasa rasmi di Arab Saudi.

Data dan maklumat yang diperoleh daripada kaedah ini telah dikelaskan kepada dua bahagian utama iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah perkataan dan ungkapan bahasa Arab dalam ucapan niat, zikir dan doa semasa menunaikan Haji dan Umrah. Sementara data sekunder adalah perkataan dan ungkapan bahasa Arab dalam penggunaan komunikasi harian semasa menunaikan Haji dan Umrah seperti semasa di Lapangan Terbang, di Masjid, di Hotel, semasa membeli-belah, semasa aktiviti ziarah dan sebagainya. Bagi memastikan segala data dan maklumat yang dikumpulkan tepat dan bersesuaian dengan kaedah bahasa Arab, pengkaji telah mengunjungi beberapa perpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang tersebut. Antara perpustakaan yang telah dikunjungi ialah seperti berikut :-

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya.
3. Perpustakaan Tengku Anis Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan.
4. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

5. Perpustakaan Alam Dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pengkaji juga telah mengenal pasti data perkataan daripada teks tulisan yang merangkumi teks panduan Haji dan Umrah dan teks semasa yang dipetik terutamanya daripada sumber papan tanda, borang permohonan, iklan dan sebagainya. Kebanyakan data ini dikumpulkan dari tanah suci Mekah dan Madinah. Bagi memastikan data yang dikumpulkan agar lebih bersistematik dan teratur, pengkaji telah menggunakan perisian komputer yang sesuai supaya mini pangkalan data perkataan bahasa Arab dapat dibangunkan.

2. Kaedah Lapangan

Dalam kajian ini, pengkaji juga telah menggunakan kaedah lapangan dalam proses pengumpulan data dan maklumat yang berkaitan. Pengkaji telah menggunakan kaedah ini dalam menganalisis keperluan dan keberkesanan modul. Justeru, untuk memastikan proses pengumpulan data yang dikehendaki dapat menghasilkan maklumat yang berkualiti serta mencapai objektif kajian, penyelidik menggunakan beberapa instrumen kajian iaitu soal selidik, temu bual, dan pemerhatian.

Dalam proses menganalisis keperluan modul, pengkaji telah menggunakan kaedah lapangan untuk meninjau sejauh manakah tahap keperluan terhadap modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Dalam hal ini pengkaji telah menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Sebelum borang soal selidik diedarkan, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan pengesahan daripada pakar sebelum ia diedarkan. Pengkaji telah memilih 300 orang responden secara rawak dan menepati kriteria yang ditetapkan untuk menjawab soal selidik. Responden yang dipilih merupakan jemaah yang pernah menunaikan Haji atau Umrah.

Kaedah lapangan juga telah digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis keberkesanan modul yang dibina. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen kajian iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 30 orang responden yang dipilih. Manakala temu bual pula dilakukan ke atas 5 orang responden. Kesemua responden yang dipilih telah menepati kriteria yang ditentukan oleh pengkaji. Pemerhatian juga telah dibuat oleh pengkaji terhadap penggunaan modul dalam konteks yang sebenar.

Dalam pada itu, dalam kajian ini pengkaji juga telah menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam menentukan dapatan kajian. **Kaedah kuantitatif** merupakan kaedah yang digunakan untuk mengumpul data melalui soal selidik, manakala **kaedah kualitatif** pula merupakan kaedah yang digunakan untuk mengumpul data melalui temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan. Hal ini menunjukkan pengkaji juga telah menggunakan pendekatan kaedah *mixed-metod* dalam kajian ini. Pemilihan kedua-dua kaedah ini merujuk kepada kehendak objektif dan persoalan kajian yang telah ditentukan. Menurut Creswell dan Clark (2007), terdapat empat jenis reka bentuk kajian *mixed-metod* iaitu Reka Bentuk Trigulasi, Reka Bentuk Bertindan, Reka Bentuk Penjelasan dan Reka Bentuk Penerokaan. Menurut Creswell dan Clark (2007) juga, kaedah pengumpulan data ini telah lama digunakan, namun menggabungkannya dalam satu reka bentuk kajian adalah satu pendekatan yang baru.


3.3 Prosedur Kajian

Terdapat beberapa model reka bentuk kajian yang dicipta dan digunakan untuk mengembangkan proses pembelajaran dan pengajaran secara sistematik. Antara model reka bentuk kajian yang digunakan ialah model Briggs, model PPSI, model Elaborasi,

model Kemp, model Dick and Carey, model Gerlach dan Ely, model Bela H. Banaty, model Merrill, model IDI, model ADDIE, model Degeng dan sebagainya.

Bagi memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan lancar mengikut apa yang dirancang, pengkaji telah menggunakan dan memilih reka bentuk kajian mengikut model ADDIE (Gustafson & Branch, 2007) sebagai landasan kajian. Model ADDIE muncul pada tahun 1990-an yang telah dikembangkan oleh Reiser dan Mollenda. Antara sebab pemilihan model ADDIE dipilih adalah kerana ia merupakan salah satu model yang sangat inovatif kerana ia telah menggunakan proses kajian secara sistematik, efektif, efisien dan menjadi asas kepada model yang lain. Model ini juga menjimatkan kos kerana dibangunkan secara berperingkat iaitu menggunakan aliran sistem. Selain itu, model ini adalah sesuai untuk projek bersaiz kecil dan sederhana. Di samping itu, model ADDIE menyediakan carta aliran kerja langkah demi langkah yang membantu pengkaji mereka bentuk dan merangka cara kerja dengan teratur dan tersusun. Proses yang terdapat dalam reka bentuk ADDIE memudahkan pengkaji menilai dan memperbaiki produk yang bakal dihasilkan.

Istilah ADDIE merupakan singkatan bagi *Analysis* (analisis), *Design* (reka bentuk), *Development* (perkembangan), *Implementation* (pelaksanaan) dan *Evaluation* (penilaian). Dalam Model ADDIE, terdapat lima fasa atau unsur yang digunakan untuk memandu dalam melancarkan proses pembentukan modul seperti mana yang telah diringkaskan dalam gambar rajah 3.2. Setiap fasa tadi menunjukkan pola yang berturutan untuk membentuk satu modul yang berkesan.



Rajah 3.2 : Model ADDIE

Dalam proses kajian ini pengkaji telah melaksanakan lima fasa yang diadaptasikan daripada unsur yang terdapat dalam model ADDIE iaitu fasa analisis keperluan, fasa reka bentuk modul, fasa pembangunan, fasa perkembangan dan fasa pelaksanaan. Kesemua fasa tersebut melibatkan proses pengumpulan data yang menggunakan kaedah data sama ada kualitatif atau kuantitatif. Newman dan Benz (1998) menyatakan bahawa penyelidikan sains sosial kebiasaannya akan menggunakan kombinasi kaedah kualitatif dan kuantitatif.

(ADDIE) Fasa Analisis Keperluan

Fasa *Analysis* (analisis) merupakan fasa pertama yang dijalankan iaitu pengkaji telah menganalisis terlebih dahulu dengan mengidentifikasikan keperluan pembangunan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Analisis keperluan ini amat penting kerana ia merupakan perancang utama dan asas untuk fasa-fasa seterusnya untuk mereka bentuk sesuatu modul pengajaran. Menurut McKillip (1987), keperluan merupakan satu penghakiman nilai bahawa kumpulan tertentu mempunyai masalah yang boleh diselesaikan.


Dalam fasa ini, pengkaji menjalankan analisis keperluan modul melalui instrumen tinjauan iaitu soal selidik. Sesuatu permasalahan boleh dikenal pasti melalui pelbagai kaedah atau teknik seperti soal selidik, temu bual, tinjauan, pemerhatian dan sebagainya (Baharuddin et. al, 2001). Pengkaji telah mengenal pasti permasalahan melalui soal selidik yang jalankan ke atas 300 orang responden. Fasa ini telah melibatkan satu kaedah yang utama dalam pengumpulan data iaitu kaedah data kuantitatif. Dalam penyelidikan terdapat dua pendekatan yang perlu digunakan iaitu pendekatan kualitatif dan kuantitatif (Sukardi, 2004; Nana, 2005; Mohd, 2005; Ananda, 2007). Kaedah kuantitatif diaplikasikan oleh penyelidik dalam pengumpulan data

melalui dapatan soal selidik. Data-data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 21.0 dalam bentuk graf dan jadual.

Dalam fasa ini pengkaji telah mengedar borang soal selidik kepada 300 orang responden untuk meninjau keperluan modul bahasa Arab. Kumpulan responden kajian adalah dalam kalangan masyarakat Malaysia yang pernah melaksanakan ibadah Haji dan Umrah. Penglibatan sasaran dalam ibadah Haji dan Umrah amat penting untuk pembangunan modul bahasa Arab ini kerana dengan maklumat yang diperoleh berdasarkan pengalaman dan pengetahuan semasa mengerjakan ibadah Haji dan Umrah dapat membantu dalam menjawab soalan yang disediakan dengan tepat.

Secara ringkasnya, dalam proses analisis keperluan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah, pengkaji telah menggariskan tiga elemen yang utama sebagai landasan dalam pembinaan modul iaitu :-

1. Analisis keperluan perkataan dan ungkapan bahasa Arab untuk tujuan ibadah Haji dan Umrah.
2. Analisis keperluan perkataan dan ungkapan bahasa Arab untuk tujuan komunikasi semasa menunaikan Haji dan Umrah.
3. Analisis keperluan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah.



Rajah 3.3: Landasan Pembinaan Modul

(ADDIE) Fasa Reka Bentuk Modul

Fasa kedua pula ialah *design* (reka bentuk) modul. Tahap ini membabitkan aplikasi output dari fasa analisis keperluan untuk merancang strategi bagi membentuk modul pengajaran yang menepati kehendak dan objektif pembelajaran. Istilah reka bentuk merujuk reka bentuk spesifikasi bagi konteks pembelajaran yang berkesan dan juga reka bentuk produk dan proses untuk mencapai tujuan pembelajaran yang ditetapkan (Richey, Klien dan Nielson, 2004). Dengan kata lain, fasa reka bentuk telah melibatkan proses untuk menjelaskan cara untuk mempelajari perkara tertentu.

Dalam fasa ini pengkaji telah menggariskan beberapa prosedur dalam proses reka bentuk modul iaitu :

1. Menentukan objektif pembinaan modul untuk tujuan Haji dan Umrah.
2. Menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran bahasa yang sesuai.
3. Menentukan teori bahasa.
4. Menentukan pendekatan bahasa.
5. Menentukan isi kandungan modul.

Antara objektif pembinaan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah ialah :

1. Mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam ibadah Haji dan Umrah.
2. Membantu jemaah Haji dan Umrah dalam menunaikan ibadah Haji dan Umrah dengan sempurna.
3. Membantu jemaah dalam memahami bacaan semasa menunaikan ibadah Haji dan Umrah.
4. Membantu jemaah dalam aspek komunikasi semasa menunaikan ibadah Haji dan Umrah.
5. Menghasilkan modul bahasa Arab untuk tujuan khas yang berkesan.

Dalam kajian ini pengkaji telah menentukan strategi pengajaran dan pembelajaran iaitu **strategi penggabungjalinan**. Strategi ini bukanlah satu konsep yang baru dalam pengajaran bahasa kerana ia merupakan satu konsep yang melibatkan semua aspek kemahiran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis atau sebagainya. Antara tujuan konsep penggabungjalinan dipilih ialah:-

1. Membolehkan pelajar menguasai beberapa kemahiran dengan cara serentak dan dengan lebih bermakna.
2. Mengelakkan rasa bosan dan menimbulkan suasana yang lebih menarik.
3. Menimbulkan suasana pembelajaran yang lebih berkesan.
4. Mewujudkan kemahiran-kemahiran yang saling kukuh-memperkukuhkan.

Pengkaji juga telah mengaplikasikan dua teori bahasa iaitu **teori mekanis** (*behaviourisme*) dan **teori mentalis** (*kognitif*) kerana ia dianggap penting dan sesuai yang mana tiap-tiap satunya mendasari pengkaedahan dalam pengajaran bahasa (Kamarudin, 1996). Teori mekanis ini sesuai diaplikasikan dalam pembelajaran bahasa Arab kerana ia mempunyai beberapa ciri-ciri penting (Kamarudin, 1996) iaitu menguasai bahasa melalui proses pengulangan, belajar bahasa melalui operasi rangsangan dan tindak balas, mementingkan makna perkataan dan menganggap latihan pengukuhan dan ganjaran dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran adalah penting. Teori mentalis juga amat sesuai diaplikasikan dalam pembelajaran bahasa Arab kerana cara pembelajarannya yang memberi tumpuan mengikut kaedah penyelesaian masalah, pemikiran celik akal dan penemuan berdasarkan pengalaman seseorang.

Dalam proses pembinaan modul juga, pengkaji telah menentukan dua pendekatan pengajaran bahasa dalam membentuk satu modul yang efektif iaitu **pendekatan deduktif** dan **pendekatan komunikatif**. Hal ini kerana pengkaji melihat ia amat sesuai diaplikasikan dalam usaha membentuk sebuah modul. Konsep deduktif

boleh ditakrifkan sebagai satu pendekatan dalam mempelajari sesuatu hukum iaitu mempelajari nahu Arab. Ia merupakan proses penaklukan yang bertujuan mendapatkan fakta atau contoh tertentu daripada peraturan umum.

Finnocgiaro dan Brumfit (1983) telah menerangkan dengan jelas tentang ciri pendekatan komunikatif antaranya :

- a) Makna adalah sangat dipentingkan.
- b) Konteks dan situasi adalah sangat penting.
- c) Pembelajaran bahasa adalah cara untuk berhubung.
- d) Latih tubi boleh berlaku tetapi tidak digalakkan.
- e) Keupayaan komunikasi adalah matlamat pembelajaran.

Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan komunikatif amat berguna dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa lebih-lebih lagi dalam pembentukan sesebuah modul perbualan. Oleh kerana modul yang dibentuk mengandungi elemen komunikasi, maka pendekatan ini amat sesuai diaplikasikan dalam usaha pembinaan modul ini.

(ADDIE) Fasa Perkembangan

Seterusnya, Fasa *development* (perkembangan) dibentuk membabitkan proses penjanaan dan penghasilan bahan pembelajaran iaitu modul. Tujuan utama bagi fasa ini adalah untuk menjana rancangan dan bahan pembelajaran. Fasa ini akan melalui tiga peringkat iaitu pembangunan modul, pengesahan pakar bidang dan penyediaan draf prototaip modul. Fasa ini juga boleh melibatkan penggunaan komputer seperti kalkulator grafik dan alat simulasi serta perisian komputer dan pengajaran berasaskan komputer.

Dalam fasa ini modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah dibangunkan berdasarkan output dari fasa reka bentuk. Dalam fasa ini pengkaji telah menetapkan

strategi pembelajaran bahasa iaitu dengan menentukan teori bahasa iaitu teori mekanis (behaviourisme) dan teori mentalis (kognitif). Selain daripada itu pendekatan pembelajaran bahasa juga telah ditentukan iaitu pendekatan deduktif dan pendekatan komunikatif seperti mana yang telah dihuraikan secara terperinci dalam fasa reka bentuk. Sebelum modul dibangunkan, pengkaji terlebih dahulu mendapatkan pengesahan pakar dengan menggunakan teknik Delphi.

Pakar telah diberikan draf prototaip awal untuk dibuat penilaian sebelum draf prototaip akhir dibangunkan. Pengkaji juga telah menggunakan instrumen soal selidik berstruktur yang mempunyai soalan terbuka untuk menilai dan mendapatkan maklum balas terhadap modul yang dibangunkan. Panel yang dipilih diminta menilai modul melalui soalan yang disediakan. Hasil dapatan daripada soal selidik yang telah dibuat penilaian untuk proses penyediaan draf prototaip akhir modul.


(ADDIE) Fasa Perlaksanaan

Fasa *implementation* (pelaksanaan) pula membabitkan proses penggunaan modul pembelajaran dalam konteks dunia sebenar. Tujuannya adalah untuk menyampaikan atau melaksanakan pengajaran dengan berkesan di samping untuk dinilai dan ditambahbaikkan. Fasa ini merupakan fasa kajian modul rintis yang dibuat untuk mendapat maklum balas daripada responden terhadap modul yang dibentuk. Fasa ini amat penting untuk dilaksanakan kerana untuk memastikan keberkesanan dan kesesuaian modul untuk tujuan Haji dan Umrah. Fasa ini telah dilaksanakan di Mekah dan Madinah ketika melaksanakan ibadah Umrah selama dua minggu. Pengkaji telah memilih 30 orang untuk dijadikan sebagai responden kajian. Kesemua responden yang dipilih mesti memenuhi kriteria yang telah ditentukan oleh pengkaji. Hasil dapatan daripada fasa ini akan dinilai dalam fasa penilaian.

(ADDIE) Fasa Penilaian

Akhir sekali, fasa penilaian pula membabitkan pengukuran keberkesanan dan keefisienan pembelajaran dan pengajaran. Fasa penilaian melibatkan proses menentukan fasa keperluan dan kesesuaian terhadap modul yang disediakan. Tujuan penilaian ini adalah untuk memperbaiki proses pembelajaran dan pengajaran sebelum versi mutakhir dilaksanakan. Penilaian sumatif pula berlaku selepas versi pengajaran mutakhir dilaksanakan. Penilaian keberkesanan modul ini dilakukan ke atas 30 orang responden dalam bentuk edaran borang kajian selidik, temu bual dan pemerhatian. Responden-responden yang terlibat merupakan jemaah Umrah yang telah mengikuti kelas pembelajaran modul dan menggunakannya di lapangan kajian. Hal ini telah diterangkan secara terperinci dalam kajian tinjauan keberkesanan modul.

Modul yang dibangunkan perlu dinilai sekali lagi oleh pakar-pakar yang dipilih. Maklum balas yang diperoleh boleh dijadikan rujukan untuk penilaian kebolegunaan dan kesesuaian modul serta membuat penambahbaikan dan pengubahsuaian modul. Apabila penambahbaikan dan pengubahsuaian telah dibuat, modul terakhir akan dibina.



Rajah 3.4 : Prosedur Kajian Pembinaan Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Haji dan Umrah

3.4 Isi Kandungan Modul

Dalam usaha pembinaan modul bahasa yang sistematik, pengkaji menganggap isi kandungan merupakan bahan pengajaran yang perlu dititik beratkan dan diberikan perhatian. Ia memainkan peranan yang penting sangat penting dalam menyampaikan maklumat-maklumat bahasa yang sesuai dan terkini kepada pelajar secara berkesan. Pakar bahasa telah membincangkan tentang ciri yang perlu ada dalam isi kandungan. Antaranya, Mansoer Pateda (1991:77) telah menyatakan ciri isi kandungan iaitu :

- a) Bersesuaian dengan kurikulum yang ditetapkan.
- b) Berorientasikan tujuan; iaitu setiap tujuan ini wajar dijelaskan terlebih dahulu di dalam kurikulum.
- c) Wajar mengambil kira bidang pengajaran, faktor pembelajaran, faktor psikologi dan faktor sosial.
- d) Memberi perhatian kepada peringkat atau laras bahasa yang bersesuaian dengan tahap pemikiran pelajar.
- e) Membuka ruang dan peluang kepada pelajar untuk mengembangkan kapasitinya berbahasa melalui bentuk latihan bahasa yang disediakan.
- f) Isi kandungan wajar meraikan konteks sebenar kehidupan pelajar.
- g) Isi kandungannya bersifat bersepadu, dengan erti kata lain ia relevan dengan bahan pengajaran yang lain yang sedia ada.
- h) Wajar mengambil kira peringkat umur, minat dan tujuan pelajar belajar bahasa.
- i) Isi kandungan hendaklah dipilih dari bahasa yang paling asas serta mudah dahulu kemudian diikuti dengan aspek lain yang semakin tinggi dan sukar.
- j) Keutamaan pemilihan perkataan yang konkrit dahulu kemudian diikuti dengan yang abstrak.

- k) Mengutamakan perkataan yang seragam dahulu kemudian diikuti dengan perkataan yang tidak seragam.
- l) Mengutamakan perkataan yang mempunyai hubungan dengan unit yang sebelumnya.

Isi kandungan yang hendak disampaikan mestilah merangkumi perkara yang telah ditetapkan di dalam sesebuah kursus. Bahan-bahan pembelajaran yang dimuatkan mestilah mengambil kira keperluan pelajar supaya mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan. Oleh itu pengkaji perlu memastikan maklumat seperti teori, contoh, bahan dan formula yang dikemukakan adalah tepat dari segi faktanya dan disusun secara sistematik. Lampiran serta bahan bacaan tambahan yang berkaitan perlu dimuatkan ke dalam modul bagi meningkatkan penguasaan pelajar dalam sesuatu topik. Pengkaji telah menentukan model susunan isi kandungan modul iaitu mengikut model yang diubahsuai daripada model Syarifah Alwiyah. Pengkaji juga telah mendapatkan persetujuan pakar terlebih dahulu dalam merangka isi kandungan modul dengan menggunakan teknik Delphi.

Isi kandungan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah terdiri daripada kaedah tulisan transliterasi Arab-Rumi, objektif modul, nahu ringkas, bahasa Arab untuk ibadah Haji dan Umrah, bahasa Arab Komunikasi untuk tujuan Haji dan Umrah, glosari dan diakhiri dengan latihan.

Antara objektif yang ingin dicapai melalui penghasilan modul ini ialah:

1. Mengaplikasikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dalam ibadah Haji dan Umrah.
2. Membantu jemaah Haji dan Umrah dalam menunaikan ibadah Haji dan Umrah dengan sempurna.
3. Membantu jemaah dalam memahami bacaan semasa menunaikan ibadah Haji dan Umrah.

4. Membantu jemaah dalam berkomunikasi semasa menunaikan ibadah Haji dan Umrah.

Bagi mencapai objektif yang dinyatakan di atas, beberapa aspek utama telah dikenal pasti dalam pemilihan isi kandungan modul iaitu:

1. Lafaz niat yang dipilih sesuai untuk menunaikan ibadah Haji dan Umrah.
2. Lafaz doa yang dipilih sesuai untuk menunaikan ibadah Haji dan Umrah.
3. Lafaz zikir yang dipilih sesuai untuk menunaikan ibadah Haji dan Umrah.
4. Terjemahan lafaz bacaan banyak membantu saya dalam memahami makna lafaz tersebut.
5. Terjemahan lafaz bacaan yang disertakan jelas dan mudah difahami.
6. Dialog pilihan yang digunakan semasa menunaikan Haji dan Umrah.

Pengkaji telah menggunakan analisis kandungan terhadap buku-buku panduan Haji dan Umrah, teks panduan Haji dan Umrah dan teks semasa yang dipetik terutamanya daripada sumber papan tanda, borang permohonan, iklan dan sebagainya untuk mengenal pasti perkataan dan ayat bahasa Arab yang digunakan untuk tujuan Haji dan Umrah. Hasil dapatan daripada analisis tersebut pengkaji telah mengenal pasti beberapa perkataan bahasa Arab yang digunakan untuk tujuan Haji dan Umrah.

Berikut merupakan jadual perkataan bahasa Arab yang telah dikenal pasti:-

Jadual 3.1

Bahasa Arab untuk Ibadah Haji dan Umrah			
Bil	Perkataan	Bil	Perkataan
1.	آبَاء	26.	الْأَهْل
2.	اتِّبَاعًا	27.	إِيمَانًا
3.	آتَى	28.	الْبِرِّ
4.	أَجْمَعِينَ	29.	رَحْمَةً
5.	الْإِحْرَام	30.	بَعْدَهُ
6.	الْأَحْزَابِ	31.	عَهْدٌ
7.	الْآخِرَةِ	32.	كِتَاب
8.	أَدَاءً	33.	الْبَيْتِ
9.	أَرْحَمَ	34.	بَيْنَ
10.	أُرِيدُ	35.	رَضِي
11.	أَسْأَلُ	36.	تَصَدِّيقًا
12.	أَسْعَى	37.	التَّقْوَى
13.	أَشْوَاطِ	38.	تَوْفِيقًا
14.	أَصْلَى	39.	جَنَاحِ
15.	الْأَطْفَالِ	40.	الْحَجِّ
16.	أَطْوَعَ	41.	الْحَرَامِ
17.	اعْتَمَرَ	42.	حَسَنَةً
18.	أَعُوذُ	43.	حَوْلِ
19.	اغْفِرْ	44.	الْخَلِيفَةَ
20.	أَكْبَرُ	45.	دَاءً
21.	إِمَامًا	46.	الدُّنْيَا
22.	أُمَّهَاتِ	47.	الدِّيَارِ
23.	الْأَمْوَاتِ	48.	رِزْقًا
24.	أَنْعَمَ	49.	رَكَعَاتِ
25.	إِنِّي	50.	رُكْعَتَيْنِ

51.	زُدْ	76.	عَوْنًا
52.	سُبْحَانَ	77.	الْعَسَلِ
53.	سَبْعَةَ	78.	تَقَبَّلَ
54.	سَحَّرَلْنَا	79.	فَرَضُ
55.	سَعَى	80.	الْقُدُومِ
56.	السَّفَرِ	81.	قَدِيرٍ
57.	سَفَرِنَا	82.	قَصْرًا
58.	سَقَمَ	83.	قَضَى
59.	سِنَّةَ	84.	قُوَّةَ
60.	سَوْءَ	85.	كَابَةَ
61.	شَرِيكَ	86.	الْكِفَايَةَ
62.	شَفَاءَ	87.	كُلِّ
63.	شَيْءٍ	88.	كُنَّا
64.	الصَّاحِبِ	89.	لَا
65.	الصَّفَا	90.	لَا حِقُونَ
66.	الطُّفْلِ	91.	لَبِيكَ
67.	الطُّفْلَةَ	92.	سِنَّةَ
68.	طَوَافٍ	93.	مُنْقَلِبُونَ
69.	الظُّهْرِ	94.	الْمَالِ
70.	عَبْدَهُ	95.	مَأْمُومًا
71.	عَذَابِ	96.	مَا
72.	الْعَصْرِ	97.	مَجْمُوعًا
73.	عِلْمًا	98.	مُحَلِّقِينَ
74.	الْعُمُرَةَ	99.	الْمَرْوَةَ
75.	الْعَمَلِ	100.	الْمُسْتَأْخِرِينَ

101.	المُسْتَقْدِمِينَ	117.	نَصَرَ
102.	المُسْلِمِينَ	118.	الْبِعْمَةَ
103.	المَغْفِرَةَ	119.	نَوَيْتُ
104.	مُقْرِنِينَ	120.	هَدَانَا
105.	مَقْصِرِينَ	121.	هَذَا
106.	الْمَلِكُ	122.	هَذِهِ
107.	الْمُنْظَرَ	123.	هَرَمَ
108.	الْمُنْقَلَبِ	124.	هَوَّلَاءِ
109.	الْمُؤْمِنِينَ	125.	هَوَّنَ
110.	الْمَيِّتِ	126.	وَأَسَعَ
111.	الْمَيِّتَةِ	127.	وِثَاءَ
112.	النَّارِ	128.	الْوِدَاعِ
113.	نَاصِيَةِ	129.	وَفَاءَ
114.	نَافِعًا	130.	وَقِنَا
115.	نَبِيٍّ	131.	يَطْلُوفِ
116.	نُسُكٍ	132.	يَقِينًا

Jadual 3.2

Bahasa Arab Komunikasi untuk Ibadah Haji dan Umrah			
Bil	Perkataan	Bil	Perkataan
1.	أُجْرَةٌ	26.	حَجَزٌ
2.	الأجْهَرَةُ الكَهْرَبَائِيَّةُ	27.	الحِذَاءُ
3.	اسْتِئْبَالٌ	28.	الحُمَّى
4.	اسْتِئْلَامٌ حَقَائِبِ	29.	خِدْمَةُ الرِّبَائِنِ
5.	إِشَارَةُ المُرُورِ	30.	الخُرُوجُ
6.	الأمِيعَةُ	31.	الخُضْرَوَاتُ
7.	بِرْنَامَجٌ	32.	الدُّخُولُ
8.	بُسْتَانُ التَّمْرِ	33.	الدَّوَاءُ
9.	بِطَاقَةُ رُكُوبِ الطَّائِرَةِ	34.	دَوْرٌ
10.	بَعِيدٌ	35.	الدَّوْرَانُ
11.	بِكَمْ	36.	رَدْهَةُ الفُنْدُقِ
12.	بَوَابَةٌ	37.	رُزُّ الدِّجَاجِ
13.	تَأْشِيرَةٌ	38.	رُزُّ اللَّحْمِ
14.	تَخْفِيفٌ	39.	الرِّكَابُ
15.	التَّدْكِيرَةُ	40.	الرِّكَامُ
16.	تَسْجِيلُ الرُّكُوبِ	41.	الرِّيَازَةُ
17.	التَّقَاطُعُ	42.	السِّرْوَالُ
18.	جَرْحٌ	43.	السُّعَالُ
19.	الجُمْرُكُ	44.	سِعْرٌ
20.	الجَنَاحُ	45.	سَيَّارَةُ أُجْرَةٍ
21.	الجَنَاحُ	46.	شَارِعٌ
22.	جَنَاحُ الطَّوَائِرِ	47.	شَبَّكَ التَّدْكِيرَةِ
23.	جِنْسِيَّةٌ	48.	صَالَةٌ الانْتِظَارِ
24.	الجَوَازَاتُ	49.	صَالَةٌ المُعَادَرَةِ
25.	الحَافِلَةُ	50.	صَالَةٌ الوُضُوءِ

51.	صَحْنٌ	74.	مَاءٌ مَعْدِنِيٌّ
52.	الصُّدَاعُ	75.	مَأْكَلٌ
53.	صَبْدَلِيَّةٌ	76.	مَائِدَةٌ
54.	طَيِّبٌ	77.	مَجَانًا
55.	عَرَضٌ	78.	مَحْطَةٌ
56.	عَرَضٌ خَاصٌّ	79.	مُدِيرُ الْفُنْدُقِ
57.	عَصِيرٌ	80.	مَسَافَةٌ
58.	الْعَمَلِيَّاتُ	81.	مُسْتَوْصَفٌ
59.	غُرْفَةٌ	82.	مَشْرَبٌ
60.	غُرْفَةُ الْعَمَلِيَّاتِ	83.	مَصْنَعُ الْمُصْحَفِ
61.	غُرْفَةُ قِيَاسِيَّةٌ	84.	مُضَيِّفٌ
62.	غُرْفَةُ لِلْكَشْفِ بِالْأَشْعَةِ	85.	مُضَيِّفَةٌ
63.	غُرْفَةُ مُتَفَوِّقَةٌ	86.	مَطَارٌ
64.	فِنِجَانٌ	87.	مَطْعَمٌ
65.	فُنْدُقٌ	88.	المِفْتَاحُ
66.	الفَوَاكِهِ	89.	المَمَالِيسُ
67.	قَائِمَةُ الطَّعَامِ	90.	مُمَرِّضَةٌ
68.	قَرِيبٌ	91.	مَمْنُوعٌ مِنَ التَّدخينِ
69.	القَمِيصُ	92.	مُوظَّفُ الاستِقْبَالِ
70.	كَيْلُو	93.	مَوْقِفٌ
71.	مَاءٌ بَارِدٌ	94.	التَّادِلُ
72.	مَاءٌ حَارٌ	95.	هُبُوطٌ
73.	مَاءٌ سَاخِنٌ	96.	الْوَاجِبَاتُ

Berikut jadual ungkapan bahasa Arab yang dikenal pasti:-

Jadual 3.3

Bahasa Arab untuk ibadah Haji dan Umrah
نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى
نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى
أُصَلِّي سُنَّةَ الْإِحْرَامِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى
نَوَيْتُ الْغُسْلَ سُنَّةً لِلْإِحْرَامِ لِلَّهِ تَعَالَى
اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ الْحَجِّ لِلَّهِ تَعَالَى
اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ الْعُمْرَةِ لِلَّهِ تَعَالَى
اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ الْقُدُومِ لِلَّهِ تَعَالَى
اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ الْوِدَاعِ لِلَّهِ تَعَالَى
اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أَسْعَى بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ سَعَى الْعُمْرَةِ لِلَّهِ تَعَالَى
اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أَسْعَى بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ سَعَى الْحَجِّ لِلَّهِ تَعَالَى
أُصَلِّي سُنَّةَ الطَّوَافِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى
أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى
أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الْعَصْرُ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى
أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَيْهِ الْعَصْرُ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى
أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ مَجْمُوعًا إِلَى الْعَصْرِ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى
أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا مَجْمُوعًا إِلَى الْعَصْرِ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى
أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيْتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةِ مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى
أُصَلِّي عَلَى هَذِهِ الْمَيْتَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةَ مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى
أُصَلِّي عَلَى هَذَا الطِّفْلِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةَ مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى
أُصَلِّي عَلَى هَذِهِ الطِّفْلَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةَ مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى
أُصَلِّي عَلَى هَؤُلَاءِ الْأَطْفَالِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةَ مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى
أُصَلِّي عَلَى هَؤُلَاءِ الْأَمْوَاتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةَ مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرْنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ، اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِي سَفَرِنَا هَذَا الْبِرَّ وَالتَّقْوَى وَمِنَ الْعَمَلِ مَا تَرْضَى، اللَّهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا سَفَرَنَا هَذَا

وَاطُوعًا بَعْدَهُ، اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ وَالْخَلِيفَةُ فِي الْأَهْلِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ وَعْتَاءِ السَّفَرِ وَكَآبَةِ الْمَنْظَرِ وَسُوءِ الْمُنْقَلَبِ فِي الْمَالِ وَالْأَهْلِ.
اللَّهُمَّ إِيْمَانًا بِكَ، وَتَصَدِيقًا بِكِتَابِكَ، وَوَفَاءً بِعَهْدِكَ، وَاتِّبَاعًا لِسُنَّةِ نَبِيِّكَ، بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ
بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُمَّ إِيْمَانًا بِكَ، وَتَصَدِيقًا بِكِتَابِكَ، وَوَفَاءً بِعَهْدِكَ، وَاتِّبَاعًا لِسُنَّةِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى مَا هَدَانَا. أَلْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى مَا أَنْعَمَنَا بِهِ عَلَيْنَا. اللَّهُمَّ هِدِهِ نَاصِيَتِي فَتَقَبَّلْ مِنِّي وَاعْفِرْ لِي وَ لِلْمُحَلِّقِينَ وَ الْمُقْصِرِينَ يَا وَاسِعَ الْمَغْفِرَةِ.
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي قَضَىٰ نُسُكَنَا. اللَّهُمَّ زِدْنَا إِيْمَانًا وَيَقِينًا وَتَوْفِيقًا وَعَوْنًا. وَاعْفِرْ لَنَا وَلِأَبَائِنَا وَأُمَّهَاتِنَا وَالْمُسْلِمِينَ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا وَرِزْقًا وَاسِعًا وَشِفَاءً مِنْ كُلِّ دَاءٍ وَسَقَمٍ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ الْمُسْلِمِينَ وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ، وَ يَرْحَمُ اللَّهُ الْمُسْتَقْدِمِينَ مِنَّا وَ الْمُسْتَأْخِرِينَ أَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَ لَكُمْ الْعَافِيَةَ
لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ وَ النُّعْمَةَ لَكَ وَ الْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ سُبْحَانَ اللَّهِ، وَ الْحَمْدُ لِلَّهِ وَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَ اللَّهُ أَكْبَرُ وَ لَا حَوْلَ وَ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.
إِنَّ الصَّفَا وَ الْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ، فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا

Jadual 3.4

Bahasa Arab komunikasi untuk ibadah Haji dan Umrah
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ ، كَيْفَ حَالُكَ ؟
وَعَلَيْكُمْ السَّلَامُ ، أَنَا بِخَيْرٍ... أَنْتَ مِنْ أَيِّ بِلَادٍ ؟
أَنَا مِنْ مَالِيزِيَا
مَالِيزِيَا جَيِّدَةٌ.. أَيُّ خِدْمَةٍ ؟
أَيْنَ أَخَذَ حَقِيبَتِي ؟

في البوابة الثانية.
ممكن أخذ حقيبتى الآن ؟
انتظر قليلاً بعد تفتيش.
لو سمحت ، أين العربة ؟
تأخذ هناك.
أريد أن أحجز التذكرة من هنا إلى ماليزيا.
أي الطائرة تريد ؟
الخطوط الجوية السعودية.
متي تريد ؟
يوم الخميس القادم، موجود ؟
طيب ، إن شاء الله موجود.
طيب ، سجل اسمي.
اعطني جواز سفرك.
ها هو جواز سفري.
لا بد أن تتأكد بيومين قبل المغادرة
ماذا تريد أن تأكل ؟
ما بك ؟ لو سمحت
عندنا رز الدجاج و اللحم و السمك .
حسنًا ، اعطني رز الدجاج.
وماذا تريد أن تشرب ؟ شاي أو قهوة ؟
اعطني الشاي.
ها هو رز الدجاج و الشاي.
أهلاً وسهلاً ، تفضل.
أهلاً وسهلاً و مرحبًا . ما اسم هذا الفندق ؟
اسم هذا فندق الحرام هل حجزت غرفة هنا ؟
نعم ، حجزت غرفة هنا.
حسنًا ، انتظر قليلاً.
كم رقم غرفتي ؟
رقم غرفتك

هل تُوجد عُرْفَةٌ لِلإِيجَارِ هُنَا ؟
نَعَمْ ، مَوْجُودٌ .
بِكَمْ فِي اليَوْمِ ؟
خَمْسُونَ رِيَالًا
طَيِّبٌ ، أُرِيدُ أَنْ أَحْجِزَ العُرْفَةَ لِسَبْعَةِ الأَيَّامِ .
طَيِّبٌ ، إعْطِنِي جَوَازُ سَفَرِكَ .
هَا هُوَ جَوَازُ سَفَرِي .
عُرْفَتُكَ فِي الدَّوْرِ الخَامِسِ رَقْمَ اثنَيْنِ .
لَوْ سَمَحْتَ ، إعْطِنِي قَائِمَةَ الطَّعَامِ .
لَكَ قَائِمَةُ الطَّعَامِ . مَاذَا تُرِيدُ أَنْ تَأْكُلَ ؟
أُرِيدُ أَنْ أَكُلَ رِزًّا مَندي الدَّجَاجِ
مَاذَا تُرِيدُ أَنْ تَشْرَبَ ؟
أُرِيدُ أَنْ أَشْرَبَ الشَّاي .
مَسَاءَ الخَيْرِ
مَسَاءَ النُّورِ
مَا هِيَ قَائِمَةُ الطَّعَامِ المَوْجُودَةِ هُنَا ؟
هَا هِيَ قَائِمَةُ الطَّعَامِ .
طَيِّبٌ ، إعْطِنِي الرِّزَّ البُخَارِي بِاللَّحْمِ .
وَشْرَابُكَ ؟
إعْطِنِي عَصِيرَ البُرْتُقَالِ .
أَيُّ شَيْءٍ آخِرٍ ؟
هَذَا فَقَطُ
مَاذَا أَصَابَكَ ؟
أَنَا مُصَابٌ بِالنُّحْمَى يَا دُكْتُورُ
سَأَفْحَصُكَ ... مَتِي أَصَبْتَ بِالنُّحْمَى ؟
مُنذُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ ، يَا دُكْتُورُ
حَرَارَةٌ بِدَنِكَ عَالِيَةٌ جِدًّا .. خُذِ الدَّوَاءَ مِنَ الصِّيدَلِيَّةِ .
طَيِّبٌ ، شُكْرًا جَزِيلًا يَا دُكْتُورُ .
مِنْ فَضْلِكَ ، مُمْكِنٌ أَدْخُلُ ؟

تَفَضَّل .. مَاذَا أَصَابَكَ؟
أَنَا مُصَابٌ بِالسُّعَالِ وَ الصُّدَاعِ .
مُنْذُ مَتَى ؟
مُنْذُ الْأَمْسِ .
هَلْ تُحْسُ بِأَلَمٍ فِي الْحَلْقِ ؟
نَعَمْ ، مَا عِنْدِي شَهِيَّةٌ أَيْضًا ..
دَعْنِي أَفْحَصُكَ .. أَنْصَحُكَ أَنْ تَأْكُلَ الْفَوَاكِهَ وَالْخَضِرَوَاتِ كَثِيرَةً.
إِنْ شَاءَ اللَّهُ ، يَا دُكْتُور ..
خُذِ الدَّوَاءَ مِنَ الصِّيدَلِيَّةِ.
بِكُمْ هَذِهِ الْجُبَّةُ ؟
هَذِهِ جُبَّةٌ بَسْتَيْنَ رِيَالًا فَقَطْ .
هَلْ عِنْدَكَ تَخْفِيفُ ؟
مُمْكِنٌ ، اخْتَرِ الْجُبَّةَ أَوْلًا ..
أُرِيدُ أَنْ أَشْتَرِيَ كَثِيرًا .. بِكُمْ آخِرَ كَلَامٍ ..
أَعْطِيكَ بِخَمْسِينَ رِيَالًا لِكُلِّ وَاحِدَةٍ ..
طَيِّبٌ ، اعْطِنِي ثَلَاثُونَ حُبَّةً ..
مَاذَا تُرِيدُ يَا سَيِّدَ ؟
أُرِيدُ أَنْ أَشْتَرِيَ التَّمْرَ ...
مَا نَوْعَ التَّمْرِ تُرِيدُ ؟
مَا أَنْوَاعَ التَّمْرِ عِنْدَكَ ؟
عِنْدَنَا سَبْعَةٌ أَنْوَاعٍ مِنَ التَّمُورِ ..
مَا هُوَ نَوْعُ التَّمَشْهُورِ هُنَا ؟
تَمْرٌ عَجْوِي .. لَكِنَّ سَعْرَهُ غَالٍ ..
بِكُمْ ؟
ثَمَانُونَ رِيَالًا بِكِيلُو وَاحِدٍ .
طَيِّبٌ .. أَعْطِنِي كِيلُوَيْنِ تَمْرِ عَجْوِي .
حَاضِرٌ .
إِلَى أَيِّنَ تَذْهَبُ ؟
أُرِيدُ أَنْ أَذْهَبَ إِلَى مَسْجِدِ قُبَاءٍ ..

مَا اسْمُكَ الْكَرِيمِ ؟
إِسْمِي أَحْمَدُ
هَلْ أَنْتَ مَدَنِيٌّ ؟
نَعَمْ ، أَنَا مَدَنِيٌّ ..
هَلْ مَسْجِدُ قُبَاءَ بَعِيدٌ مِنْ هُنَا ؟
لَا ، بَلْ هُوَ قَرِيبٌ .. حَوْلِي خَمْسَةٌ كَيْلُومِتْرَاتٍ مِنْ هُنَا ..
هَلْ تَعْرِفُ أَيْنَ بُسْتَانِ التَّمْرِ الْمَشْهُورِ فِي الْمَدِينَةِ ؟
نَعَمْ .. عِنْدَ جَبَلٍ أُحَدٌ يُوجَدُ بُسْتَانُ التَّمُورِ الْكَبِيرِ ..
طَيِّبٌ ، أُرِيدُ أَنْ أَذْهَبَ هُنَاكَ بَعْدَ هَذَا ..
يَا سَيِّدُ ، إِلَى أَيْنَ تَذْهَبُ ؟
أُرِيدُ أَنْ أَذْهَبَ إِلَى مَسْجِدِ التَّنْعِيمِ لِلْعُمْرَةِ
طَيِّبٌ ، تَفَضَّلْ ..
كَمْ أُجْرَةٌ إِلَى هُنَاكَ ؟
خَمْسَةٌ عَشَرَ رِيَالًا بِوَاحِدٍ
مُمْكِنٌ تَخْفِضُ قَلِيلًا فِي الْأُجْرَةِ ؟
طَيِّبٌ ، أُعْطَيْتُكَ عَشَرَ رِيَالَاتٍ بِوَاحِدٍ
حَسَنًا ، إِرْسَلْنِي إِلَى هُنَاكَ
أُرِيدُ صَرْفَ الْعُمْلَةِ الْمَالِيَّةِ إِلَى رِيَالِ سَعُودِي
طَبَعًا ، كَمْ تُرِيدُ أَنْ تُصَرِّفَ ؟
عِنْدِي مِائَةٌ رَنْجِيَتْ
لَكَ تِسْعُونَ رِيَالًا سَعُودِيًّا
كَمْ قِيَمَةُ لِعُمْلَةِ رَنْجِيَتْ الْآنَ ؟
مِائَةٌ رَنْجِيَتْ مَالِيَّةً تُسَاوِي تِسْعِينَ رِيَالًا سَعُودِيًّا

3.5 Responden Kajian

Pemilihan responden merupakan elemen yang penting dalam sesebuah kajian. Oleh itu, responden yang dipilih mestilah berkaitan dengan kajian yang ingin dijalankan supaya maklumat yang diingini bertepatan dengan objektif sesebuah kajian. Responden kajian telah dipilih secara “ *purposive sampling* ” iaitu pensampelan bertujuan kerana objektif utama kajian bukanlah untuk menguji dan membuktikan teori baru atau teori yang sedia ada, tetapi tujuan utama kajian adalah untuk meneliti keberkesanan modul. Menurut Babbie (2004), “*purposive sampling*” boleh digunakan untuk mengkaji unit-unit yang disandarkan kepada penilaian pengkaji berdasarkan kriteria yang dikenal pasti oleh pengkaji. Berdasarkan pendapat Chua Yan Piaw, bahawa “ *purposive sampling* ” merujuk kepada prosedur pensampelan di mana sekumpulan subjek yang mempunyai ciri tertentu dipilih sebagai responden kajian. Dengan ini, oleh kerana kajian yang dijalankan berkaitan dengan Haji dan Umrah, maka kajian ini dibuat khususnya untuk jemaah Haji dan Umrah di Malaysia dan seluruh umat Islam amnya .

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Babbie (2004), “ *purposive sampling* ” boleh digunakan oleh pengkaji dalam memilih sampel kajian berdasarkan penilaiannya ke atas sampel kajian yang manakah memberi kefahaman yang maksimum dan yang paling mendalam ke atas bahan yang dikaji. Dalam proses pemilihan responden, beberapa kriteria telah ditetapkan dalam pemilihan responden.

Mengikut statistik lembaga Tabung Haji Malaysia, setiap tahun bilangan jemaah yang menunaikan ibadah Umrah semakin meningkat. Ini kerana ibadah Umrah lazimnya lebih mudah ditunaikan berbanding Haji kerana tiada kekangan kuota dan peraturan yang ketat. Jumlah anggaran umat Islam di Malaysia yang mengerjakan Umrah bagi tahun 2014 iaitu seramai 250 ribu orang berbanding dengan kuota Haji hanya sebanyak 22,320 orang sahaja dan dijangka meningkat untuk sesi 2015/2016

mencecah seramai 290 ribu orang (Khutbah Jumaat MAIK siri ke-8, 2016). Hal ini menunjukkan bahawa peningkatan rakyat Malaysia yang menunaikan Haji dan Umrah setiap tahun semakin meningkat.

Dalam kajian ini pengkaji telah membuat pemilihan responden dalam dua kategori iaitu kajian keperluan dan kajian keberkesanan modul. Dalam kajian keperluan modul pengkaji telah memilih 300 orang jemaah secara rawak di seluruh Malaysia untuk menjawab borang soal selidik. Responden yang dipilih dalam kajian ini merupakan jemaah yang pernah menunaikan Haji atau Umrah. Hal ini kerana soalan yang disediakan perlu dijawab berdasarkan pengalaman yang mereka lalui semasa menunaikan Haji dan Umrah. Antara kriteria responden yang ditetapkan oleh pengkaji dalam kajian keperluan ini ialah :-

1. Responden merupakan jemaah Haji dan Umrah yang tinggal di Malaysia.
2. Responden merupakan jemaah yang pernah menunaikan Haji atau Umrah.
3. Responden telah menjawab borang soal selidik yang disediakan dengan sempurna.

Manakala dalam kajian keberkesanan modul pula pengkaji telah memilih seramai 30 orang jemaah untuk dijadikan responden kajian modul rintis dan 5 orang jemaah untuk ditemu bual. Responden yang dipilih dalam kajian modul rintis ini merupakan jumlah yang agak kecil kerana proses kajian ini melibatkan kos yang tinggi dan pengurusan yang rumit untuk dilaksanakan. Antara kriteria responden yang ditetapkan oleh pengkaji dalam kajian keberkesanan ini ialah :-

1. Responden perlu menghadiri kelas pemahaman dan pendedahan cara penggunaan modul telah dibuat oleh pengkaji sebanyak 4 kali sebelum menggunakannya. Ini kerana pemahaman modul penting kepada responden supaya proses penggunaan modul berjalan lancar.

2. Responden perlu menunaikan ibadah Umrah bersama pengkaji semasa tempoh kajian keberkesanan modul ini dijalankan. Hal ini penting kerana mereka akan membuat penilaian yang sebenar terhadap modul.
3. Bersedia untuk menggunakan modul rintis yang disediakan bagi menilai keberkesanan modul semasa mengerjakan Umrah.
4. Menjawab borang soal selidik yang disediakan oleh pengkaji.

3.6 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan satu alat yang digunakan dalam sesebuah kajian untuk mengumpul data. Terdapat banyak instrumen yang boleh digunakan untuk menilai keperluan, antaranya :

- Pemerhatian.
- Soal Selidik.
- Temu bual.
- Kumpulan fokus.
- Analisis kandungan.

Dalam kajian ini pengkaji telah memilih empat instrumen kajian sebagai asas pengumpulan data kajian iaitu soal selidik, temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan.

3.6.1 Soal selidik

Soal selidik merupakan alat ukur utama dan penting dalam kajian ini untuk mendapat data bagi menyokong kajian yang dibuat. Ini kerana kualiti dan mutu soal selidik dapat menentukan nilai penyelidikan pada keseluruhannya. Jika soalan soal selidik samar, maka jawapan yang diperoleh itu tidak akan mencapai objektif yang

dikehendaki. Soal selidik yang berkesan perlu mempunyai ciri instrumen yang baik antaranya sesuai dengan kesediaan responden, format instrumen yang bersistematik, arahan yang jelas dan surat dan dokumen disertakan bersama instrumen kajian (Chua, 2006).

Dalam perancangan sesebuah penyelidikan, para pengkaji harus memberi perhatian yang serius terhadap pembentukan soal selidik. Ini kerana tujuan soal selidik ialah semata-mata untuk mendapatkan data daripada responden dan boleh dianggap sebagai satu cara untuk menyampaikan satu rangsangan bagi mendapatkan jawapan daripada responden (Syed Arabi Idid, 1991). Pembinaan soal selidik berkait rapat dengan permasalahan kajian. Oleh itu, setiap soalan dalam soal selidik harus berkaitan supaya ia dapat mengukur konsep yang ingin diuji. Ciri-ciri soal selidik yang digubal dengan baik ialah mencapai objektif kajian, mendapat maklumat yang paling tepat dan lengkap serta mencapai tujuan kajian dengan perbelanjaan yang sederhana (Sheatsley, 1983).

Terdapat beberapa prinsip yang harus menjadi panduan kepada para pengkaji apabila hendak menggubal soalan soal selidik. Ini kerana setiap soalan yang digubal mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri. Cara penggubalan soalan soal selidik telah menjadi satu bidang kajian yang dianggap penting. Kajian telah menunjukkan beberapa perkara yang harus diketahui apabila para pengkaji ingin menggubal soalan soal selidik. Di Malaysia, para pengkaji sedang memberikan perhatian yang serius kepada penyediaan soalan soal selidik. Ini kerana di Malaysia terdapat masyarakat yang berbilang bangsa yang berupaya menghasilkan berbagai-bagai tafsiran terhadap soalan yang sama. Walau bagaimanapun, para sarjana masih berpendapat bahawa penggubalan soalan adalah panduan antara sains dan teknik iaitu apabila menggubal soalan soal selidik, pengkaji memberikan perhatian terhadap soalan-

soalan yang telah dibuat oleh para pengkaji, jenis populasi kajian, pengalaman dan hasil pra ujian yang dilakukan.

Dalam kajian ini borang soal selidik telah diedarkan sebanyak dua kali. Kali pertama soal selidik telah diedarkan oleh pengkaji untuk menganalisis keperluan modul. Tujuan soal selidik diguna pakai dalam kajian keperluan ini ialah untuk mendapatkan maklum balas daripada responden bagi memastikan agar objektif kajian dicapai. Beberapa soalan telah disediakan supaya modul yang dihasilkan benar-benar mengikut kehendak dan menepati objektif kajian. Borang soal selidik kajian keperluan yang diedarkan oleh pengkaji merangkumi empat bahagian iaitu;

- (i) Maklumat peribadi responden.
- (ii) Bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah.
- (iii) Bahasa Arab untuk tujuan komunikasi semasa menunaikan Haji dan Umrah.
- (iv) Keperluan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah.

Manakala kali kedua pula soal selidik telah diedarkan oleh pengkaji untuk menganalisis keberkesanan modul dan mengesan kekurangan terhadap modul yang dibuat. Soal selidik kali kedua ini dibuat apabila modul rintis telah siap dibangunkan. Beberapa soalan telah disediakan supaya modul yang dihasilkan benar-benar berkesan dan menepati objektif kajian. Borang soal selidik kajian keberkesanan yang diedarkan oleh pengkaji merangkumi empat bahagian iaitu;

- (i) Penilaian terhadap kandungan Nahu Arab.
- (ii) Penilaian terhadap penggunaan Bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah.
- (iii) Penilaian terhadap penggunaan Bahasa Arab untuk tujuan komunikasi.
- (iv) Penilaian keseluruhan modul bahasa Arab.

3.6.2 Temu Bual

Temu bual merupakan satu instrumen penyelidikan ketika mana responden dan penyelidik hadir dalam proses kajian tinjauan dalam memperoleh dapatan kajian (Sukardi, 2004; Mohd, 2005; Nana, 2005). Temu bual merupakan salah satu teknik untuk mendapatkan sumber maklumat yang paling penting dalam kajian penyelidikan. Hal ini kerana dengan temu bual, penyelidik dapat meminta kepada responden untuk menyampaikan pendapatnya tentang suatu peristiwa atau situasi tertentu, dan hasilnya dapat digunakan sebagai pelengkap dalam pelaksanaan penyelidikan seterusnya.

Teknik temu bual juga boleh diguna sebagai metode utama pengumpulan data, digabung dengan metode lain atau hanya dijadikan pendekatan kajian (Robson, 2011). Bagi kajian yang mengguna reka bentuk kajian kes, temu bual adalah teknik yang baik bagi mengumpul data (Yin, 2009). Temu bual adalah teknik kajian yang boleh diterima bagi mencari isu yang berkaitan dengan polisi maklumat (Wenger et al. dlm. Forrest, 2006). Teknik temu bual mempunyai beberapa kelebihan dari segi keanjalan penemu bual menyelidik dan menentukan isu yang perlu diteroka secara mendalam. Selain daripada itu, penemu bual bebas mengemukakan soalan baru yang tidak dirancang semasa penyediaan instrumen temu bual (Patton, 2002). Robson (2011) pula mendakwa teknik temu bual mempunyai potensi untuk menghasilkan bahan yang kaya dan menyerlah.

Terdapat dua jenis teknik temu bual iaitu temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur (Syed Arabi Idid, 1991). Temu bual berstruktur merupakan aktiviti perbualan dan soal jawab yang mana bentuk dan kandungan soalan yang ingin ditanya adalah terhad pada sesuatu tajuk atau bidang tertentu sahaja. Manakala temu bual tidak berstruktur pula merupakan aktiviti perbualan dan soal jawab yang mana bentuk dan

kandungan soalan yang ingin ditanya untuk mementingkan penerokaan idea atau perasaan lebih daripada mendapat fakta tertentu.

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual berstruktur dalam menganalisis keberkesanan modul. Pengkaji telah menentukan beberapa soalan terlebih dahulu sebelum ditemu bual dan setiap responden diberikan soalan yang sama. Instrumen ini telah dibuat ketika kajian keberkesanan dan penilaian modul dijalankan dan hanya 5 orang responden sahaja dipilih untuk ditemu bual. Hasil dapatan daripada temu bual akan ditranskripsikan dan diterjemahkan dalam bahasa yang mudah difahami.

Penentuan bilangan responden untuk kaedah temu bual tidak menjadi isu dalam kajian kualitatif kerana tidak ada satu peraturan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan saiz sampel yang ditemu bual (Patton, 2002 ; Connaway & Powell, 2010). Menurut Patton (2002) dengan batasan masa dan sumber, satu kajian boleh memilih untuk mengkaji satu pengalaman yang khusus bagi bilangan orang yang ramai atau kajian yang terbuka julat pengalamannya dengan bilangan orang yang sedikit. Ahmad Naqiyuddin (2008) menjelaskan tujuan utama pensampelan dalam kajian kualitatif adalah untuk memahami proses sosial berbanding memperoleh sampel responden.

3.6.3 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan salah satu instrumen yang digunakan dalam proses analisis keberkesanan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Kaedah pemerhatian merupakan proses penelitian situasi atau kejadian secara kritikal seperti tingkah laku, cara melaksanakan sesuatu, keadaan persekitaran dan sebagainya. Becker (1958) menyatakan terdapat empat tahap dalam menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta. **Pertama** ialah pemilihan dan definisi masalah dan konsep. **Kedua** ialah

memastikan kekerapan dan taburan fenomena yang berkenaan. **Ketiga** ialah memasuki setiap kajian dalam satu bentuk model. **Keempat** ialah persembahan kesimpulan pemerhatian. Penyelidikan pemerhatian merupakan penyelidikan kualitatif kerana pengkaji perlu mengkaji cara hidup sesuatu kumpulan atau perjalanan sesebuah organisasi melalui penglibatannya secara langsung (Rubin, 1983).

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta melalui penglibatan (Participant-observation) iaitu pengkaji melibatkan diri sendiri dengan subjek yang hendak dikaji. Becker dan Geer (1981) mendefinisikan pemerhatian melalui penglibatan sebagai satu kaedah yang di dalamnya pemerhati mengikut bersama-sama dalam kehidupan seharian komuniti yang hendak dikaji, sama ada secara terbuka ataupun tertutup. Dengan kaedah ini, pengkaji dapat mengetahui dan memahami dengan jelas sesuatu isu yang berkaitan dengan subjek tersebut. Kaedah ini berasal dari bidang antropologi iaitu kajian tentang kehidupan masyarakat. Dalam kaedah ini penyelidik kebiasaannya melibatkan diri dengan populasi yang hendak dikajinya. Pemerhatian berperanan serta merujuk pada proses kajian yang melibatkan interaksi sosial antara pengkaji dan subjek pengkajiannya. Interaksi amat berguna dalam kajian dalam memperoleh data melalui teknik yang sistematik. Menurut (Moleong, 1989):

- (1) Pemerhatian memungkinkan pengkaji untuk melihat, merasakan dan memaknakan dunia berserta ragam peristiwa dan gejala sosial dalamnya, sebagaimana subjek pengkajian melihat, merasakan dan memaknakannya.
- (2) Pemerhatian memungkinkan pembentukan pengetahuan secara bersama-sama antara pengkaji dan subjek pengkajiannya (inter subjektiviti).

Terdapat beberapa panduan pemerhatian yang berperanan ketika mengumpulkan data kajian sebagaimana berikut (Bachtar, 1985):-

- (1) Pembatasan tegas terhadap sasaran pemerhatian, sehingga pemerhatian terarah atau terfokus. Pembatasan ini disesuaikan dengan tujuan dan masalah pengkajian, apa yang akan ingin diterangkan dan fakta apakah yang digunakan untuk menerangkan.
- (2) Pemerhatian didasarkan pada suatu kerangka pemikiran, walaupun itu bersifat longgar. Kerangka pemikiran ini bukanlah untuk diuji secara empiris, melainkan sebagai panduan pengumpulan data. Dengan demikian menjadi jelas peristiwa atau gejala apakah yang perlu diperhatikan, serta bagaimana kaitan antara peristiwa atau gejala tersebut.

Pemerhatian juga merupakan satu kaedah yang digunakan untuk mengukur sesuatu pemboleh ubah (Mohd. Majid, (1990)). Perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan dalam kaedah pemerhatian adalah seperti berikut (Altrichter et al., 1993:83; KPM, 1995:22) :

1. Siapakah dan apakah yang anda akan perhatikan?
2. Mengapakah anda perlu membuat pemerhatian?
3. Di manakah pemerhatian akan dilaksanakan?
4. Bilakah anda akan membuat pemerhatian itu dan untuk berapa lama?
5. Bagaimana pemerhatian itu akan dicatatkan dan dirakamkan?

Kaedah pemerhatian ini telah digunakan untuk memperoleh data sokongan dan tambahan dalam kajian ini. Oleh kerana kajian ini berkaitan dengan Haji dan Umrah maka lokasi utama untuk pemerhatian ini telah dilakukan di Mekah dan Madinah. Oleh kerana pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian secara penglibatan, ini

bermakna pengkaji telah pergi Mekah dan Madinah bersama-sama responden yang terlibat untuk membuat pemerhatian.

3.6.4 Analisis Kandungan

Analisis kandungan merupakan satu kaedah penyelidikan yang popular digunakan oleh para penyelidik. Berelson (1952) mentakrifkan analisis kandungan sebagai satu teknik penyelidikan komunikasi lahiriah yang dibuat secara objektif, sistematik dan kuantitatif. Seperti kaedah yang lain, analisis kandungan ini juga mempunyai kelemahan dan kebaikannya. Antara kebaikan analisis kandungan ialah :-

1. Ia merupakan satu kaedah yang menjimatkan masa dan perbelanjaan seseorang pengkaji.
2. Ia mempunyai ciri keselamatan iaitu pengkaji hanya perlu merekodkan sebahagian daripada data yang maklumatnya akan didapati daripada dokumen yang dikehendaki.
3. Dokumen atau bahan yang didapati dalam membuat analisis kandungan adalah lebih tinggi kualitinya berbanding dengan kaedah lain.

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengenal pasti perkataan dan ungkapan bahasa Arab yang digunakan dalam urusan ibadah Haji dan Umrah. Perkataan dan ungkapan bahasa Arab telah dikenal pasti melalui kitab Arab dan buku rujukan yang berkaitan dengan ibadah Haji dan Umrah.

3.7 Proses Pengumpulan Data

Dalam kajian ini pengkaji telah melakukan proses pengumpulan data sebanyak tiga peringkat iaitu mengenal pasti data analisis keperluan modul, data isi kandungan modul dan data analisis keberkesanan modul. Setiap proses pengumpulan data yang dilakukan mempunyai prosedur yang berbeza. Huraian bagi proses pengumpulan data adalah seperti jadual berikut:-

3.7.1 Data Analisis Keperluan Modul

Dalam proses mengenal pasti keperluan modul, pengkaji telah menggunakan dua kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian dan soal selidik. Pemerhatian telah dibuat secara tak langsung terdahulu oleh pengkaji untuk memastikan modul yang hendak dibina agar benar-benar memenuhi kehendak jemaah Haji dan Umrah. Kaedah kedua iaitu soal selidik juga telah dibuat oleh pengkaji untuk menyokong data pemerhatian yang dibuat. Sebelum soal selidik dibuat pengkaji telah mendapatkan pengesahan daripada pakar terlebih dahulu terhadap isi kandungan soalan soal selidik. Soal selidik ini telah dibuat ke atas 300 orang responden yang memenuhi kriteria yang ditetapkan serta pernah menunaikan Haji dan Umrah. Hal ini dibuat untuk mengenal pasti tahap keperluan modul bagi menyokong dan menguatkan lagi data-data supaya kajian ini benar-benar dapat memenuhi keperluan.

3.7.2 Pembinaan Modul

Dalam proses pembinaan modul, pengkaji telah menggunakan kaedah perpustakaan untuk memastikan isi kandungan modul merupakan bahan-bahan yang

disahkan kesahihannya. Pengkaji juga telah menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengenal pasti perkataan dan ungkapan bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan teknik Delphi untuk mendapatkan persetujuan pakar terhadap isi kandungan modul. Pakar yang dipilih telah menilai isi kandungan modul mengikut kesesuaian modul dan mengikut susunan yang betul. Sebelum teknik Delphi dijalankan, pengkaji terlebih dahulu telah membuat pemilihan pakar. Dalkey (1972), mendefinisikan pakar dalam teknik Delphi sebagai orang yang berpengetahuan dan mahir dalam sesuatu bidang tertentu. Hasil daripada data-data yang dikenal pasti dalam proses ini, maka satu modul rintis telah dibangunkan.

3.7.3 Data Keberkesanan modul

Dalam proses analisis data keberkesanan modul, pengkaji telah menjalankan kajian modul rintis yang menggunakan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah terhadap 30 orang responden. Oleh kerana kajian ini melibatkan ibadah Haji dan Umrah maka tempat yang dipilih oleh pengkaji ialah Mekah dan Madinah kerana ia tempat yang paling sesuai untuk menjalankan kajian ini. Dalam proses pengumpulan data ini pengkaji telah menggunakan tiga kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian soal selidik dan temu bual. Kaedah pertama iaitu kaedah pemerhatian di mana ia telah dibuat dengan penglibatan pengkaji sendiri di lapangan untuk memastikan modul yang hendak dibina benar-benar berkesan untuk jemaah Haji dan Umrah. Kaedah kedua iaitu soal selidik yang telah mendapat pengesahan daripada pakar juga telah dibuat oleh pengkaji untuk menyokong data pemerhatian yang dibuat. Soal selidik ini telah diedarkan kepada 30 orang responden yang telah dipilih untuk mengikuti kajian modul rintis. Hal ini juga dibuat untuk menguatkan lagi dan menyokong data-data yang diperolehi. Manakala kaedah ketiga pula ialah kaedah temu bual di mana pengkaji telah

menemu bual 5 orang responden yang juga telah dipilih untuk mengikuti kajian modul rintis.

Berikut adalah ringkasan proses pengumpulan data:

Bil	Kaedah Pengumpulan Data	Objektif	Peringkat
1.	<ul style="list-style-type: none"> -Membuat pemerhatian. -Soal selidik keperluan modul kepada 300 orang jemaah Haji dan Umrah. 	<ul style="list-style-type: none"> Untuk mengenal pasti tahap keperluan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. 	<ul style="list-style-type: none"> Data analisis keperluan modul
2.	<ul style="list-style-type: none"> -Kaedah perpustakaan telah dibuat iaitu menelaah buku ilmiah yang berkaitan dengan Haji dan Umrah. -Kaedah analisis kandungan telah digunakan untuk mengenal pasti isi kandungan modul. -Menggunakan teknik Delphi yang melibatkan beberapa orang pakar. 	<ul style="list-style-type: none"> -Mengenal pasti perkataan bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. -Mengenal pasti ungkapan bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. -Membina modul rintis bahasa Arab. 	<ul style="list-style-type: none"> Data isi kandungan bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah.
3.	<ul style="list-style-type: none"> -Membuat kajian modul rintis terhadap modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. -Pemerhatian melalui penglibatan pengkaji. -Soal selidik dibuat kepada 30 jemaah. -Temu bual dibuat kepada 5 orang jemaah. 	<ul style="list-style-type: none"> -Menilai keberkesanan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. -Membina modul akhir. 	<ul style="list-style-type: none"> Data analisis keberkesanan modul

3.8 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Data

Kesempurnaan sesebuah penyelidikan sering dibincangkan dalam metodologi kajian dan ia amat berhubung kait dengan dua konsep iaitu kesahan (*validity*) dan kebolehpercayaan (*reliability*) data. Kesahan (*validity*) merupakan satu ujian yang menekankan tentang apa yang hendak diukur dan sejauh mana ia boleh berbuat demikian (Anastasi, 1967). Manakala kebolehpercayaan (*reliability*) pula bermaksud sejauh mana satu uji kaji, ujian atau prosedur kajian apabila diulangi akan memberikan keputusan yang sama (Carmines dan Zeller, 1979).

Oleh itu, kajian ini amat menitik beratkan aspek ini dalam pemilihan data. Keteranganannya adalah seperti berikut:-

3.8.1 Kesahan Data Kajian

Dalam kajian ini kesahan merangkumi kesahan instrumen kajian dan kesahan modul prototaip. Kesahan instrumen merangkumi instrumen soal selidik dan instrumen soalan temu bual. Instrumen soal selidik dalam kajian ini meliputi dua jenis soal selidik iaitu soal selidik analisis keperluan modul dan soal selidik analisis keberkesanan modul. Kesahan kedua-dua soal selidik tersebut telah menggunakan panel pakar yang sama. Kaedah kesahan yang digunakan oleh pengkaji ialah kaedah kesahan kandungan (*content validity*) terhadap kedua-dua soal selidik. Kesahan kandungan merujuk kepada format instrumen, ketepatan kandungan, kesesuaian item yang jelas untuk memudahkan responden menjawabnya serta susun atur item-item untuk dinilai oleh responden. Kaedah ini telah menggunakan beberapa orang pakar untuk menilai ketepatan kandungan soal selidik sebelum ia diedarkan. Pengkaji telah memilih pakar untuk mengesahkan instrumen dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti

Teknologi Mara. Pakar-pakar ini juga telah membuat pengesahan kandungan modul seperti kosa kata bahasa Arab sebelum kajian keberkesanan dijalankan. Mereka terdiri daripada :-

1. Dr. Phuzi Usop (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)
2. Prof. Madya Dr. Janudin Sardi (Universiti Teknologi Mara)
3. Prof. Madya Dr. Mohd Nasir Ismail (Universiti Teknologi Mara)

Instrumen temu bual pula melibatkan dua kaedah kesahan iaitu kesahan soalan temu bual dan kesahan kriteria. Kesahan soalan temu bual telah dibuat dengan membuat penilaian melalui pakar. Manakala kesahan kriteria pula melibatkan pemilihan responden untuk ditemu bual iaitu responden yang benar-benar mempunyai pengetahuan dan maklumat tentang apa yang hendak dikaji. Kesahan modul prototaip juga telah dibuat kesahan oleh panel pakar bahasa Arab dari segi isi kandungan dan kosa-kosa kata yang digunakan berdasarkan objektif yang disenaraikan dalam modul kajian. Walau bagaimanapun kesahan dari segi susunan isi kandungan modul adalah berdasarkan perbincangan pengkaji dengan penyelia.

3.8.2 Kebolehpercayaan Data Kajian

Ujian kebolehpercayaan telah dilakukan oleh pengkaji dengan menggunakan nilai "Cronbach Alpha" dengan bantuan perisian SPSS versi 21.0 terhadap analisis data keberkesanan modul. Menurut Leowenthal (2000), nilai alpha yang melebihi 0.8 adalah nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Manakala bagi nilai alpha di antara 0.7 hingga 0.8 adalah nilai kebolehpercayaan yang sederhana dan boleh diterima. Nilai alpha yang kurang dari 0.6 merupakan nilai kebolehpercayaan yang dianggap lemah dan tidak boleh diterima. Menurut Creswell (2008) pula, semakin hampir nilai Cornbach Alpha

kepada 1.0 maka semakin tinggi tahap kebolehpercayaannya. Lantaran itu, pengkaji telah menilai Cornbach Alpha menerusi data dapatan instrumen soal selidik kajian tinjauan keberkesanan modul dalam bab keenam.

3.8 Penutup

Dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan kaedah metodologi kajian secara menyeluruh yang digunakan dalam kajian. Ia merangkumi tentang reka bentuk kajian yang melibatkan model ADDIE, prosedur kajian, isi kandungan modul kajian, responden kajian, instrumen kajian, proses pengumpulan data kajian serta di akhir bab ini pengkaji menerangkan tentang kesahan dan kebolehpercayaan data yang telah dibuat. Pengkaji berharap agar bab ini menjadi panduan dan landasan dalam meneruskan kajian pembinaan modul ini dengan sempurna sekali gus mencapai semua objektif yang digariskan.

BAB EMPAT
ANALISIS KEPERLUAN BAHASA ARAB
UNTUK TUJUAN HAJI DAN UMRAH

4.0 Pendahuluan

Bab empat ini membincangkan tentang proses pembinaan dan penilaian “*modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah*” atau “*MBAUTHU*”. Dalam proses ini pengkaji telah membuat analisis keperluan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah dengan menggunakan instrumen kajian iaitu soal selidik. Antara topik yang dibincangkan dalam bab ini ialah penerangan kajian tinjauan keperluan modul, isi kandungan borang soal selidik modul dan analisis deskriptif dapatan soal selidik.

4.1 Kajian Tinjauan Keperluan Modul

Kajian tinjauan keperluan modul telah dibuat oleh pengkaji bertujuan untuk menganalisis keperluan dan kehendak jemaah dalam urusan ibadah Haji dan Umrah. Kajian ini telah dilakukan ke atas 300 orang responden dalam kalangan jemaah yang pernah menunaikan Haji dan Umrah. Pengkaji telah menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan data. Borang soal selidik tadi telah diedarkan kepada 300 orang responden untuk mendapat maklum balas tentang keperluan modul.

Hasil daripada kajian keperluan ini dijangka dapat membantu pengkaji dalam membina “*MBAUTHU*”. Pengkaji telah menggunakan perisian SPSS 21.0 bagi

menganalisis dan menentukan bilangan data yang terkumpul. Bagi memudahkan proses analisis dan penilaian data, pengkaji telah menggunakan graf atau jadual.

4.2 Borang Soal Selidik *MBAUTHU*

Sebagaimana diketahui soal selidik merupakan alat ukur yang amat penting dalam kajian ini. Tujuan soal selidik diguna pakai dalam kajian ini ialah untuk mendapatkan maklum balas daripada responden bagi memastikan agar objektif kajian tercapai. Pengkaji telah menyediakan beberapa soalan supaya modul yang dihasilkan benar-benar mengikut kehendak dan menepati objektif kajian. Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik ke atas 300 orang yang dipilih secara rawak. Responden yang dipilih merupakan jemaah yang pernah menunaikan Haji dan Umrah.

Sebagai makluman, soal selidik ini telah diteliti dan disemak oleh penyelia dan beberapa orang pakar dalam bidang yang berkaitan supaya dapatan daripada soal selidik ini benar-benar memenuhi keperluan modul. Sebagaimana yang sedia maklum, kesahan pakar merupakan salah satu daripada kaedah kesahan dalam sesuatu kajian dan ia merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam kesahan dan kebolehpercayaan kajian ini. Menurut Bogdan dan Biklen (2003) bahawa salah satu daripada kesahan data adalah melalui pengesahan penyelia dan rakan penyelidik terhadap keteraturan kajian yang dilakukan. Dapatan ini telah menentukan beberapa masalah sebenar yang dihadapi semasa menunaikan Haji dan Umrah. Hasil dapatan tadi telah dianalisis dan dijadikan asas yang utama dalam pembinaan modul bahasa Arab untuk Haji dan Umrah.

Borang soal selidik yang diedarkan oleh pengkaji merangkumi empat bahagian iaitu:-

- (i) Maklumat peribadi responden.

- (ii) Bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah.
- (iii) Bahasa Arab untuk tujuan komunikasi semasa menunaikan Haji dan Umrah.
- (iv) Keperluan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah.

Soal selidik ini telah dijawab berdasarkan pengalaman dan pengetahuan yang mereka peroleh semasa mengerjakan Haji dan Umrah. Pengalaman dan pengetahuan yang ada pada jemaah amat penting dan berguna untuk menjawab soalan soal selidik. Menurut Gall, Gall & Borg (2005) pemilihan responden penting agar dapat memberi gambaran untuk memahami sesuatu masalah atau fenomena yang berlaku dalam populasi terbabit. Pengkaji telah memaklumkan kepada responden sebelum menjawab bahawa soal selidik ini bukanlah satu ujian. Oleh yang demikian, responden akan mengetahui bahawa tiada jawapan yang betul atau salah untuk dinilai. Hal ini kerana untuk memberi kebebasan kepada responden menjawab soalan-soalan yang disediakan dengan ikhlas berdasarkan pengamatan dan pengalaman masing-masing. Dengan itu, pengkaji dapat mengetahui keadaan dan keperluan sebenar mengapa modul khusus untuk Haji dan Umrah perlu digubal atau tidak.

Berikut isi kandungan borang soal selidik yang telah diedarkan kepada kumpulan responden sasaran:-

Bahagian A : Maklumat Peribadi Responden

Soal selidik Bahagian A akan mengenal pasti maklumat peribadi responden. Antara maklumat yang disediakan ialah jantina, umur dan negeri kelahiran. Pengkaji juga mengenal pasti maklumat responden tentang latar belakang pembelajaran bahasa Arab sama ada pernah belajar atau tidak pernah. Jika pernah, responden akan menentukan tahap pembelajaran bahasa Arab sama ada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, peringkat universiti, kelas di masjid, di pusat tuisyen dan kursus

bahasa Arab. Manakala jika tidak pernah, responden akan menyatakan alasan atau sebabnya seperti tidak berminat untuk belajar, tiada pendedahan tentang mempelajari bahasa Arab dan sukar untuk dipelajari.

Selain daripada itu, dalam bahagian ini juga responden telah menyatakan sebab mengapa patut mempelajari bahasa Arab. Pengkaji telah menyatakan beberapa sebab yang relevan untuk dipilih oleh responden antaranya dapat memahami doa dan zikir semasa melakukan ibadah Haji dan Umrah, dapat memahami al-Quran dan Hadis, dapat berkomunikasi dengan bangsa Arab, dapat memahami bacaan ketika melakukan ibadah dan dapat melancarkan perjalanan ibadah Umrah dan Haji.

Bahagian B : Bahasa Arab Untuk Ibadah Haji dan Umrah

Dalam bahagian B pengkaji telah menyediakan beberapa soalan berkaitan kepentingan bahasa Arab untuk tujuan ibadah Haji dan Umrah. Pengkaji telah menyediakan satu soalan yang berkait rapat dengan keyakinan responden terhadap pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan ibadah Haji dan Umrah. Soalan ini disediakan untuk menentukan tahap keyakinan responden bahawa bahasa Arab boleh membantu dalam meningkatkan kesempurnaan ibadah Haji dan Umrah.

Selain daripada itu juga responden telah menyatakan usaha-usaha yang dibuat untuk memahami lafaz bacaan dalam ibadah Haji dan Umrah seperti niat, doa dan zikir. Responden diberi pilihan jawapan untuk menyatakan usaha yang dibuat seperti bertanya kepada yang lebih arif, membaca buku ibadah Haji dan Umrah yang ada terjemahan, belajar bahasa Arab dan menghafal maksud bacaan dari buku. Selain daripada itu ruangan kosong juga disediakan untuk memberi peluang kepada responden untuk menyatakan sebab yang lain.

Di samping itu, pengkaji juga menyediakan beberapa bacaan yang digunakan semasa menunaikan Haji dan Umrah dengan tujuan menguji tahap kefahaman responden. Antara bacaan yang disediakan ialah niat Haji dan Umrah, niat mandi ihram, niat solat ihram, niat tawaf Haji dan Umrah, niat Saei Haji dan Umrah, doa ketika istilam Hajar Aswad, doa ketika berada di antara Rukun Yamani dan Hajar Aswad, doa ketika berada di Bukit Safa dan Marwah, doa ketika bercukur atau bergunting, doa ketika minum air Zam-Zam, doa ketika hari Arafah, doa ketika ziarah perkuburan, bacaan ketika menaiki bukit Safa dan Marwah dan zikir semasa tawaf.

Bahagian C : Bahasa Arab Untuk Tujuan Komunikasi Semasa Menunaikan Ibadah Haji dan Umrah

Bahagian C pula pengkaji telah mengutarakan beberapa soalan tentang pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan komunikasi harian semasa mengerjakan Haji dan Umrah. Pengkaji telah menyediakan satu soalan yang berkaitan dengan kepentingan komunikasi bahasa Arab semasa menunaikan Haji dan Umrah.

Dalam bahagian ini juga, responden telah menilai situasi-situasi yang penting untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab semasa berada di Arab Saudi. Antara situasi tersebut seperti di Lapangan Terbang, di Hotel, di Restoran, di Pasar Raya, di Hospital dan semasa ziarah Madinah dan Mekah.

Bahagian D : Keperluan Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Haji dan Umrah

Bahagian ini pengkaji telah mendapatkan maklumat daripada responden tentang minat untuk mengikuti kelas bahasa Arab yang menggunakan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Dengan ini pengkaji mengetahui tahap minat responden

terhadap penggunaan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Hal ini secara tidak langsung boleh dijadikan sebab keperluan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah.

Pengkaji juga telah menguji keyakinan responden dengan menentukan beberapa cadangan jawapan sekiranya berpeluang mempelajari modul bahasa Arab untuk tujuan ibadah Haji dan Umrah. Antara cadangan jawapan yang disediakan ialah dapat menambah kekhusyukan dan keyakinan, dapat menghilangkan keraguan ketika membaca bacaan, dapat mengelakkan berlaku kesilapan ketika melafazkan bacaan dalam bahasa Arab, dapat berkomunikasi dengan masyarakat Arab, dapat melancarkan urusan harian semasa mengerjakan ibadah Haji dan Umrah, dapat menambah dan memperkukuhkan pengetahuan dalam bahasa Arab dan dapat menambahkan lagi pengetahuan dalam agama Islam.

Di samping itu pengkaji juga mendapatkan pandangan responden sama ada setuju atau tidak setuju jika dibentuk satu modul khas mempelajari bahasa Arab untuk tujuan ibadah Haji dan Umrah. Responden juga diberi peluang mengemukakan cadangan bentuk pendekatan yang digunakan dalam modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Antara bentuk pendekatan yang dicadangkan seperti berikut:

1. Penghafalan makna bacaan ibadat dan teks perbualan tanpa kaedah bahasa.
2. Penghafalan makna bacaan ibadat dan teks perbualan dengan kaedah bahasa.
3. Pemahaman kaedah dengan bacaan niat, doa dan zikir yang digunakan dalam musim Haji dan Umrah.
4. Pemahaman kaedah dengan contoh ayat lazim yang digunakan dalam musim Haji dan Umrah.

Manakala di akhir borang soal selidik, pengkaji telah memberi peluang kepada responden untuk membuat pilihan bentuk penilaian bagi tujuan penguasaan modul

secara berkesan. Antara bentuk penilaian yang dicadangkan ialah menjawab soalan pengukuhan, kuiz pemahaman dan membuat tugas secara teori dan praktikal.

4.3 Analisis Deskriptif Soal Selidik:

Berikut dinyatakan analisis dan hasil dapatan dari pengumpulan data soal selidik yang terkumpul daripada 300 orang responden yang dipilih. Data ini telah dianalisis secara terperinci mengikut bahagian masing-masing. Manakala hasil dapatan daripada data-data ini dikira berdasar peratusan dalam bentuk carta pai dan graf. Sebagai maklumat kebanyakan soalan mempunyai beberapa jawapan yang berlainan dan responden boleh memilih lebih daripada satu jawapan. Oleh itu, peratusan yang dikira untuk setiap jawapan berbeza mengikut bentuk soalan. Pengkaji juga telah membuat rumusan terhadap data ini secara menyeluruh apabila kesemua data dianalisis.

4.3.1 Bahagian A : Maklumat Peribadi Responden

Dapatan daripada maklumat peribadi responden telah mendapati bahawa responden yang dipilih seramai 300 orang iaitu 160 orang lelaki dan 140 orang perempuan. Responden dipilih secara rawak daripada seluruh negeri di Malaysia. Peringkat umur responden didapati bahawa peringkat umur yang paling ramai ialah responden yang berumur 41 tahun - 50 tahun iaitu 140 orang bersamaan 46.7% dan diikuti dengan responden yang berumur 31 tahun - 40 tahun iaitu 60 orang bersamaan 20%. Manakala responden yang berumur 30 tahun ke bawah dan 50 tahun ke atas masing-masing hanya 50 orang bersamaan 16.7%. Ini menunjukkan purata kebanyakan

jemaah yang menunaikan Haji dan Umrah adalah jemaah yang berumur 41 tahun - 50 tahun.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, pengkaji mendapati bahawa 206 orang (68.7%) daripada 300 orang responden pernah belajar bahasa Arab dan hanya 94 orang (31.3%) sahaja tidak pernah belajar bahasa Arab. Ini menunjukkan secara umumnya bahawa kebanyakan responden telah mempunyai asas dalam bahasa Arab. Antara tahap pembelajaran bahasa Arab bagi yang pernah mempelajari bahasa Arab ialah peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, universiti, mengikuti kelas bahasa Arab dan mengikuti kursus bahasa Arab. Hasil dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan tahap pembelajaran bahasa Arab ialah pada peringkat Sekolah Rendah dan diikuti dengan Sekolah Menengah.

Antara alasan yang telah diberikan di kalangan responden yang tidak pernah mempelajari bahasa Arab ialah kerana tiada pendedahan diberikan kepada mereka (61%), bahasanya sukar untuk dipelajari (34%) dan alasan tidak berminat untuk mempelajarinya cuma (5%). Seramai 260 orang atau (69%) peratus daripada responden telah dikenal pasti sebab mempelajari bahasa Arab dan perincian alasan mereka mempelajari bahasa Arab adalah seperti berikut:-




Carta 4.1: Sebab Mempelajari Bahasa Arab.

Carta 4.1 menunjukkan alasan utama yang diberikan mengenai sebab mempelajari bahasa Arab ialah untuk tujuan memahami Al-Quran dan Hadis iaitu (100%), diikuti oleh untuk memahami doa dan zikir (93.3%), memahami bacaan ketika beribadah (90%) dan seterusnya untuk tujuan melancarkan perjalanan Haji dan Umrah (86.7%) serta bagi tujuan komunikasi dengan bangsa Arab iaitu (66.7%).

4.3.2 Bahagian B : Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Haji dan Umrah

Berdasarkan respons yang diperoleh mengenai sebab mempelajari bahasa Arab bagi tujuan Haji dan Umrah adalah agak tinggi iaitu 86.7%. Ini adalah kerana responden dalam kajian ini berasa amat yakin iaitu (99%) bahawa dengan mempelajari bahasa Arab dapat melaksanakan ibadah Haji dan Umrah dengan lebih sempurna. Ini menunjukkan bahawa keinginan mempelajari bahasa Arab untuk tujuan ibadah Haji dan Umrah amat memberangsangkan.




Carta 4.2: Usaha Untuk Memahami Bacaan Dalam Ibadah Haji dan Umrah

Carta 4.2 menunjukkan inisiatif yang telah diambil oleh responden untuk memahami bacaan dalam mengerjakan ibadah Haji dan Umrah ialah majoritinya bertanyakan kepada yang arif (83.3%) dan membaca buku yang disertakan dengan terjemahan (76.7%) merupakan inisiatif yang kerap diambil oleh responden untuk memahami bacaan dalam mengerjakan ibadah yang berkaitan dengan Haji dan Umrah. Peratusan untuk memahami bacaan dalam ibadah Haji dan Umrah dengan cara mempelajari bahasa Arab secara khusus cuma 53.3%.

Jika dikaitkan dapatan ini dengan bacaan yang difahami ketika mengerjakan ibadah Haji dan Umrah yang asalnya dalam bahasa Arab, didapati tahap kefahaman responden untuk doa yang dibaca amat berbeza. Pengkaji telah menyenaraikan beberapa niat, doa dan zikir yang berkaitan dengan ibadah Haji dan Umrah untuk mengkaji sejauh mana tahap kefahaman responden. Graf 4.3 telah memperincikan jenis lafaz bacaan doa yang difahami dan tidak difahami maknanya di kalangan responden dalam kajian ini. Di kalangan 300 responden yang menjawab soal selidik kajian ini, didapati bahawa sejumlah besar memahami lafaz niat solat ihram dan makna zikir semasa tawaf iaitu seramai 290 responden dan seramai 280 orang responden menyatakan yang mereka memahami lafaz niat Haji dan Umrah dalam bahasa Arab. Daripada 300 responden yang terlibat dalam kajian ini juga, iaitu 210 orang responden menyatakan bahawa mereka memahami lafaz niat mandi ihram. Manakala baki beberapa lafaz niat, doa dan zikir yang lain menunjukkan tahap pemahaman yang agak rendah.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh, boleh dirumuskan bahawa bacaan yang difahami oleh majoriti responden merupakan bacaan atau lafaz yang berbentuk lafaz pendek dan bacaan atau lafaz yang selalu digunakan dalam amalan ibadah seharian seperti lafaz niat solat fardu. Walau bagaimana pun, jika dirujuk kepada graf 4.3, tahap kefahaman responden terhadap bacaan atau lafaz doa yang berkaitan dengan Haji dan

Umrah adalah rendah iaitu rata-ratanya kurang separuh daripada responden menyatakan mereka tidak faham maksud doa atau bacaan tersebut. Ini kerana bacaan atau lafaz doa tersebut amat jarang digunakan dan ia hanya digunakan pada masa yang tertentu sahaja iaitu semasa menunaikan ibadah Haji dan Umrah. Geraf 4.1 telah merumuskan tahap pemahaman bacaan atau lafaz doa di kalangan responden (mengikut bilangan responden).



Geraf 4.1: Bacaan yang difahami Makna

4.3.3 Bahagian C : Bahasa Arab Untuk Tujuan Komunikasi

Berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh, sebanyak 97% atau 290 responden berpendapat bahawa mempelajari bahasa Arab penting untuk tujuan komunikasi semasa mengerjakan Haji dan Umrah di tanah suci. Rata-rata responden berpendapat memiliki


kemahiran berbahasa Arab penting untuk pelbagai urusan seperti di Lapangan Terbang (70%), Restoran (67%), Hospital (57%), semasa aktiviti ziarah (73%), Hotel (63%), di Pasar Raya (80%) dan di Masjid (70%). Geraf 4.2 menggambarkan lokasi-lokasi yang mana responden berpendapat penting memiliki kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Arab.



Geraf 4.2: Lokasi Penting untuk Berkomunikasi dalam Bahasa Arab

4.3.4 Bahagian D : Minat untuk Mengikuti Kelas Bahasa Arab

Dalam bahagian D pengkaji telah mengenal pasti keperluan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Berdasar data yang diperoleh sebanyak 90% atau 270 orang responden menyatakan bahawa mereka berminat untuk mengikuti kelas bahasa Arab yang menggunakan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Pelbagai pendekatan yang dicadangkan oleh pengkaji untuk memastikan keberkesanan modul.




Geraf 4.3: Pendekatan Yang Perlu Digunakan Dalam Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Haji Dan Umrah

Geraf 4.3 menunjukkan respons terhadap pendekatan yang perlu digunakan dalam modul bahasa Arab bagi tujuan menyempurnakan ibadah Haji dan Umrah. Antara pendekatan yang sangat dipersetujui oleh responden ialah pemahaman nahu asas bahasa Arab bagi bacaan yang digunakan pada musim Haji dan Umrah iaitu seramai 240 orang dan diikuti dengan pemahaman nahu asas berserta contoh ayat lazim yang digunakan pada musim Haji dan Umrah iaitu seramai 230 orang. Manakala seramai 200 orang telah bersetuju agar pendekatan dibuat dalam bentuk penghafalan makna bacaan ibadah dan teks perbualan dengan menggunakan kaedah nahu Arab dan hanya seramai 170 orang sahaja bersetuju agar pendekatan dibuat dalam bentuk penghafalan makna bacaan ibadah dan teks perbualan tanpa menggunakan kaedah nahu Arab. Ini bermaksud secara umumnya responden berpendapat bahawa pemahaman nahu Arab adalah lebih membantu untuk memahami maksud lafaz bacaan dalam bahasa Arab daripada kaedah yang berbentuk hafalan.

Selain daripada itu, bagi memastikan modul ini benar-benar berkesan pengkaji telah mencadangkan beberapa bentuk penilaian di akhir modul. Apabila diteliti majoriti

responden kajian ini berpendapat penting untuk membuat latihan amali atau praktikal sebagai satu bentuk penilaian di akhir modul bahasa Arab untuk Haji dan Umrah iaitu seramai 250 orang (83%) berbanding dengan penilaian formal berbentuk menjawab soalan pengukuhan iaitu seramai 90 orang (30%) atau membuat kuiz pemahaman iaitu seramai 130 orang (43%). Hal ini dapat digambarkan bahawa keinginan responden yang memerlukan sebuah modul yang dapat membantu mereka secara realistik dan praktikal semasa mengerjakan ibadah Haji dan Umrah dari sebuah modul yang semata-mata mengkhususkan kepada kemahiran bahasa Arab secara umum.



Geraf 4.4: Penilaian di Akhir Modul

4.4 Rumusan Keseluruhan Soal Selidik

Setelah analisis dapatan telah dibuat, pengkaji dapati keperluan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah sangat tinggi. Dapatan ini telah mendorong pengkaji untuk meneruskan kajian ini. Dengan ini pengkaji membuat rumusan daripada hasil dapatan bagi kesemua bahagian soal selidik.

Berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh, pengkaji telah merumuskan bahawa jemaah yang menunaikan Haji dan Umrah kebanyakan berumur 41 tahun - 50 tahun. Hal ini telah diperakui oleh kebanyakan syarikat pelancongan. Lingkungan umur ini merupakan tahap yang paling sesuai untuk mengerjakan Haji dan Umrah. Ini kerana ibadah Haji dan Umrah memerlukan tenaga yang tinggi sama ada mental dan fizikal untuk menunaikannya.

Selain daripada itu, responden yang tidak pernah belajar bahasa Arab telah memberi respons yang positif terhadap sebab mempelajari bahasa Arab melalui pandangan mereka. Walaupun mereka tidak pernah belajar bahasa Arab tetapi mereka yakin bahawa bahasa Arab akan memberi banyak faedah lebih-lebih lagi yang ingin menunaikan Haji dan Umrah.

Pengkaji juga telah membuat rumusan bahawa sebahagian besar responden sama ada yang pernah atau tidak belajar bahasa Arab menyokong untuk mempelajari bahasa Arab untuk tujuan ibadah Haji dan Umrah. Selain daripada itu, jika diteliti pengkaji dapati bahawa tahap pembelajaran responden yang mana sebahagian besarnya telah belajar bahasa Arab di pelbagai peringkat, namun tahap pemahaman bacaan atau lafaz doa berkaitan ibadah Haji dan Umrah masih rendah. Hal ini amat menyedihkan kerana masih ramai lagi jemaah yang tidak memahami bacaan atau lafaz doa berkaitan ibadah Haji dan Umrah. Ini menunjukkan bahawa jemaah Haji dan Umrah memerlukan satu bahan rujukan bahasa Arab untuk membantu mereka semasa menunaikan Haji dan Umrah.

Selain itu, pengkaji juga telah membuat rumusan bahawa sebahagian besar responden sama ada yang pernah atau tidak belajar bahasa Arab menyokong bahawa mempelajari bahasa Arab penting untuk tujuan komunikasi semasa mengerjakan Haji dan Umrah di tanah suci. Selain daripada itu, pengkaji juga merumuskan bahawa kesemua lokasi yang kemungkinan akan dikunjungi semasa menunaikan ibadah Haji

dan Umrah memerlukan penggunaan bahasa Arab untuk tujuan komunikasi. Ini telah dibuktikan bahawa kesemua peratusan dapatan kajian keperluan bahasa Arab untuk tujuan komunikasi mengikut lokasi melebihi (50%).

Pengkaji juga telah mendapati bahawa modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah perlu dibentuk. Ini telah dibuktikan bahawa sebahagian besar responden telah bersetuju menggunakan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah iaitu seramai 270 orang responden (90%). Pendekatan yang dipersetujui oleh majoriti responden ialah pemahaman nahu asas bahasa Arab bagi bacaan yang digunakan pada musim Haji dan Umrah iaitu seramai 240 orang responden. Ini menunjukkan bahawa pemahaman nahu Arab amat penting dalam setiap bacaan sama ada dalam bacaan ibadah atau teks perbualan. Selain itu juga, majoriti responden telah bersetuju agar latihan amali atau praktikal diadakan sebagai satu bentuk penilaian di akhir modul.

Berdasar hasil dapatan keseluruhan kajian keperluan ini, pengkaji berasa amat yakin bahawa kebanyakan jemaah Haji dan Umrah memerlukan satu bahan rujukan untuk membantu mereka dalam menunaikan Haji dan Umrah. Selain itu, pembinaan modul yang dilakukan oleh pengkaji adalah salah satu usaha yang mendapat sokongan kebanyakan para jemaah Haji dan Umrah. Oleh itu, pengkaji bertekad untuk meneruskan hasrat yang murni ini untuk membantu para jemaah demi mengejar kesempurnaan ibadah Haji dan Umrah.

4.5 Penutup

Keseluruhan daripada bab ini merangkumi perbincangan tentang isi kandungan borang soal selidik, analisis soal selidik dan rumusan keseluruhan data soal selidik. Dalam bab ini juga telah memaparkan keputusan analisis data soal selidik bagi setiap

bahagian yang disediakan. Hasil keputusan analisis yang dibuat menunjukkan tahap keperluan bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah amat memberangsangkan. Selain daripada itu, rumusan hasil dapatan keseluruhan kajian keperluan juga telah dibuat dan ia jelas menyokong usaha yang dilakukan oleh pengkaji.

University of Malaya

BAB LIMA
KONSEP ASAS PENYEDIAAN MODUL BAHASA ARAB
UNTUK TUJUAN HAJI DAN UMRAH

5.0 Pendahuluan

Dalam bab ini telah membincangkan tentang konsep penyediaan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Pengkaji telah membincangkan secara terperinci tentang teori dan pendekatan yang digunakan semasa proses pembinaan modul dalam bab ketiga. Pengkaji juga telah membuat tinjauan keperluan modul dalam bab keempat. Hasil dapatan daripada kajian tinjauan keperluan yang telah dibuat menjadi dasar dalam penyediaan “*MBAUTHU*”.

Modul ini dibina secara khususnya untuk jemaah Haji dan Umrah dan secara umumnya untuk semua umat Islam di Malaysia. Jemaah Haji dan Umrah di Malaysia terdiri daripada pelbagai peringkat umur sama ada lelaki dan perempuan. Mengikut kajian yang telah dibuat, kebanyakan jemaah yang menunaikan Haji dan Umrah telah mempunyai asas bahasa Arab. Namun begitu, tidak dinafikan terdapat juga jemaah yang tidak mempunyai asas bahasa Arab. Oleh sebab itu, pengkaji telah mengambil inisiatif dengan membina modul ini mengikut tahap yang rendah supaya mudah dipelajari dan difahami lebih-lebih lagi bagi yang tidak mempunyai asas bahasa Arab. Dengan itu, pengkaji telah menggunakan kaedah transliterasi Arab-Rumi untuk membantu sesiapa yang tidak mempunyai asas bahasa Arab dalam mempelajari modul ini. Setiap teks bacaan Arab seperti doa, niat dan zikir ditulis dengan tulisan transliterasi. Ini merupakan salah satu pendekatan yang digunakan oleh pengkaji untuk membantu jemaah dalam mempelajari modul ini.

Modul yang dibina ini mempunyai beberapa kelebihan dan keistimewaan yang tersendiri iaitu:-

1. Modul yang dibangunkan khusus untuk jemaah Haji dan Umrah.
2. Modul yang boleh digunakan oleh semua jemaah, walaupun tidak mempunyai asas bahasa Arab.
3. Kaedah transliterasi telah digunakan untuk memudahkan sebutan bacaan bagi setiap teks Arab seperti doa, niat, zikir dan seumpamanya.
4. Nahu ringkas telah disediakan di awal modul supaya jemaah boleh memahami kaedah bahasa Arab terlebih dahulu sebelum mempelajari teks Arab.
5. Modul yang mempunyai dua elemen pembelajaran yang utama iaitu bahasa Arab untuk ibadah Haji dan Umrah dan bahasa Arab untuk komunikasi semasa menunaikan Haji dan Umrah.

Antara konsep penyediaan modul yang digunakan dalam modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah ialah menyatakan objektif modul, menyenaraikan isi kandungan modul, memberi cadangan teknik pengajaran dan pembelajaran dan penilaian serta diakhiri dengan segmen ulang kaji sebagai penutup.

5.1 Objektif Modul

Setiap modul pengajaran dan pembelajaran yang dibentuk mesti mempunyai objektif yang tersendiri. Ini kerana modul yang berlandaskan objektif akan menghasilkan sesebuah modul yang berkesan dan bersistematik. Modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah ini dihasilkan untuk kegunaan para jemaah Haji dan Umrah. Antara objektif modul bahasa Arab ini dibentuk ialah:-

1. Memberi galakan khususnya kepada jemaah Haji dan Umrah supaya belajar bahasa Arab.
2. Meningkatkan lagi nilai kesempurnaan dalam menunaikan ibadah Haji dan Umrah.
3. Melancarkan perjalanan ibadah Haji dan Umrah dari aspek penghayatan ibadah.
4. Meningkatkan kemahiran komunikasi dalam bahasa Arab.

5.2 Isi Kandungan *MBAUTHU*

Modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah dibina berdasarkan hasil dapatan soal selidik yang dibuat terhadap responden yang terpilih dalam kalangan jemaah Haji dan Umrah menerusi kajian keperluan. Modul bahasa Arab ini telah dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu bahagian primer dan skunder.

Bahagian primer mengandungi teks Arab seperti niat, doa dan bacaan yang diucapkan ketika menunaikan Haji. Bahagian skunder pula mengandungi teks Arab dalam bentuk komunikasi yang digunakan semasa menunaikan Haji dan Umrah. Sebelum kedua-kedua bahagian utama ini bentangkan, pengkaji terlebih dahulu memulakan dengan pengenalan kaedah tulisan transliterasi Arab-Rumi dan diikuti dengan huraian Nahu ringkas. Pengkaji juga telah menyediakan glosari ringkas dan ujian penilaian di akhir modul.

5.2.1 Tulisan Transliterasi Arab-Rumi

Tulisan transliterasi Arab-Rumi merupakan perbuatan menukar perkataan yang ditulis dengan tulisan Arab kepada tulisan Rumi (Wikipedia, 2015). Transliterasi

merupakan usaha mengubah satu skrip kepada jenis skrip yang lain. Justeru, ianya bertujuan untuk memudahkan pembelajaran dengan berdasarkan prinsip-prinsip transliterasi yang tertentu dan biasanya ianya melibatkan huruf-huruf Roman. Penggunaan kaedah transliterasi berdasarkan objektif-objektif kursus bahasa sasaran seperti pelajar dapat menyebut kosa-kosa kata dengan lebih tepat, dapat menguasai fonetik dan pengucapan yang tepat, dapat berinteraksi dalam bahasa sasaran dan menghasilkan secara produktif dalam bentuk oral dan penulisan dengan tepat dan sesuai, Azman Che Mat & Goh Ying Soon (2007). Menurut Ramli Md Salleh (1997) transliterasi ialah proses atau hasil mengalihkan tanda grafik daripada satu sistem tulisan kepada sistem yang lain. Ia digunakan untuk membolehkan pembaca yang tidak mempunyai asas bahasa Arab dalam memahami sebutan tulisannya. Kaedah transliterasi ini merupakan strategi pembelajaran modul yang digunakan untuk memudahkan sebutan dan penulisan huruf-huruf Arab. Menurut ‘Abd al-‘Azīz Barham (1982:51) adalah diharuskan menggunakan huruf Latin untuk membantu dalam penulisan khususnya pada peringkat awal.

Kaedah transliterasi yang digunakan merupakan kaedah yang diguna pakai dan menjadi rujukan bagi buku teks Arab di Universiti Teknologi MARA. Antara kaedah transliterasi konsonan Arab dan vokal Arab yang digunakan dalam modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah ialah seperti berikut:

1. Tulisan Transliterasi Konsonan Arab (الحروف الهجائية)

Konsonan ialah bunyi bahasa yang keluar hasil dari halangan, sekatan dan sempitan ke atas aliran udara yang keluar dari paru-paru semasa melalui rongga mulut atau hidung (Abdullah Hasan 1993). Proses pengujarang bunyi konsonan ini akan melalui tiga gandingan operasi, iaitu :-

1. Kedudukan pita suara atau glotis.
2. Tempat keluar bunyi (organ sebutan / makhraj).
3. Keadaan aliran keluar udara dari paru-paru pada organ sebutan.

Konsonan bahasa Arab terjadi apabila setiap kata bahasa Arab apabila ia dicerakinkan kepada unit yang paling kecil (Ashafizrol, 2014). Ia merupakan lambang-lambang bahasa yang tidak boleh menghasilkan sebarang bunyi secara bersendirian. Dalam sistem fonetik bahasa Arab terdapat dua puluh sembilan huruf konsonan (Ashafizrol, 2014), namun ia tidak semestinya sama dengan konsonan huruf rumi. Oleh itu, tulisan transliterasi Arab-Rumi disediakan untuk mempermudah bacaan tulisan Arab. Transliterasi merupakan satu proses atau hasil mengalihkan tanda grafik daripada satu sistem tulisan kepada sistem yang lain (Ramli Md Salleh et al., 1997). Berikut merupakan jadual senarai tulisan transliterasi Arab-Rumi:-

Jadual 5.1 : Tulisan Transliterasi Arab-Rumi

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Rumi</u>
ء	‘
ا	a
ب	b
ت	t
ث	<u>th</u>
ج	j
ح	<u>h</u>
خ	<u>kh</u>
د	d
ذ	<u>dh</u>

ر	r
ز	z
س	s
ش	<u>sy</u>
ص	<u>s</u>
ض	<u>d</u>
ط	<u>t</u>
ظ	<u>z</u>
ع	'
غ	<u>gh</u>
فا	f
قا	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
و	w
هـ	h
ي	y
ة	<u>tt</u>

4. Tulisan Transliterasi Huruf Vokal Arab

Vokal BA terbahagi kepada dua iaitu vokal aktif dan vokal pasif. Vokal aktif boleh difahami sebagai vokal yang mendatangkan bunyi. Dalam BA ia dikenali sebagai ḥarakat atau baris hidup dalam BM manakala vokal pasif ialah vokal yang tidak mendatangkan bunyi atau ia seperti mati dalam BM dan dalam BA vokal ini berbaris sukun (Mohd Zaki dan rakan, 2010:7). Dalam bahasa Arab terdapat tiga huruf vokal iaitu (ا، و، ي) dan ia melambangkan jenis vokal Arab iaitu pendek, panjang dan diftong. Sarjana linguis Arab silam dalam menghuraikan secara ringkas bahawa vokal bahasa Arab ialah fathat itu ialah alif kecil, kasrat ialah ya' kecil dan dammat ialah waw kecil (Ibn Jinni, 1993: 17). Tulisan ini penting untuk membezakan bacaan huruf Arab sama ada pendek atau panjang. Berikut merupakan jadual vokal Arab:-

Jadual 5.2 : Vokal Arab

<u>Pendek</u>	<u>Panjang</u>	<u>Diftong</u>
ا — a	ا — ā	اَ — ay
ي — i	ي — ī	اَ — aw
و — u	و — ū	

5.2.2 Nahu Ringkas

Nahu Arab merupakan satu ilmu pengetahuan yang patut dipelajari oleh sesiapa yang hendak menguasai bahasa Arab. Tanpa ilmu Nahu Arab, seseorang tidak akan menguasai bahasa Arab dengan betul dan yang ditakuti apabila seseorang melakukan kesalahan ketika menyampaikan ayat al-Quran dan al-Hadith. Menurut Mat Taib Pa


(2006:16) ilmu nahu merupakan kaedah atau rumus yang dengannya dapat digunakan ketika menggunakan bahasa dengan betul, walaupun ia menggunakan istilah yang khusus. Al-Rikābiy (1973:135) menyatakan bahawa pengajian ilmu Nahu adalah sesuatu yang wajib demi menjaga lidah dan pena daripada kesilapan.

Terdapat tujuh tajuk nahu yang telah dipilih untuk dimasukkan dalam modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Pemilihan ini berdasarkan kesesuaian tajuk yang perlu dipelajari, lebih-lebih lagi terdapat jemaah yang tidak mempunyai asas bahasa Arab. Jemaah perlu memahami kaedah nahu sebelum memulakan pembelajaran bahasa Arab terutamanya dalam memahami lafaz- bacaan dalam ibadah dan ketika berkomunikasi. Berikut disenaraikan tajuk-tajuk Nahu yang telah dipilih:-

Bil	<u>Tajuk-Tajuk Nahu</u>	
1.	Pembahagian Perkataan	أَقْسَامُ الْكَلِمَةِ
2.	Tanda-Tanda Perkataan	عَلَامَاتُ الْكَلِمَةِ
3.	Pembahagian Kata Nama	أَقْسَامُ الْإِسْمِ
4.	Pembahagian Kata Kerja	أَقْسَامُ الْفِعْلِ
5.	Pembahagian Kata Sendi	أَقْسَامُ الْحَرْفِ
6.	Pembahagian Ayat	أَقْسَامُ الْجُمْلَةِ
7.	Bilangan	الْعَدَدُ

Tajuk nahu yang dipilih merupakan antara tajuk asas nahu yang terdapat dalam pembelajaran nahu Arab. Setiap tajuk yang dipilih telah dihuraikan secara ringkas dalam bahasa Melayu. Pemahaman nahu amat penting dalam mempelajari modul




bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah supaya dapat memahami setiap tajuk yang terdapat dalam modul. Pengkaji telah menggunakan pendekatan gambar rajah dan jadual supaya mudah dan senang untuk memahami setiap tajuk nahu. Tambahan pula setiap tajuk yang dipilih mempunyai contoh ringkas supaya dapat meningkatkan lagi pemahaman terhadap modul. Antara contoh yang disediakan ialah:



Selain daripada itu juga pengkaji telah mempersembahkan beberapa formula dalam pembelajaran nahu seperti formula baris *Fi'il Amr*:

* (**Kaedah Baris**) Baris hadapan *Fi'il Amr* ditentukan oleh baris huruf ketiga iaitu jika huruf ketiga berbaris atas (َ) dan bawah (ِ) maka baris huruf pertamanya berbaris bawah (ِ) dan jika huruf ketiga berbaris hadapan (ُ) maka baris huruf pertamanya berbaris hadapan (ُ).

Contoh formula:



5.2.3 Bahagian Primer (Bahasa Arab Untuk Haji dan Umrah).

Bahagian ini telah memaparkan bentuk ungkapan bacaan yang perlu dilafazkan semasa menunaikan Haji dan Umrah. Antara bentuk ungkapan bacaan ialah bacaan doa, niat dan zikir. Bacaan ini telah dipilih berdasarkan sokongan nas-nas yang muktabar. Hal ini kerana jemaah tidak perlu ragu-ragu untuk menghafal untuk digunakan semasa menunaikan Haji dan Umrah. Selain itu juga, disertakan juga bersamanya tulisan transliterasi bagi setiap bacaan untuk memudahkan sebutan huruf. Berikut disenaraikan lafaz bacaan yang dimuatkan dalam modul ini :-

a. Senarai lafaz bacaan niat ketika menunaikan Haji dan Umrah

Bil	Bentuk-Bentuk Niat	Lafaz Niat
1	Niat Haji	نَوَيْتُ الْحَجَّ وَأَحْرَمْتُ بِهِ لِلَّهِ تَعَالَى
2	Niat Umrah	نَوَيْتُ الْعُمْرَةَ وَأَحْرَمْتُ بِهَا لِلَّهِ تَعَالَى
3	Niat Mandi Sunat Ihram	نَوَيْتُ الْغَسْلَ سُنَّةً لِلْإِحْرَامِ لِلَّهِ تَعَالَى
4	Niat Solat Sunat Ihram	أُصَلِّي سُنَّةً لِلْإِحْرَامِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى
5	Niat Tawaf Haji	اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ الْجَحِّ لِلَّهِ تَعَالَى
6	Niat Tawaf Umrah	اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ الْعُمْرَةِ لِلَّهِ تَعَالَى
7	Niat Tawaf Qudum	اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ طَوَافَ الْقُدُومِ لِلَّهِ تَعَالَى
8	Niat Tawaf Wada'	اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ طَوَافَ بَيْتِكَ الْحَرَامِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ

		طَوَافَ الْوِدَاعِ لِلَّهِ تَعَالَى
9	Niat Saei Haji	اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أَسْعَى بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ سَعَى الْحَجِّ لِلَّهِ تَعَالَى
10	Niat Saei Umrah	اللَّهُمَّ إِنِّي أُرِيدُ أَنْ أَسْعَى بَيْنَ الصَّفَا وَالْمَرْوَةِ سَبْعَةَ أَشْوَاطٍ سَعَى الْعُمْرَةِ لِلَّهِ تَعَالَى
11	Niat Solat Sunat Tawaf	أُصَلِّي سُنَّةَ الطَّوَافِ رَكَعَتَيْنِ لِلَّهِ تَعَالَى
12	Niat Solat Qasar (dua raka'at)	أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا لِلَّهِ تَعَالَى
13	Niat Solat Jamak Taqdim Empat Raka'at	أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ جَمُوعًا إِلَيْهِ الْعَصْرِ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى
14	Niat Solat Jamak Taqdim Berserta Qasar (dua raka'at)	أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا جَمُوعًا إِلَيْهِ الْعَصْرِ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى
15	Niat Solat Jamak Ta'khir Empat Raka'at	أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ أَرْبَعَ رَكَعَاتٍ جَمُوعًا إِلَى الْعَصْرِ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى
16	Niat Solat Jamak Ta'khir Berserta Qasar (dua raka'at)	أُصَلِّي فَرَضَ الظُّهْرِ رَكَعَتَيْنِ قَصْرًا جَمُوعًا إِلَى الْعَصْرِ أَدَاءً لِلَّهِ تَعَالَى
17	Niat Solat Jenazah Lelaki	أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةِ مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى
18	Niat Solat Jenazah Perempuan	أُصَلِّي عَلَى هَذِهِ الْمَيِّتَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةِ مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى
19	Niat Solat Jenazah (kanak- kanak lelaki)	أُصَلِّي عَلَى هَذَا الطِّفْلِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةِ مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى
20	Niat Solat Jenazah (kanak-	أُصَلِّي عَلَى هَذِهِ الطِّفْلَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةِ

	kanak perempuan)	مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى
21	Niat Solat Jenazah (kanak-kanak)	أُصَلِّي عَلَى هَؤُلَاءِ الْأَطْفَالِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةَ مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى
22	Niat Solat Jenazah (ramai)	أُصَلِّي عَلَى هَؤُلَاءِ الْأَمْوَاتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرَضَ الْكِفَايَةَ مَأْمُومًا / إِمَامًا لِلَّهِ تَعَالَى

b. Senarai lafaz bacaan doa-doa pilihan ketika menunaikan Haji dan Umrah.

Bil	Jenis-Jenis Doa	Lafaz Doa
1	Doa ketika musafir	اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، سُبْحَانَ الَّذِي سَخَّرْنَا هَذَا وَمَا كُنَّا لَهُ مُقْرِنِينَ وَإِنَّا إِلَى رَبِّنَا لَمُنْقَلِبُونَ، اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ فِي سَفَرِنَا هَذَا الْبِرَّ وَالتَّقْوَى وَمِنَ الْعَمَلِ مَا تَرْضَى، اللَّهُمَّ هَوِّنْ عَلَيْنَا سَفَرِنَا هَذَا وَاطْوِعْنَا بَعْدَهُ، اللَّهُمَّ أَنْتَ الصَّاحِبُ فِي السَّفَرِ وَالْخَلِيفَةَ فِي الْأَهْلِ، اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ وَعَثَاءِ السَّفَرِ وَكَآبَةِ الْمَنْظَرِ وَسُوءِ الْمُنْقَلَبِ فِي الْمَالِ وَالْأَهْلِ.
2	Doa Ketika Istilam	بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ
3	Doa Ketika Tawaf	اللَّهُمَّ إِيْمَانًا بِكَ، وَتَصَدِيقًا بِكِتَابِكَ، وَوَفَاءً بِعَهْدِكَ، وَاتِّبَاعًا لِسُنَّةِ نَبِيِّكَ بِسْمِ اللَّهِ وَاللَّهُ أَكْبَرُ
4	Doa Ketika Berada Di Antara Rukun Yamani Dan	رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

	Hajar Aswad	
5	Doa Ketika Berada Bukit Safa Dan Marwah	لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ
6	Doa Ketika Hari Arafah	لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
7	Doa Ketika Bercukur Atau Bergunting	الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى مَا هَدَانَا. الْحَمْدُ لِلَّهِ عَلَى مَا أَنْعَمَنَا بِهِ عَلَيْنَا. اللَّهُمَّ هَذِهِ نَاصِيَّتِي فَتَقَبَّلْ مِنِّي وَاعْفُ عَنِّي وَ لِلْمُحَلَّقِينَ وَ الْمُقَصِّرِينَ يَا وَاسِعَ الْمَغْفِرَةِ.
8	Doa Selepas Bercukur Atau Bergunting	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَضَى نُسُكَنَا. اللَّهُمَّ زِدْنَا إِيمَانًا وَبِقِيَّتًا وَتَوْفِيقًا وَعَوْنًا. وَاعْفِرْ لَنَا وَلِأَبَائِنَا وَأُمَّهَاتِنَا وَ الْمُسْلِمِينَ أَجْمَعِينَ.
9	Doa Ketika Minum Air Zam-Zam	اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ عِلْمًا نَافِعًا وَرِزْقًا وَاسِعًا وَشِفَاءً مِنْ كُلِّ دَاءٍ وَسَقَمٍ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
10	Doa Ketika Ziarah Perkuburan	السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَ الْمُسْلِمِينَ وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ، وَ يَرْحَمُ اللَّهُ الْمُسْتَقْدِمِينَ مِنَّا وَ الْمُسْتَأْخِرِينَ أَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَ لَكُمْ الْعَافِيَةَ

c. Senarai lafaz bacaan zikir-zikir pilihan ketika menunaikan Haji dan Umrah

Bil	Jenis Zikir	Lafaz Zikir
1	Talbiah	لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ، إِنَّ الْحَمْدَ وَ النِّعْمَةَ لَكَ وَ الْمُلْكَ، لَا شَرِيكَ لَكَ

2	Zikir Semasa Tawaf	سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَ اللَّهُ أَكْبَرُ وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.
3	Bacaan Ketika Menaiki Bukit Safa Dan Marwah	إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ، فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتِ أَوْ اعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَّوَّفَ بِهِمَا

5.2.4 Bahagian Skunder (Bahasa Arab Untuk Tujuan Komunikasi Semasa Menunaikan Ibadah Haji dan Umrah):

Bahagian ini telah memaparkan beberapa situasi komunikasi yang kemungkinan berlaku ketika menunaikan Haji dan Umrah. Terdapat banyak situasi komunikasi, namun pengkaji telah memilih situasi tertentu yang dianggap penting dan kebiasaan berlaku ketika menunaikan Haji dan Umrah. Situasi ini telah dipilih berdasarkan pengalaman dan pemerhatian pengkaji sendiri ketika berada di sana menunaikan Haji dan Umrah. Setiap dialog yang sediakan telah disertakan juga tulisan transliterasi bagi memudahkan bacaan. Berikut disenaraikan situasi komunikasi yang dimuatkan dalam modul ini :-

Bil	Situasi-Situasi Komunikasi	
1	Perbualan semasa di Lapangan Terbang.	الحِوَارِ فِي الْمَطَارِ
2	Perbualan semasa di Masjid	الحِوَارِ فِي الْمَسْجِدِ
3	Perbualan semasa di Restoran	الحِوَارِ فِي الْمَطْعَمِ

4	Perbualan semasa di Hospital	الحِوَارِ فِي الْمُسْتَشْفَى
5	Perbualan semasa di Pasar Raya	الحِوَارِ فِي الْمَحَلَّةِ التِّجَارِيَّةِ
6	Perbualan semasa di Hotel	الحِوَارِ فِي الْفُنْدُقِ
7	Perbualan semasa ziarah Madinah	الحِوَارِ عِنْدَ زِيَارَةِ الْمَدِينَةِ
8	Perbualan semasa ziarah Mekah	الحِوَارِ عِنْدَ زِيَارَةِ مَكَّةَ

5.2.5 Bentuk Penilaian

Penilaian adalah proses menentukan kesesuaian dan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran yang biasa dijalankan pada peringkat permulaan dan pengakhiran pengajaran (Yusup Hashim & Razmah Man, 2006). Di akhir modul ini, pengkaji telah menyediakan beberapa bentuk penilaian sama ada dengan menjawab kuiz dan membuat praktikal. Ini bertujuan untuk memudahkan lagi para jemaah mempelajari dan memperbaiki pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah dengan berkesan. Menurut Johnson (1989), tujuan penilaian selalunya adalah untuk menyumbang kepada memperbaiki pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji telah menyediakan terjemahan bagi setiap soalan penilaian yang dibuat agar dapat memahami kehendak soalan dan dapat menjawabnya dengan baik.

Pengkaji telah menggariskan aras penilaian mengikut bentuk-bentuk latihan yang dikemukakan mengikut kaedah 'Bloom Taxonomy' iaitu bermula dengan tahap

yang paling mudah dan diakhiri dengan tahap paling sukar. Berikut adalah tahap penilaian yang disarankan:-

1. Paling mudah.	2. Mudah.	3. Sederhana.	4. Sukar.	5. Paling sukar.
------------------	-----------	---------------	-----------	------------------

Kegagalan mengikut aras penilaian yang disarankan boleh menyebabkan pelbagai implikasi, (Mohd Phuzy Usop, 2007) antaranya:

1. Modul yang dipelajari gagal mencapai objektifnya.
2. Keputusan peperiksaan yang tidak menggalakkan.
3. Menimbulkan kebosanan dalam diri pelajar untuk membuat latihan.
4. Pemahaman pelajar juga tidak dapat dinilai dengan baik.

Berikut merupakan bentuk-bentuk penilaian yang disediakan:-

Soalan / الأسئلة	رقم
Tentukan al-Ism, al-Fi'il dan al-Harf dalam petikan berikut	1
Tentukan ism muzakkar dan ism muannas dalam petikan berikut	٢
Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul	٣
Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul dalam kurungan	٤
Sempurnakan dialog berikut dengan jawapan yang betul	5

5.2.6 Glosari Modul

Mengikut Kamus Dewan edisi keempat, glosari merupakan senarai istilah berserta takrifnya yang disusun menurut abjad khusus bagi sesuatu bidang pengetahuan. Glosari ringkas telah disediakan oleh pengkaji dalam modul ini untuk membantu para jemaah dalam mempelajari modul. Pengkaji telah memilih beberapa perkataan untuk diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Walaupun makna perkataan telah disediakan, namun ia juga penting bagi memudahkan para jemaah membuat rujukan makna untuk satu perkataan yang terdapat dalam modul. Ia secara tidak langsung dapat membantu para jemaah dalam memberikan fokus dan sekali gus dapat melancarkan proses pembelajaran modul.

5.3 Kajian Modul Rintis

Pengkaji telah membuat kajian modul rintis dalam kajian ini untuk mengkaji tahap kesahan dan kebolehpercayaan modul yang dibangunkan. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), kajian rintis adalah bertujuan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen. Banyak usaha dan kos yang dilaburkan apabila kajian rintis dijalankan semata-mata ingin mendapat sokongan terhadap modul. Oleh sebab itu, kajian rintis pada tahap ini adalah berguna bagi menjawab kekeliruan dan permasalahan yang wujud (Azizi Yahaya, 2007).

Dalam proses kajian modul rintis ini, pengkaji telah melibatkan diri sendiri di lapangan iaitu pengkaji telah pergi ke Mekah dan Madinah bersama-sama responden. Pengkaji telah memilih 30 orang responden daripada kalangan jemaah Umrah untuk

menjalankan kajian modul rintis ini. Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), sampel kajian rintis tidak perlu besar dan ia hanya memerlukan enam hingga sembilan orang. Pengkaji telah mengadakan kelas pemahaman dan pembelajaran modul terlebih dahulu sebelum menggunakannya. Kelas ini dibuat sebanyak empat sesi iaitu selama dua jam untuk satu sesi sebelum bertolak ke Mekah dan Madinah. Selama dua minggu pengkaji dan responden berada di Mekah dan Madinah. Dalam masa tersebut pengkaji telah membuat pemerhatian terhadap penggunaan modul oleh para jemaah. Apabila mereka selesai menunaikan Umrah iaitu pada hari akhir berada di sana pengkaji telah menyediakan beberapa soalan dalam borang soal selidik untuk dijawab oleh para jemaah. Borang soal selidik terdiri daripada item-item berkaitan kandungan Nahu Arab, bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah, bahasa Arab untuk tujuan komunikasi dan pandangan terhadap keseluruhan modul. Selain itu juga sesi temu bual juga telah dibuat oleh pengkaji terhadap lima orang jemaah yang dipilih.

Setelah borang soal-selidik dijawab, temu bual dibuat dan pemerhatian dilakukan, pengkaji telah menganalisis data-data yang telah dikumpulkan. Kebolehpercayaan instrumen kajian telah dianalisis menerusi Realibility Analysis-Scale Alpha dengan menggunakan perisian Statistical Package For Science Social (SPSS 21.0). Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), menyatakan bahawa kajian rintis yang mencapai nilai 0.8 ke atas mempunyai kebolehpercayaan soalan yang tinggi.

Respons yang diperoleh dalam kajian ini juga dinilai dan dititik beratkan. Berdasarkan respons yang diberikan, beberapa pengubahsuaian dan penambahbaikan modul perlu dibuat oleh pengkaji bagi memastikan keberkesanan modul yang dibina. Hal ini akan dibincangkan oleh pengkaji secara terperinci dalam bab keenam nanti dalam kajian tinjauan keberkesanan modul.

5.4 Cadangan Teknik Pembelajaran

Setiap modul atau buku pengajaran yang hendak dipelajari seharusnya mempunyai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tersendiri dan sesuai bagi memastikan proses pembelajaran dan pengajaran dapat mencapai objektif yang digariskan (Saini Ag. Damit, 2011). Pengkaji telah membincangkan secara ringkas tentang strategi, teori dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bahasa dalam bab tiga. Pada pendapat pengkaji, kaedah pembelajaran yang sesuai digunakan untuk modul ini ialah kaedah terjemahan dan komunikasi.

Berikut merupakan cadangan teknik pembelajaran yang sesuai bagi (MBAUTHU):-

Jadual 5.3 : Cadangan Teknik Pembelajaran

Langkah Pertama :	Pelajar terlebih dahulu perlu mempelajari kaedah tulisan transliterasi yang telah disediakan. Hal ini untuk memudahkan bacaan bagi yang tidak mempunyai asas bahasa Arab. Manakala yang telah mempunyai asas bahasa Arab pula, mereka boleh terus mempelajari kaedah nahu ringkas yang telah disediakan.
Langkah Kedua :	Kemudian pelajar perlu mempelajari dan memahami kaedah-kaedah nahu Arab ringkas. Terdapat beberapa tajuk nahu Arab yang perlu diteliti sebelum meneruskan pembelajaran yang seterusnya. Jika terdapat kekeliruan, pelajar disarankan bertanya guru supaya pelajar dapat memahami nahu Arab dengan kaedah yang betul.

Langkah Ketiga :	Kemudian pelajar perlu melafazkan bacaan-bacaan yang disediakan serta memahami makna semua bacaan tersebut. Pelajar juga perlu mengulangi bacaan tersebut beberapa kali untuk memudahkan proses hafalan. Bacaan-bacaan tadi perlu dibaca dengan sebutan yang betul supaya tidak menjejaskan maknanya.
Langkah Keempat :	Kemudian pelajar perlu meneliti dialog yang disediakan mengikut situasi. Pelajar disarankan supaya menghafal dialog-dialog tersebut dengan sebutan yang betul. Pelajar juga perlu mempraktikkan dialog-dialog tersebut dengan rakan-rakan.
Langkah Kelima :	Kemudian pelajar perlu membuat penilaian-penilaian dengan menjawab soalan yang telah disediakan. Pelajar juga perlu membuat praktikal.

5.5 Candangan Tempoh Masa Pengajaran dan Pembelajaran

Menurut Robinson (1980), tempoh masa bagi pengajaran bahasa khusus terhad atau dalam jangka masa yang pendek. Perkara ini ada dibincangkan Abdul Halim Salleh (2005) dalam kajian Masternya di mana beliau berpendapat sekiranya pelajar mempelajari bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah, maka tempoh pengajian dijalankan dalam tempoh tertentu supaya penekanan yang lebih dapat diberikan kepada lafaz-lafaz bacaan yang berkaitan dengan ibadah Haji dan Umrah dan kemahiran berkomunikasi dengan orang Arab.

Pengkaji telah mencadangkan tempoh pembelajaran bagi modul “*MBAUTHU*”. Masa pembelajaran yang dicadangkan oleh pengkaji ialah 16 jam untuk 8 sesi pengajaran. Ini bermakna setiap sesi akan mengambil masa selama 2 jam. Ia juga boleh diajar melalui bengkel bahasa yang mengambil masa 2 hari.

5.6 Penutup

Dalam bab kelima ini, pengkaji telah membincangkan tentang konsep pembinaan modul “*MBAUTHU*”. Ia merangkumi objektif modul, isi kandungan modul, kaedah pembelajaran, cadangan teknik pengajaran dan pembelajaran, cadangan tempoh pembelajaran dan bentuk penilaian. Pengkaji berharap dengan adanya konsep ini, bukan sahaja sebagai panduan dalam penyediaan modul malah ia dapat memberikan gambaran yang menyeluruh terhadap modul “*MBAUTHU*”.

BAB ENAM

KAJIAN TINJAUAN KEBERKESANAN MODUL BAHASA ARAB UNTUK TUJUAN HAJI DAN UMRAH

6.0 Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji membincangkan tentang kajian tinjauan keberkesanan modul yang telah dibuat. Pengkaji telah menggunakan “*MBAUTHU*” sebagai modul rintis dan alat percubaan dalam kajian tinjauan ini. Ia bertujuan untuk mendapatkan gambaran terhadap keberkesanan dan kesesuaian “*MBAUTHU*”. Walaupun begitu, pengkaji akur bahawa kajian tinjauan ini bukanlah satu gambaran yang sempurna dan menyeluruh. Oleh itu, pengkaji bersedia untuk menerima apa-apa sahaja komen, pandangan dan teguran daripada responden agar kelemahan dan kekurangan modul ini dapat diatasi dan diperbaiki.

Pengkaji telah menjalankan tinjauan keberkesanan modul terhadap 30 orang responden melalui soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Populasi responden yang terlibat merupakan jemaah Umrah yang telah mengikuti sesi kursus pembelajaran dan menggunakan modul di lapangan kajian. Responden telah mengikuti proses pembelajaran menerusi modul percubaan sebanyak empat sesi pembelajaran selama sebulan sebelum menunaikan Umrah. Kajian tinjauan ini telah dibuat pada 31 Oktober hingga 12 November 2015 iaitu selama 13 hari iaitu 8 hari di Mekah dan 5 hari di Madinah.

Tinjauan ini telah dinilai melalui instrumen soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Soal selidik dan temu bual telah diedarkan apabila responden selesai mengerjakan Umrah. Manakala pemerhatian telah dibuat semasa responden sedang mengerjakan Umrah. Tujuan instrumen ini diadakan ialah untuk menilai dan

mendapatkan maklum balas responden terhadap modul yang telah digunakan dalam konteks dan situasi sebenar. Antara item yang telah dikaji dalam soal selidik ialah latar belakang ringkas responden, kandungan nahu Arab, bahasa Arab untuk ibadah Haji dan Umrah, bahasa Arab untuk tujuan komunikasi dan pandangan keseluruhan responden terhadap modul.


6.1 Prosedur Kajian Keberkesanan Modul

Pengkaji telah membahagikan proses penilaian keberkesanan modul kepada empat peringkat. **Peringkat pertama** merupakan peringkat perancangan kajian yang melibatkan pemilihan tempat kajian, pemilihan responden dan merangka soalan soal selidik dan soalan temu bual. Pengkaji telah memilih Mekah dan Madinah sebagai lokasi kajian kerana ia merupakan tempat yang paling sesuai untuk dibuat kajian dan di sinilah keperluan sebenar modul ini direalisasikan. Pengkaji juga telah memilih seramai 30 orang jemaah untuk dijadikan responden bagi kajian penilaian keberkesanan modul.

Peringkat kedua pula merupakan peringkat pelaksanaan kajian iaitu pengkaji memberi taklimat tentang kajian, membuat kelas pemahaman modul dan penggunaan modul di lapangan. Sebelum proses penggunaan lapangan modul dilaksanakan, pengkaji terlebih dahulu memberi taklimat tentang kajian dan cara penggunaan modul. Tujuan taklimat dan penerangan ini dibuat ialah supaya responden lebih jelas berkenaan dengan cara penggunaan modul. Pengkaji juga telah mengadakan empat sesi kelas pemahaman modul supaya dapat membantu responden menggunakan modul semasa berada di Madinah dan Mekah. Dengan ini mereka dapat membuat penilaian yang lebih efektif terhadap modul tersebut.

Peringkat ketiga adalah peringkat analisis data-data yang diperoleh daripada soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Kaedah Trigulasi data telah digunakan oleh pengkaji dalam menganalisis data iaitu gabungan analisis di antara data soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Ini merupakan salah satu teknik yang digunakan untuk menjadikan data kualitatif mempunyai kepercayaan yang tinggi dan dapat memperkukuhkan lagi kesahan dapatan kajian (Wiersma 1991, John Van Maanen, 1983). Tujuan temu duga dijalankan ialah untuk mendapat gambaran yang lebih jelas tentang keberkesanan modul ini dari perspektif responden yang terlibat. Tujuan pemerhatian pula dijalankan ialah untuk mendapatkan maklumat sebenar tentang penggunaan modul ini di kalangan responden mengikut konteks dan situasi yang sebenar. Manakala **peringkat keempat** merupakan peringkat membuat rumusan terhadap data-data yang telah dianalisis.

Berikut merupakan carta alir proses penilaian modul yang telah dibuat :-



Rajah 6.1: Carta Alir Kajian Penilaian

6.2 Analisis Menerusi Reliability Analysis-Scale Alpha

Pengkaji telah membuat ujian kebolehpercayaan terhadap data kajian tinjauan keberkesanan modul dengan menggunakan “Cronbach Alpha” dengan bantuan perisian SPSS. Pengkaji telah membahagikan ujian ini kepada tiga bahagian iaitu :-

- A. Bahagian Nahu Arab
- B. Bahagian Bahasa Arab untuk ibadah Haji dan Umrah.
- C. Bahagian Bahasa Arab untuk tujuan komunikasi.

Pengkaji telah menggunakan skala penilaian alpha mengikut Leowenthal (2000). Berikut skala nilai alpha yang digunakan :-

1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Tidak boleh diterima						Boleh diterima		Sangat boleh diterima	

Skala tersebut menunjukkan bahawa nilai kurang daripada enam merupakan ni merupakan nilai kebolehpercayaan yang tidak boleh diterima. Nilai tujuh dan lapan merupakan nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima. Manakala nilai sembilan dan sepuluh merupakan nilai kebolehpercayaan yang sangat tinggi (Leowenthal, 2000).

Berikut merupakan dapatan analisis data yang dibuat dengan menggunakan “Cronbach Alpha”:-

Jadual 6.1 : Cronbach Alpha

Pemboleh ubah	Jumlah Item	Cronbach Alpha
Isi Kandungan Nahu Arab	30	0.815
Bahasa Arab untuk tujuan ibadah Haji dan Umrah		0.771
Bahasa Arab untuk komunikasi		0.911


Jadual 6.1 menunjukkan ujian kebolehpercayaan (Cronbach Alpha) modul yang telah dibuat oleh pengkaji. Kajian ini telah dijalankan ke atas 30 orang jemaah Umrah yang telah menggunakan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah semasa menunaikan Umrah. Hasil dapatan yang diperoleh pengkaji mendapati bahawa tahap kebolehpercayaan telah melebihi 75%. Ini menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan terhadap kajian keberkesanan modul adalah tinggi dan boleh diterima. Berdasarkan maklum balas yang diberi daripada jemaah Umrah, pengkaji telah membuat beberapa penambah baikkan, perubahan dan pemurnian terhadap modul *MBAUTHU*.

6.3 Dapatan Soal Selidik

Pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik kepada 30 orang jemaah Umrah apabila mereka telah menggunakan *MBAUTHU* semasa menunaikan Umrah. Responden perlu menjawab 27 soalan yang sediakan dalam borang soal selidik. Borang soal selidik telah diedarkan kepada responden pada 12.12.2015 semasa mereka berada di Lapangan Terbang Jeddah. Dapatan soal selidik dinilai mengikut Skala Likert yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Skala Likert yang digunakan adalah seperti berikut:-

6.3.2 Penilaian Responden Terhadap Isi Kandungan Nahu Modul

Dalam kajian tinjauan ini, responden perlu menilai isi kandungan nahu Arab dalam modul bahasa untuk tujuan Haji dan Umrah. Hal ini penting dan perlu dinilai kerana untuk menilai dan memastikan bahawa kandungan nahu Arab yang dipilih boleh membantu untuk memahami dan melancarkan proses pembelajaran modul. Oleh itu pengkaji telah menilai isi kandungan nahu Arab modul dan dapatan yang diperoleh adalah seperti berikut:




Geraf 6.1: Penilaian Isi Kandungan Nahu

Geraf 6.1 telah menunjukkan bahawa majoriti responden (46.7%) berpendapat isi kandungan nahu modul sangat membantu dalam sebutan lafaz bacaan dengan betul. Di masa yang sama, responden juga berpendapat isi kandungan nahu yang terdapat di

dalam modul boleh membantu mereka untuk berkomunikasi dengan betul (sangat setuju = 43.3% dan amat setuju = 43.3%).


Responden juga berpendapat bahawa tajuk-tajuk nahu yang disediakan amat sesuai (setuju = 23.3%, sangat setuju = 30%, amat setuju = 46.7%). Ramai di kalangan responden iaitu 70% berpendapat huraian nahu Arab ringkas dan mudah difahami dan contoh-contoh yang diberikan di dalam modul adalah jelas dan amat membantu dalam memahami nahu Arab. Carta 6.1 telah menunjukkan perincian terhadap penilaian responden terhadap contoh-contoh yang disediakan:-



Carta 6.1: Penilaian Responden terhadap Contoh di dalam Modul

6.3.3 Penilaian Responden Terhadap Pilihan Niat, Doa, Zikir dan Terjemahan

Modul yang dihasilkan telah memfokuskan kepada penggunaan bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah bagi membantu jemaah yang tidak mempunyai kemahiran dalam bahasa Arab mengerjakan ibadah Haji dan Umrah dengan lebih sempurna.




Graf 6.2 : Penilaian Terhadap Pilihan Niat, Doa dan Zikir di dalam Modul

Berdasarkan graf 6.2 secara umumnya, pengkaji mendapati pilihan niat, doa dan zikir yang disertakan di dalam modul adalah memuaskan dan bertepatan dengan keperluan untuk mengerjakan ibadah Haji dan Umrah. Hal ini terbukti apabila hasil dapatan soal selidik menunjukkan responden berpendapat bahawa pilihan niat yang disediakan dalam modul adalah sangat sesuai iaitu 43.3% diikuti dengan 40% berpendapat bahawa pilihan niatnya adalah amat sesuai. Manakala sebanyak 46.7 %

responden berpendapat bahawa pilihan doa yang disertakan dalam modul adalah sangat sesuai dan 40% pula berpendapat bahawa pilihan doanya adalah amat sesuai.

Dari segi pilihan zikir pula, 40% responden amat bersetuju bahawa pilihan zikir yang disertakan dalam modul adalah sesuai dan 33.3% sangat bersetuju bahawa pilihan zikirnya adalah sesuai. Responden juga telah memberi pendapat yang positif terhadap terjemahan lafaz bacaan yang disertakan dalam modul dari segi membantu mereka untuk memahami makna lafaz bacaan yang disertakan. Ini terbukti apabila terdapat 43.3% responden amat setuju, 23.3% sangat setuju dan 33.3% setuju bahawa terjemahan lafaz banyak membantu dalam memahami makna lafaz tersebut. Lafaz yang disertakan dalam modul juga jelas dan mudah difahami. Hal ini disokong oleh dapatan soal selidik yang dibuat iaitu sebanyak 43.3% responden sangat setuju, 40% responden sangat setuju, 13.3% responden setuju dan hanya 3.3% responden sahaja sederhana setuju. Graf 6.3 telah menunjukkan nilai peratusan terhadap terjemahan lafaz di dalam modul.



Graf 6.3 : Penilaian Terhadap Terjemahan Lafaz-Lafaz di dalam Modul


6.3.4 Penilaian Responden Terhadap Bahasa Arab Untuk Tujuan Komunikasi

Membantu jemaah dalam aspek komunikasi semasa menunaikan ibadah Haji dan Umrah merupakan salah satu sasaran objektif modul yang dibina. Bagi mencapai objektif tersebut pengkaji telah menjalankan satu penilaian melalui soal selidik yang memfokuskan kepada beberapa persoalan iaitu:

1. Adakah ayat-ayat perbualan yang disediakan membantu saya berkomunikasi semasa mengerjakan Haji dan Umrah?
2. Adakah anda banyak menggunakan ayat-ayat perbualan yang disediakan dalam modul?
3. Adakah sampel perbualan dalam modul banyak membantu saya di Lapangan Terbang?
4. Adakah sampel perbualan dalam modul banyak membantu saya di Hotel?
5. Adakah sampel perbualan dalam modul banyak membantu saya di Restoran?
6. Adakah sampel perbualan dalam modul banyak membantu saya di Pasar Raya?
7. Adakah sampel perbualan dalam modul banyak membantu saya di Masjid?
8. Adakah sampel perbualan dalam modul banyak membantu saya di Hospital?
9. Adakah sampel perbualan dalam modul banyak membantu saya ketika ziarah?

Berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh menunjukkan secara keseluruhannya adalah positif terhadap aspek komunikasi yang disediakan dalam modul. Responden telah menyatakan bahawa ayat-ayat perbualan yang disediakan dengan majoritinya amat setuju (50%) diikuti dengan sangat setuju (30%) dan setuju (20%) dapat membantu

untuk berkomunikasi semasa mengerjakan Haji dan Umrah. Dari segi kekerapan menggunakan ayat-ayat perbualan yang disediakan, pengkaji mendapati bahawa kesemua responden telah menggunakan modul sebagai rujukan semasa berkomunikasi. Responden telah menyatakan bahawa amat setuju (46.7%), sangat setuju (33.3%) dan setuju (20%) menggunakan ayat perbualan yang disediakan dalam modul ketika berkomunikasi.




Geraf 6.4 : Penilaian terhadap ayat perbualan di dalam modul

Dari segi situasi perbualan, pengkaji mendapati bahawa secara keseluruhannya responden telah bersetuju dengan kesemua situasi yang ditentukan oleh pengkaji. Namun begitu terdapat perbezaan nilai peratusan antara situasi yang ditetapkan. Hal ini dapat dilihat dalam geraf 6.4 mengikut tahap peratusan yang telah ditentukan oleh responden. Mengikut hasil dapatan penilaian, pengkaji dapati bahawa penggunaan ayat-ayat perbualan mengikut situasi semasa ziarah memperoleh hasil yang sangat positif

iaitu 73.3% amat setuju, 23.3% sangat setuju dan 3.3% setuju serta diikuti pula dengan situasi di Masjid iaitu 60% amat setuju, 13.3% sangat setuju dan 26.7% setuju. Ini kerana ziarah merupakan salah satu aktiviti utama semasa menunaikan Haji dan Umrah. Begitu juga dengan keberadaan di Masjid, kebanyakan responden telah menghabiskan kebanyakan masa yang ada untuk melakukan ibadah di Masjid.

Manakala situasi lain juga boleh dikatakan memperoleh hasil dapatan yang positif kerana majoritinya bersetuju dengan situasi yang ditentukan seperti situasi di Hotel (50% amat setuju, 23.3% sangat setuju dan 26.7% setuju), di Lapangan Terbang (43.3% amat setuju, 36.7% sangat setuju dan 20% setuju), di Pasar Raya (43.3% amat setuju, 30% sangat setuju, 20% setuju dan 6.7% sederhana setuju), di Hospital (43.3% amat setuju, 36.7% sangat setuju dan 20% setuju) dan di Restoran (33.3% amat setuju, 36.7% sangat setuju, 30% setuju). Graf 6.5 telah menunjukkan nilai peratusan terhadap ayat perbualan mengikut situasi di dalam modul.



Graf 6.5 : Penilaian Terhadap Ayat Perbualan Mengikut Situasi Di Dalam Modul

6.3.5 Penilaian Keseluruhan Modul

Berdasarkan penilaian keseluruhan modul, responden telah memberikan maklum balas yang amat positif (100%) tentang modul yang disediakan. Maklum balas adalah seperti berikut:

1. Pengetahuan atau kemahiran yang diperoleh dapat melancarkan urusan dan penghayatan ibadah Haji dan Umrah.
2. Secara keseluruhannya modul ini amat membantu dan berkesan
3. Latihan amali yang disertakan dengan modul dapat membantu untuk mempelajari isi kandungan modul.
4. Modul ini mudah untuk dibawa dan digunakan.
5. Reka bentuk dan susunan isi kandungan modul ini menepati keperluan ibadah Haji dan Umrah..

Hasil dapatan yang diperoleh menunjukkan bahawa responden yakin dengan adanya modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah dapat melancarkan dan membantu perjalanan ibadah Haji dan Umrah mereka. Tambahan pula modul yang dibina, mengandungi latihan amali untuk membantu mempermudah dalam mempelajari isi kandungan modul. Malahan pula modul yang dibina mudah untuk dibawa dan digunakan. Selain itu juga, responden berpendapat bahawa reka bentuk dan susunan isi kandungan modul yang disediakan menepati keperluan ibadah Haji dan Umrah. Responden juga menyatakan bahawa mereka berminat jika modul ini dihasilkan dalam bentuk perisian atau digital.


6.3.6 Analisis Keseluruhan Sebelum dan Selepas Menggunakan Modul

Pengkaji telah membuat satu perbandingan tentang tahap kemahiran dan pengetahuan responden terhadap modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Perbandingan ini dibuat untuk menilai tahap penguasaan dari segi kemahiran dan pengetahuan responden di antara sebelum dan selepas menggunakan modul. Hal ini perlu dinilai untuk memastikan objektif modul tercapai dan menepati kehendak pembinaan modul. Analisis keseluruhan ini telah menggunakan Skala Likert seperti di bawah:-


- 7 = Amat Tinggi
- 6 = Sangat Tinggi
- 5 = Tinggi
- 4 = Sederhana Tinggi
- 3 = Rendah
- 2 = Sangat Rendah
- 1 = Amat Rendah

Hasil dapatan yang diperoleh adalah seperti berikut:

Tahap Kemahiran Sebelum Guna Modul



Tahap Kemahiran Selepas Guna Modul



Carta 6.2 : Penilaian Tahap Kemahiran dan Pengetahuan Responden

Carta 6.2 menunjukkan perbandingan tahap kemahiran dan pengetahuan responden sebelum dan selepas menggunakan modul. Berdasarkan dapatan yang diperoleh, menunjukkan bahawa tahap kemahiran dan pengetahuan responden sebelum dan selepas telah berlaku perubahan yang amat ketara. Hal ini dibuktikan oleh hasil dapatan yang diperoleh iaitu tahap kemahiran dan pengetahuan sebelum telah dinilai sebanyak 3% tinggi, 20% sederhana tinggi, 30% rendah, 34% sangat rendah dan 13% amat rendah. Manakala tahap kemahiran dan pengetahuan selepas telah dinilai sebanyak 73% amat tinggi dan 27% sangat tinggi.

6.3.7 Cadangan Responden Terhadap Modul

Berdasarkan borang soal selidik kajian tinjauan yang diedarkan, terdapat juga beberapa cadangan yang telah dinyatakan oleh responden tentang modul iaitu:

1. Responden berharap agar masa pembelajaran modul perlu ditambah atau dipanjangkan masa pembelajarannya supaya pemahaman terhadap modul lebih tinggi.
2. Responden menyatakan bahawa bahagian nahu yang disediakan perlu ringkas dan mudah difahami.
3. Responden menyatakan bahawa penguasaan ilmu nahu perlu ditekankan untuk menguasai dan memahami modul.
4. Praktikal perlu dibuat selepas mempelajari modul supaya tahap penguasaan untuk memahami modul tinggi lebih-lebih lagi dalam aspek komunikasi.
5. Responden berharap agar modul ini dapat dibina dalam bentuk digital atau perisian.

6.3.8 Rumusan Soal Selidik

Daripada dapatan soal selidik, pengkaji mendapati bahawa kesemua responden yang dipilih telah mendapat pendedahan yang sama terhadap modul yang digunakan dan mengikut kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji. Secara keseluruhannya, responden telah memberikan penilaian positif terhadap isi kandungan modul dari segi kandungan nahu dalam aspek membantu mereka untuk membaca lafaz dengan betul dan berkomunikasi dengan lebih baik. Penyampaian isi kandungan nahu dari segi pemilihan tajuk dan contoh yang disertakan di dalam modul juga telah mendapat respons yang positif dari responden. Secara umumnya, responden juga telah memberikan penilaian yang positif terhadap isi kandungan terhadap modul bahasa Arab untuk ibadah Haji dan Umrah dari aspek niat, doa dan pilihan zikir. Responden juga berpendapat bahawa terjemahan yang disertakan bersama dengan bacaan lafaz niat, doa dan zikir membantu mereka untuk lebih memahami lafaz yang dibaca semasa mengerjakan ibadah tersebut.

Berdasarkan penilaian keseluruhan modul, pengkaji mendapati bahawa modul yang dibina telah memberi kesan yang positif kepada responden dalam usaha untuk melancarkan dan membantu perjalanan ibadah Haji dan Umrah mereka. Hal ini dibuktikan lagi apabila penilaian tahap kemahiran dan pengetahuan sebelum dan selepas menggunakan modul telah dibuat.

6.4 Temu Bual

Temu bual telah dibuat ke atas 5 orang yang dipilih daripada 30 orang yang menjadi responden kajian ini. Temu bual ini telah dibuat oleh pengkaji apabila responden telah selesai menunaikan Umrah. Tujuan temu bual ini dibuat adalah untuk

mendapat pandangan tentang perkara-perkara yang tidak terdapat dalam borang soal selidik. Hal ini amat penting kerana pengkaji boleh mendapatkan maklumat secara langsung iaitu secara bersemuka di antara penemu bual dengan responden.

Pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual berstruktur iaitu pengkaji telah menyediakan 7 soalan yang perlu dijawab oleh responden semasa sesi temu bual dijalankan. Antara soalan yang disediakan ialah seperti berikut:

1. Pernah anda mengerjakan Haji atau Umrah sebelum ini?
2. Jika pernah, apakah bentuk bahan rujukan yang digunakan untuk membantu anda semasa menunaikan Haji dan Umrah?
3. Jika tidak pernah, apakah bahan rujukan yang digunakan sekarang untuk membantu anda mengerjakan Haji dan Umrah?
4. Adakah anda menggunakan modul ini semasa mengerjakan Haji dan Umrah?
5. Jika ya, apakah pendapat anda tentang modul ini?
6. Bahagian manakah dalam modul ini yang anda rasa paling penting untuk membantu anda semasa mengerjakan Haji dan Umrah?
7. Dengan adanya modul ini, Adakah anda mempunyai masalah semasa menunaikan Haji dan Umrah?

Pengkaji telah menganalisis data temu bual secara manual iaitu pengkaji perlu baca keseluruhan transkrip temu bual bagi mendapat gambaran yang menyeluruh tentang apa yang dikatakan oleh responden. Data temu bual yang diperolehi telah dibuat transkripsi iaitu ditaip dengan terjemahan yang lengkap untuk memudahkan proses menganalisis.

6.4.1 Dapatan Temu Bual

Data temu bual pertama yang diperoleh mendapati bahawa 3 orang daripada 5 orang responden pernah mengerjakan Haji dan Umrah dan 2 orang daripadanya tidak pernah mengerjakan Haji dan Umrah. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pengalaman di antara responden dalam dapatan data yang diperoleh. Berikut merupakan temu bual 1 yang telah dibuat:-

Soalan temu bual 1:

	Maklum balas responden
Pengkaji	Pernah anda mengerjakan Haji @ Umrah sebelum ini?
Responden 1	“ <i>ya sayo pernah</i> ”. (Ya, saya pernah)
Responden 2	“ <i>ya pado tahun 2007</i> ” (Ya, pada tahun 2007)
Responden 3	“ <i>ya, pernah</i> ” (ya, pernah)
Responden 4	“ <i>tidak pernah</i> ” (Tidak pernah)
Responden 5	“ <i>tidak ambo tok pernah gi lagi buat umroh</i> ” (Tidak, saya tak pernah buat Umrah)

Hasil dapatan temu bual kedua mendapati bahawa responden yang pernah mengerjakan Haji dan Umrah telah menggunakan buku dan nota sebagai rujukan untuk membantu mereka semasa mengerjakan Haji dan Umrah. Buku, nota dan rujukan tersebut telah didapati oleh responden melalui syarikat pelancongan dan ada juga yang diperoleh melalui pemberian kawan mereka yang pernah mengerjakan Haji dan Umrah sebelum ini. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa bahan rujukan amat diperlukan semasa hendak mengerjakan Haji dan Umrah. Hal ini disokong oleh dapatan data yang peroleh daripada temu bual 3 iaitu responden yang tidak pernah mengerjakan Haji dan

Umrah sebelum ini juga memerlukan bahan rujukan apabila mereka hendak mengerjakannya. Berikut merupakan temu bual 2 dan temu bual 3 yang telah dibuat:

Soalan temu bual 2:

	Maklum balas responden
Pengkaji	Jika pernah, Apakah bentuk bahan rujukan yang digunakan untuk membantu anda semasa menunaikan Haji dan Umrah?
Responden 1	<i>“sayo guno buku nota ringkas, yang ado doa-doa, zikir-zikir”</i> (Saya guna buku nota ringkas, yang ada doa-doa dan zikir-zikir)
Responden 2	<i>“sayo guno buku yang syarikat umroh bui, dale buku tu ado blako doa-doa dan zikir-zikir untuk kito buat umroh”</i> (Saya guna buku yang diberikan oleh syarikat Umrah, dalam buku tersebut terdapat semua doa-doa dan zikir-zikir untuk kita menunaikan Umrah)
Responden 3	<i>“ sayo guno buku hok sain bui, dale buku tu semuo ado untok kito buat rujukei maso buat umroh”</i> (Saya guna buku yang kawan saya beri, dalam buku itu terdapat banyak bahan untuk dijadikan rujukan ketika menunaikan Umrah)

Soalan temu bual 3:

	Maklum balas responden
Pengkaji	Jika tidak pernah, Apakah bahan rujukan yang digunakan sekarang untuk membantu anda mengerjakan Haji dan Umrah?
Responden 1	<i>“sayo guna buku yang ustak bui, dan ado jugo buku nota yang sayo beli di keda”</i> (saya guna buku yang diberikan oleh ustaz, dan ada juga buku nota yang saya beli di kedai)
Responden 2	<i>“sayo guno buku rujukei yang ustak bui jah”</i> (saya guna buku rujukan yang ustaz berikan kepada saya)

Hasil dapatan temu bual 4 mendapati bahawa kesemua responden telah menggunakan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah sebagai salah satu bahan rujukan semasa mengerjakan Umrah. Tidak dinafikan juga bahawa ada responden yang menggunakan buku lain sebagai rujukan. Berikut merupakan temu bual 4 yang telah dibuat:

Soalan temu bual 4:

	Maklum balas responden
Pengkaji	Adakah anda menggunakan modul ini semasa mengerjakan Haji dan Umrah?
Responden 1	<i>“yo sayo guno buku yang ustak bui”</i> (ya, saya guna buku yang ustaz beri)
Responden 2	<i>“Ado jugok sayo guno buku tuh dan ado jugok sayo guna buku nota lain untuk rujukei sayo”</i> (saya ada guna buku itu dan saya juga guna buku nota untuk dijadikan rujukan)
Responden 3	<i>“ya sayo guno modul ni untuk bantu sayo buat umroh”</i> (ya saya telah guna modul ini untuk membantu saya menunaikan Umrah)
Responden 4	<i>“ ya ado jugok sekali sekalo sayo guno modul nih”</i> (ya, saya telah menggunakan modul ini)
Responden 5	<i>“ memei sayo guno modul nih, sebab sayo hanyo ado buku ni so jah”</i> (memang saya guna modul ini, kerana saya hanya ada buku ini sahaja)

Hasil dapatan temu bual 5 menunjukkan bahawa terdapat berbagai pendapat yang telah dinyatakan oleh responden tentang modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah. Namun secara keseluruhannya pengkaji mendapati bahawa kesemua responden menyokong agar modul ini dibangunkan. Walaupun begitu terdapat juga komen yang telah dinyatakan oleh responden terhadap modul ini. Antaranya doa dan zikir yang

berkaitan dengan Haji dan Umrah perlu ditambah. Bagi hal ini, pengkaji telah menerangkan bahawa doa, zikir dan bacaan lain hanya mempunyai dalil yang sah sahaja dimuatkan dalam modul. Ini tidak bermaksud bahawa doa, zikir dan bacaan yang tidak mempunyai dalil yang sah tidak boleh digunakan semasa mengerjakan Haji dan Umrah.

Selain itu juga, responden telah menyatakan bahawa masa pembelajaran yang diperuntukkan tidak mencukupi untuk memahami modul. Hal ini diakui oleh pengkaji sendiri bahawa masa pembelajaran yang diperuntukkan memang tidak mencukupi. Ini kerana modul ini perlu mengambil masa yang secukupnya untuk memahami dan mempelajarinya lebih-lebih lagi bagi seseorang yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab. Oleh yang demikian, pengkaji perlu mempertimbangkan peruntukkan masa pembelajaran modul ini agar mencukupi. Berikut merupakan hasil temu bual 5 yang telah dibuat:-

Soalan temu bual 5:

	Maklum balas responden
Pengkaji	Jika ya, apakah pendapat anda tentang modul ini?
Responden 1	<p><i>“ saya sokong modul nih dibuat, tapi keno tambah lagi doa-doa dan zikir-zikir yang berkaitei denge Haji dan Umroh”</i></p> <p>(saya sokong modul ini dibina, tetapi perlu buat penambahan lagi doa-doa dan zikir-zikir yang berkaitan dengan ibadah Haji dan Umrah)</p>
Responden 2	<p><i>“ saya raso modul nih patut dibuak sebab amat berguno untok kito buat Umroh dan Haji tapi kei kito kena ambik maso untuk belaja modul nih”</i></p> <p>(saya rasa modul ini patut dibina kerana modul ini amat berguna untuk kita menunaikan Haji dan Umrah akan tetapi kita perlu memerlukan masa yang cukup untuk belajar modul ini)</p>
Responden 3	<p><i>“saya sokong sunggoh-sunggoh modul nih.. tapi kenolah buak kelah banyak sikit sebab saya ni.. doh la tok reti bahaso arab.. kalu boleh buak tiga atau dua bulei sebelum kito nok gi Umrah”.</i></p> <p>(saya sangat menyokong modul ini... akan tetapi perlu diperbanyakkan</p>

	kelas kerana saya tak faham bahasa Arab. Kalau boleh, perlu buat kelas tiga atau dua bulan sebelum kita pergi menunaikan Haji dan Umrah)
Responden 4	<p>“ modul nih patut dibuak supayo ore lain pon boleh guno jugok ”</p> <p>(Modul ini patut dibuat supaya orang lain pun boleh menggunakannya)</p>
Responden 5	<p>“ sayo sokong supayo modul nih dibuat, tapi kito kne pehe dulu modul nih.. kalu tak pehe kito nok guno lagu mano.. pahtu kalu boleh tamboh lagi doa-doa lain yang kito boleh guno maso buat umroh ”.</p> <p>(saya sokong supaya modul ini dibina, akan tetapi kita perlu memahami terlebih dahulu modul ini.. jika tidak faham, macam mana kita nak guna modul ini.. modul ini juga perlu ditambah lagi doa-doa yang boleh digunakan semasa kita menunaikan Umrah)</p>

Hasil dapatan temu bual 6 mendapati bahawa majoriti responden menyatakan kesemua bahagian dalam modul ini penting untuk membantu mereka mengerjakan Haji dan Umrah. Dalam modul ini terdapat dua bahagian yang mana kesemuanya dianggap penting. Pemahaman makna doa, zikir dan bacaan lain ketika mengerjakan Haji dan Umrah amat penting supaya mencapai tahap keyakinan yang tinggi ketika melafazkannya. Selain itu, komunikasi juga penting untuk melancarkan proses perjalanan Haji dan Umrah. Ini kerana bahasa yang utama digunakan di Mekah dan Madinah ialah bahasa Arab. Berikut merupakan hasil temu bual 6 yang telah dibuat:

Soalan temu bual 6:

	Maklum balas responden
Pengkaji	Bahagian manakah dalam modul ini yang anda rasa paling penting untuk membantu anda semasa mengerjakan Haji dan Umrah?
Responden 1	<p>“Sayo raso semuonyo penting”</p> <p>(saya rasa semuanya penting)</p>
Responden 2	<p>“ bahagie doa-doa dan zikir-zikir sangat penting sebab memei kito keno baco dan pehe dan bahagie komunikasi pon penting jugok tapi di setengoh tempat jah”</p> <p>(bahagian doa-doa dan zikir-zikir sangat penting kerana kita perlu</p>

	<p>baca dan faham.. dan bahagian komunikasi juga penting untuk sesetengah tempat)</p>
Responden 3	<p>“ <i>saya rasa kedua-dua bahagian penting</i>”</p> <p>(saya rasa kedua-dua bahagian penting)</p>
Responden 4	<p>“ <i>pehe niat-niat, doa-doa dan zikir-zikir paling penting bagi saya dan komunikasi jugok penting contohnya di langpange kapal terbei, di pasar, di masjid dan maso kito gi ziaroh</i>”.</p> <p>(memahami niat-niat, doa-doa dan zikir-zikir paling penting bagi saya dan komunikasi juga penting contohnya perbualan di Lapangan Kapal Terbang, di Pasar, di Masjid dan ketika aktiviti ziarah)</p>
Responden 5	<p>“ <i>saya rasa semuo berguna.. tapi yang paling penting bagi saya ialah bahagian niat-niat, doa-doa dan zikir-zikir.. komunkasi pon penting jugok tapi belaja dulu baru boleh kecek arab</i>”.</p> <p>(saya rasa semuanya berguna.. tetapi yang paling penting bagi saya ialah bahagian niat-niat, doa-doa dan zikir-zikir.. komunikasi juga penting bagi saya tetapi perlu belajar terlebih dahulu sebelum berkomunikasi)</p>

Hasil dapatan temu bual 7 mendapati majoriti responden tidak mempunyai masalah ketika menggunakan modul ini ketika menunaikan Umrah. ini kerana responden telah menyatakan ia banyak membantu mereka ketika dalam menunaikan Umrah. Responden juga berpendapat bahawa modul ini amat membantu mereka dalam aspek komunikasi. Responden juga menyatakan bahawa ibadah Umrah yang dilaksanakan oleh mereka mempunyai kelainan daripada sebelum ini. Ini kerana mereka boleh menunaikan Umrah sambil menggunakan bahasa Arab. Selain itu, tidak dinafikan juga terdapat beberapa masalah ketika mereka menggunakan modul ini tetapi mereka menganggap satu cabaran dan dugaan semasa belajar. Berikut merupakan hasil temu bual 7 yang telah dibuat:

Soalan temu bual 7:

	Maklum balas responden
Pengkaji	Dengan adanya modul ini, Adakah anda mempunyai masalah semasa menunaikan Haji dan Umrah?
Responden 1	<i>Al-hamdulillah semuanya takdok masalah, modul nih membantu sayo maso buat Umrah... sayo boleh pahe bacaei sayo dan sayo bleh bercakak arab dengei tok Arab.</i> (Al-Hamdulillah semuanya tidak ada masalah, modul ini membantu saya ketika menunaikan Umrah.. saya boleh memahami bacaan dan boleh bercakap dengan orang Arab)
Responden 2	<i>Bagi sayo semuanya takdok masalah, cumo kalu ado pom.. sayo anggap tu satu dugaai bagi sayo..tapi sayo yakin modul nih boleh bantu jemaoh kito buak Haji dan Umrah..</i> (bagi saya semuanya tidak ada masalah.. Cuma jika ada masalah, saya anggap itu satu dugaan bagi saya.. tapi saya yakin modul ini boleh bantu jemaah menunaikan Haji dan Umrah)
Responden 3	<i>Sayo raso ado kelainei sikit umroh nih... sebab buleh kecek arab..</i> (saya rasa ada sedikit kelainan Umrah kali ini.. sebab boleh bercakap bahasa Arab)
Responden 4	<i>Sayo raso puah hati kerano berpelue untuk guno modul nih..</i> (saya rasa puas hati kerana berpeluang untuk menggunakan modul ini)
Responden 5	<i>Modul nih amat membantu sayo.. sayo raso tak dok masalah..</i> (modul ini amat membantu saya... saya rasa tidak ada masalah)

6.4.2 Rumusan Temu bual

Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa bahan rujukan amat diperlukan semasa hendak mengerjakan Haji dan Umrah. Hal ini kerana dapat membantu mereka semasa mengerjakan Haji dan Umrah. Selain itu, pengkaji mendapati secara keseluruhannya

bahawa kesemua responden menyokong agar modul ini dibangunkan. Walaupun begitu, pengkaji juga perlu menambahbaikkan modul berdasarkan komen yang telah dinyatakan oleh responden. Pengkaji juga perlu mengambil berat tentang masa pembelajaran modul yang diperuntukkan agar mencukupi dan memberi kesan yang positif terhadap pemahamannya. Pengkaji juga mendapati bahawa kesemua bahagian yang terdapat dalam modul amat berguna kepada responden semasa mengerjakan Haji dan Umrah. Ini dibuktikan apabila mereka merasakan ada kelainan dengan ibadah Umrah sebelum ini kerana mereka dapat menggunakan bahasa Arab.

6.5 Pemerhatian

Pemerhatian juga merupakan salah satu instrumen yang digunakan oleh pengkaji untuk menilai keberkesanan modul. Pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian ikut serta seperti mana yang telah dibincangkan dalam bab ketiga. Pengkaji telah menggariskan beberapa aspek untuk diberikan pemerhatian iaitu pemerhatian kelas pembelajaran dan pemahaman penggunaan modul, pemerhatian penggunaan modul bahasa Arab dalam ibadah Umrah, pemerhatian penggunaan modul bahasa Arab untuk tujuan komunikasi semasa menunaikan Umrah dan pemerhatian luar jangka.

Pemerhatian ini telah menggunakan kaedah (Participant-observation) iaitu pengkaji telah melibatkan diri sendiri bersama responden dalam kajian ini. Pemerhatian ini telah dilakukan oleh pengkaji di Malaysia dan di Arab Saudi. Di Malaysia pengkaji telah melakukan pemerhatian terhadap kelas pembelajaran dan pemahaman penggunaan modul. Manakala di Arab Saudi pula pengkaji telah melakukan pemerhatian terhadap penggunaan modul bahasa Arab dalam ibadah Umrah, pemerhatian penggunaan modul bahasa Arab untuk tujuan komunikasi semasa menunaikan Umrah dan pemerhatian luar jangka.

6.5.1 Kelas Pembelajaran dan Pemahaman Penggunaan Modul

Pengkaji telah membuat pemerhatian terhadap kelas pembelajaran modul sebanyak empat sesi pembelajaran. Pengkaji telah memperuntukkan masa selama 2 jam untuk setiap sesi. Sebelum sesi pembelajaran dijalankan, pengkaji mendapati ada sebahagian responden yang tidak mempunyai asas bahasa Arab agak kurang selesa untuk mengikuti kelas ini. Akan tetapi apabila selepas pengkaji memberi penerangan secara terperinci tentang modul “*MBAUTHU*” mereka mula minat untuk belajar modul ini. Setiap sesi pembelajaran yang dijalankan terdapat beberapa soalan telah dikemukakan oleh responden. Pengkaji telah menggunakan pendekatan ulang kaji bagi setiap tajuk yang diajar. Responden diminta hafal pelajaran berserta makna yang telah diajar seperti niat, doa, zikir dan dialog perbualan.

Di akhir sesi, pengkaji telah membuat penilaian melalui praktikal dan soal jawab. Sebelum penilaian dibuat pengkaji telah membuat ulang kaji keseluruhan pelajaran yang telah diajar secara ringkas. Pengkaji mendapati kebanyakan responden berpuas hati dengan cara yang digunakan oleh pengkaji iaitu membuat ulang kaji sebelum sesi pembelajaran. Akan tetapi ada juga sebahagian responden yang tidak bersetuju dengan masa pembelajaran kerana masa yang telah diperuntukkan tidak mencukupi untuk memahami keseluruhan modul.

6.5.2 Tinjauan Keberkesanan Penggunaan Modul Bahasa Arab Dalam Ibadah

Umrah

Responden telah menggunakan “*MBAUTHU*” yang disediakan oleh pengkaji di sepanjang menunaikan ibadah Umrah. Pengkaji mendapati responden telah menggunakan modul tersebut dengan sebaik-baiknya. Responden telah

menggunakannya sebagai rujukan untuk menghafal niat, doa dan zikir. Ini dibuktikan apabila pengkaji mendapati ada sebahagian responden sentiasa menggunakannya sama ada semasa menunggu penerbangan, dalam penerbangan, di hotel, di masjid dan lain-lain tempat. Pengkaji juga mendapati kesemua responden telah menggunakannya apabila hendak melakukan sesuatu ibadah seperti melafazkan niat, doa dan zikir di Miqat, ketika Tawaf, ketika Saei, ketika Tahallul dan sebagainya. Modul yang disediakan oleh pengkaji bersaiz kecil dan mudah untuk dibawa. Hal ini telah memberikan keselesaan dan galakan kepada responden untuk menggunakan MBAUTHU lebih-lebih lagi ketika menunaikan Tawaf dan Saei.

6.5.3 Tinjauan keberkesanan penggunaan modul bahasa Arab dalam komunikasi semasa menunaikan ibadah Umrah

Semasa menunaikan Umrah, komunikasi merupakan salah satu aspek yang sangat penting. Dalam kajian tinjauan ini, pengkaji mendapati bahawa responden menggunakan “MBAUTHU” apabila hendak berkomunikasi. Ada juga di kalangan mereka yang segan dan malu untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab dan ada juga yang tidak segan dan malu apabila berkomunikasi. Pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden telah menggunakan “MBAUTHU” di beberapa situasi tertentu seperti di Lapangan Terbang, di Masjid, semasa membeli-belah dan di Hotel.

6.5.4 Rumusan Pemerhatian

Hasil dapatan daripada pemerhatian ini menunjukkan bahawa penerangan secara terperinci tentang modul perlu diberikan sebelum sesi pembelajaran dijalankan. Ini kerana terdapat keadaan yang agak kurang selesa untuk mengikuti kelas ini bagi jemaah

yang tidak mempunyai asas bahasa Arab. Pengkaji mendapati kebanyakan responden telah berpuas hati dengan cara yang digunakan oleh pengkaji iaitu membuat ulang kaji sebelum sesi pembelajaran. Masa yang diperuntukkan oleh pengkaji terlalu singkat menyebabkan sebahagian responden yang kurang bersetuju. Selain itu, modul yang disediakan perlu bersaiz kecil dan mudah untuk dibawa lebih-lebih lagi ketika menunaikan Tawaf dan Saei. Pengkaji juga mendapati bahawa kebanyakan responden telah menggunakan “*MBAUTHU*” apabila hendak berkomunikasi. Ini dibuktikan apabila mereka telah menggunakannya di beberapa situasi tertentu seperti di Lapangan Terbang, di Masjid, semasa membeli-belah dan di Hotel tempat penginapan mereka.

6.6 Rumusan Keseluruhan Kajian Tinjauan Keberkesanan Modul

Setelah selesai membuat analisis tinjauan keberkesanan modul yang telah menggunakan tiga instrumen iaitu soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Maka pengkaji telah membuat beberapa rumusan terhadap modul “*MBAUTHU*”. Antara rumusan yang telah dibuat ialah:-

1. Modul ini sesuai untuk digunakan oleh semua jemaah Haji dan Umrah sama ada asas bahasa Arab ataupun tidak.
2. Kandungan nahu Arab amat sesuai dan sangat membantu jemaah dalam memahami lafaz bacaan dan berkomunikasi dalam bahasa Arab.
3. Kandungan lafaz bacaan yang disediakan dalam modul sesuai digunakan untuk menunaikan ibadah Haji dan Umrah.
4. Situasi dan ayat perbualan yang disediakan amat membantu jemaah semasa menunaikan Haji dan Umrah.

5. Masa yang diperuntukkan oleh pengkaji tidak mencukupi untuk mempelajari dan memahami modul.

6.7 Cadangan Pengubahsuaian Modul

Berdasarkan analisis dapatan dan respons yang diperoleh daripada responden, beberapa cadangan perubahan telah dibuat oleh pengkaji terhadap modul “*MBAUTHU*”.

Antara perubahan tersebut adalah seperti berikut:-

1. Pengkaji perlu mengemas kini isi kandungan nahu Arab dari segi huraiannya yang ringkas dan contoh yang jelas.
2. Pengkaji juga perlu membuat penambahbaikan terhadap lafaz bacaan seperti niat, doa dan bacaan lain yang berkaitan dengan ibadah Haji dan Umrah.
3. Pengkaji juga harus memberikan tumpuan terhadap komunikasi bagi situasi yang penting ketika menunaikan Haji dan Umrah.
4. Pengkaji juga perlu mengemaskinkan bentuk penilaian di akhir modul sama ada dalam bentuk ujian dan praktikal.

6.8 Penutup

Berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh, jelaslah menunjukkan bahawa modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah amat diperlukan. Responden telah memberikan sokongan terhadap proses pembinaan modul ini. Hal ini dibuktikan melalui maklum balas yang diberikan oleh responden melalui kajian tinjauan keberkesanan modul. Dengan ini, pengkaji menganggap bahawa hasil dapatan daripada kajian ini

telah memberikan gambaran awal tentang keberkesanan dan kesesuaian modul untuk digunakan ketika menunaikan ibadah Haji dan Umrah. Pengkaji berharap kajian ini menjadi pencetus semangat dan dorongan untuk meneruskan proses pembinaan modul “*MBAUTHU*”.

University of Malaya

BAB TUJUH

RUMUSAN, SARANAN DAN PENUTUP

7.0 Pendahuluan

Bab ini merupakan bab terakhir yang mengandungi tiga bahagian utama iaitu rumusan keseluruhan kajian, saranan pengkaji dan kata penutup. Pengkaji telah membuat rumusan berdasarkan keenam-enam bab yang dibentangkan sebelum ini. Rumusan ini juga dibuat untuk merealisasikan objektif kajian yang ingin dicapai dan menjawab semua persoalan kajian. Pengkaji juga telah mengemukakan beberapa saranan bagi membantu memartabatkan bahasa Arab dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Manakala di bahagian akhir bab ini pula adalah kata penutup bagi penulisan tesis ini.

7.1 Rumusan

Rumusan telah dibuat oleh pengkaji berdasarkan bab yang telah dibentangkan sebelum ini dalam membangunkan "*MBAUTHU*". Antara rumusan tersebut adalah seperti berikut:

1. Kajian ini mempunyai lima objektif yang perlu dicapai iaitu mengkaji sejauh mana keperluan bahasa Arab khas untuk penggunaan Haji dan Umrah berdasarkan pengalaman kalangan jemaah haji Malaysia, mengenal pasti perkataan dan ungkapan bahasa Arab yang digunakan dalam urusan ibadah dan dalam urusan harian semasa musim Haji dan Umrah, membangunkan modul khas bahasa Arab

untuk tujuan Haji dan Umrah berdasarkan kajian keperluan bahasa Arab untuk penutur bukan Arab dan menilai kesesuaian dan keberkesanan modul khas bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah.

2. Landasan teori telah mengemukakan beberapa tajuk yang berkaitan dengan modul iaitu bahasa Arab untuk tujuan khas, definisi modul, ciri modul yang berkesan dan prinsip penggunaan modul. Selain daripada itu, pengkaji juga membincangkan dan mengambil kira terhadap pendapat pakar tentang pembinaan modul supaya modul yang dibina berkesan dan menepati kehendak pengguna.
3. Pengkaji juga telah mengupaskan tentang aspek yang berkaitan dengan modul pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab iaitu pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab di Malaysia, teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, pengenalan kosa kata bahasa Arab dan ciri kosa kata bahasa Arab.
4. Selain itu, pengkaji juga telah menghuraikan secara ringkas tentang pengenalan struktur tatabahasa bahasa Arab secara ringkas. Hal ini amat penting, malah tidak harus diketepikan dan perlu diterapkan secara santai serta tidak membebankan orang awam untuk mempelajarinya.
5. Beberapa kaedah yang digunakan oleh pengkaji dalam mereka bentuk kajian iaitu kaedah perpustakaan, kaedah lapangan, kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Data dan maklumat yang diperoleh telah dikelaskan kepada dua bahagian utama iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah perkataan dan ayat bahasa Arab dalam ucapan niat, zikir dan doa semasa menunaikan Haji dan Umrah. Sementara data sekunder adalah perkataan dan ayat bahasa Arab dalam penggunaan komunikasi harian semasa menunaikan Haji dan Umrah.
6. Untuk memastikan segala data dan maklumat yang dikumpulkan tepat dan bersesuaian dengan kaedah bahasa Arab, pengkaji telah mengunjungi beberapa perpustakaan untuk mendapatkan maklumat yang tersebut.

7. Pengkaji telah menggunakan model ADDIE dalam landasan kajian kerana ia merupakan model yang sangat inovatif yang menggunakan proses kajian secara sistematik, efektif, efisien dan menjadi asas kepada model yang lain. Model ini mempunyai lima tahap yang digunakan untuk memandu dalam proses pembentukan modul iaitu *Analysis* (analisis), *Design* (reka bentuk), *Development* (perkembangan), *Implementation* (pelaksanaan) dan *Evaluation* (penilaian).
8. Pengkaji telah membuat pemilihan untuk populasi responden dalam dua kategori iaitu kajian keperluan dan kajian keberkesanan modul. Dalam kajian keperluan modul pengkaji telah memilih 300 orang. Manakala dalam kajian keberkesanan modul pula pengkaji telah memilih seramai 30 orang jemaah untuk dijadikan responden. Responden yang dipilih dalam kajian ini merupakan jemaah yang telah memenuhi kriteria responden yang ditetapkan oleh pengkaji.
9. Dalam kajian ini juga pengkaji telah memilih empat instrumen kajian sebagai asas pengumpulan data kajian iaitu soal selidik, temu bual, pemerhatian dan analisis kandungan.
10. Kajian tinjauan keperluan modul telah dibuat oleh pengkaji untuk mencapai objektif pertama kajian. Kajian ini dibuat untuk menganalisis keperluan dan kehendak jemaah Haji dan Umrah terhadap “*MBAUTHU*”. Pengkaji telah menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan data.
11. Berdasarkan hasil dapatan kajian keperluan, pengkaji mendapati bahawa “*MBAUTHU*” perlu dibentuk. Ini telah dibuktikan bahawa sebahagian besar responden telah bersetuju menggunakan modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah iaitu seramai 270 orang responden (90%).
12. Hasil dapatan kajian keperluan juga menunjukkan bahawa pendekatan yang dipersetujui oleh majoriti responden ialah pemahaman nahu asas bahasa Arab bagi bacaan yang digunakan pada musim Haji dan Umrah iaitu seramai 240 orang

responden. Ini menunjukkan bahawa pemahaman nahu Arab amat penting dalam setiap bacaan sama ada dalam bacaan ibadah atau teks perbualan. Pengkaji telah membina modul pertama berdasarkan hasil dapatan kajian keperluan yang dibuat. Ini menunjukkan bahawa secara tidak langsung objektif kajian yang keempat telah tercapai.

13. Konsep penyediaan modul yang digunakan oleh pengkaji dalam “*MBAUTHU*” ialah menyatakan objektif modul, isi kandungan modul, cadangan teknik pengajaran dan pembelajaran, bentuk penilaian dan diakhiri dengan penutup.
14. Pengkaji telah menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengenal pasti perkataan dan ayat lazim bahasa Arab yang digunakan untuk tujuan Haji dan Umrah. Hal ini dibuat untuk memastikan agar objektif kedua dan ketiga kajian tercapai.
15. Terdapat tujuh tajuk nahu yang telah dipilih untuk dimasukkan dalam “*MBAUTHU*”. Jemaah dinasihatkan supaya dapat memahami kaedah nahu terlebih dahulu sebelum memulakan pembelajaran bahasa Arab terutamanya dalam memahami bacaan dalam ibadah dan ketika berkomunikasi.
16. Bentuk-bentuk bacaan ialah bacaan doa, niat dan zikir serta telah dipilih berdasarkan sokongan nas dan rujukan yang muktabar. Hal ini kerana jemaah tidak perlu ragu-ragu untuk menghafal serta digunakan semasa menunaikan Haji dan Umrah.
17. Pengkaji telah menyediakan tulisan transliterasi bagi setiap bacaan yang disediakan untuk memudahkan sebutan huruf bagi sesiapa yang tidak mempunyai asas bahasa Arab.
18. Tempoh cadangan pembelajaran yang dicadangkan oleh pengkaji bagi modul “*MBAUTHU*” ialah 16 jam untuk 8 sesi pengajaran. Ini bermakna setiap sesi mengambil masa selama 2 jam. Ia juga boleh diajar melalui bengkel bahasa yang mengambil masa 2 hari.

19. Strategi pengajaran dan pembelajaran telah ditentukan iaitu strategi penggabungjalinan. Strategi ini merupakan satu konsep yang melibatkan semua aspek kemahiran iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis atau sebagainya. Kaedah terjemahan dalam bahasa Melayu juga disediakan dalam modul untuk memudahkan pelajar memahami bahagian yang dipelajari. Ini memudahkan pelajar mengulang kaji secara sendiri dan memahami modul tanpa sebarang halangan dan tekanan.
20. Pengkaji telah mendapatkan pengesahan kandungan modul dari beberapa orang pakar dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Teknologi MARA. Pakar ini juga telah membuat pengesahan kandungan soal selidik sebelum ia diedarkan.
21. Kajian keberkesanan modul telah dibuat oleh pengkaji untuk meninjau sejauh mana keberkesanan modul yang telah dibuat. Ia bertujuan untuk mendapatkan gambaran terhadap keberkesanan dan kesesuaian dan sekali gus dapat memastikan objektif kajian yang kelima tercapai.
22. Hasil kajian keberkesanan mendapati majoriti responden bahawa tajuk nahu yang disediakan amat sesuai (setuju = 23.3%, sangat setuju = 30%, amat setuju = 46.7%). Ramai di kalangan responden iaitu 70% berpendapat huraian nahu Arab ringkas dan mudah difahami dan contoh yang diberikan di dalam modul adalah jelas dan amat membantu dalam memahami nahu Arab.
23. Di samping itu hasil dapatan kajian keberkesanan juga menunjukkan bahawa responden berpendapat bahawa pilihan niat yang disediakan dalam modul adalah sangat sesuai iaitu 43.3% diikuti dengan 40% berpendapat bahawa pilihan niatnya adalah amat sesuai. Manakala sebanyak 46.7% responden berpendapat bahawa pilihan doa yang disertakan dalam modul adalah sangat sesuai dan 40% pula berpendapat bahawa pilihan doanya adalah amat sesuai.

24. Berdasarkan hasil dapatan kajian keberkesanan juga menunjukkan bahawa responden telah menyatakan bahawa ayat perbualan yang disediakan, majoritinya amat setuju (50%) diikuti dengan sangat setuju (30%) dan setuju (20%) dapat membantu untuk berkomunikasi semasa mengerjakan Haji dan Umrah. Responden juga telah menyatakan bahawa amat setuju (46.7%), sangat setuju (33.3%) dan setuju (20%) menggunakan ayat perbualan yang disediakan dalam modul ketika berkomunikasi.
25. Hasil dapatan kajian keberkesanan yang diperoleh juga menunjukkan bahawa responden yakin dengan adanya “*MBAUTHU*” dapat melancarkan dan membantu perjalanan ibadah Haji dan Umrah mereka. Tambahan pula modul yang dibina, mengandungi latihan amali untuk membantu mempermudah dalam mempelajari isi kandungan modul.
26. Berdasarkan dapatan kajian keberkesanan yang diperoleh juga, menunjukkan bahawa tahap kemahiran dan pengetahuan responden sebelum dan selepas telah berlaku perubahan yang amat ketara. Hal ini dibuktikan oleh hasil dapatan yang diperoleh iaitu tahap kemahiran dan pengetahuan sebelum telah dinilai sebanyak 3% tinggi, 20% sederhana tinggi, 30% rendah, 34% sangat rendah dan 13% amat rendah. Manakala tahap kemahiran dan pengetahuan selepas telah dinilai sebanyak 73% amat tinggi dan 27% sangat tinggi.
27. Ujian kebolehpercayaan (Cronbach Alpha) modul yang telah dibuat oleh pengkaji menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan telah melebihi 75%. Ini menunjukkan bahawa tahap kebolehpercayaan terhadap kajian keberkesanan modul adalah tinggi dan boleh diterima.
28. Pengkaji juga mengambil kira cadangan yang diberikan oleh responden untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam modul bagi memperkemaskan dan memantapkan lagi modul yang disediakan.

29. Pengkaji juga menganggap bahawa modul yang dibina telah memenuhi kehendak dan keperluan serta menepati objektif dan menjawab semua soalan kajian. Hal ini amat penting kerana modul yang dibina perlu menepati kehendak dan keperluan pengguna untuk menarik minat pelajar umumnya dan orang awam khususnya bagi mendekati dan mempelajari bahasa Arab.

7.2 Saranan

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian yang telah dijalankan, maka beberapa saranan telah dikemukakan oleh pengkaji. Di sini pengkaji telah mengemukakan saranan-saranan ini kepada pihak-pihak yang berkepentingan secara umum dengan tujuan untuk memperkasa dan memartabatkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khas khususnya di Malaysia. Berikut disenaraikan beberapa saranan yang kemungkinannya dapat memberikan manfaat dan boleh dijadikan panduan kepada sesiapa yang berkepentingan:-

1. Penyediaan modul bahasa Arab untuk tujuan khas perlulah mengambil kira tahap penguasaan pengguna lebih-lebih lagi yang tidak mempunyai asas bahasa Arab. Modul yang dibina hendaklah mempunyai kaedah transliterasi bagi membantu mereka dalam memudahkan pembacaan perkataan Arab.
2. Modul yang dibina mestilah mempunyai objektif yang tersendiri. Setiap isi kandungan yang disediakan dalam sesebuah modul perlu memenuhi keperluan yang ditentukan.
3. Pembelajaran nahu Arab dalam modul bahasa Arab untuk tujuan khas hendaklah jelas, ringkas dan padat. Pembelajaran nahu Arab yang ringkas dan padat akan

menggalakkan pengguna mempelajari nahu Arab dan dapat mempraktikkannya dengan berkesan.

4. Tajuk yang dimuatkan dalam modul mestilah bersesuaian memenuhi kehendak pembelajaran. Pemilihan perkataan dan ayat berdasarkan kegunaan modul juga harus diambil kira. Kosa kata Arab juga harus dimuatkan mengikut tahap pengguna agar dapat membantu mereka mengingat dan menggunakannya.
5. Penyediaan modul bahasa Arab untuk tujuan khas juga hendaklah mengandungi latihan yang merangkumi empat asas kemahiran utama pembelajaran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Latihan-latihan ini dijadikan bahan pengukuhan dan ujian untuk memahirkan mereka dalam mempelajari bahasa Arab.
6. Penyediaan modul bahasa Arab untuk tujuan khas juga hendaklah mengandungi glosari yang disediakan dengan terjemahan bahasa Melayu dalam setiap modul. Pengguna boleh rujuk glosari yang sediakan jika terdapat perkataan yang sukar difahami maknanya.
7. Penulis modul bahasa Arab untuk tujuan khas juga hendaklah mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang berkaitan supaya modul yang dihasilkan lebih berkualiti dan menarik. Selain itu, penulis juga hendaklah mempunyai penguasaan yang tinggi dalam ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab seperti sintaksis, fonologi, morfologi dan kesusasteraan serta budaya.
8. Tenaga pengajar modul asas bahasa Arab untuk tujuan khas juga perlu mempunyai pengkhususan dalam bidang yang diajar dan haruslah kreatif dalam menyediakan bahan sampingan untuk membantu proses pengajaran dan pembelajaran supaya pelajar lebih aktif dalam kelas. Penyediaan bahan bantu mengajar dan penggunaannya dalam pengajaran akan menjadikan pengajaran lebih menarik dan mengelakkan pelajar merasa bosan dan jemu.

7.2.1 Saranan Kepada Pengguna Modul

Pengguna memainkan peranan yang penting dalam memastikan modul yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan baik bagi mencapai objektifnya. Berikut beberapa saranan yang difikirkan sesuai khusus untuk pengguna:

1. Pengguna hendaklah menanamkan niat dengan baik dan ikhlas untuk mempelajari bahasa Arab. Pengguna juga hendaklah tekun dan ikhlas mengikuti pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh tenaga pengajar dan menganggapnya sebagai satu peluang dan amanah yang harus dilaksanakan dengan rasa tanggungjawab.
2. Bagi pengguna yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab hendaklah belajar mengenali dan menghafal huruf Arab tunggal dan kaedah mengaplikasikannya. Pengguna juga hendaklah memahirkan diri dengan kaedah transliterasi Arab-Rumi sebelum mengikuti pembelajaran seterusnya.
3. Pengguna perlu mempelajari nahu ringkas dan menghafal kosa kata Arab serta terjemahannya. Dengan adanya kosa kata Arab yang banyak, pengguna dapat meningkatkan penggunaan dan penguasaan bahasa Arab dengan baik.
4. Pemahaman teknik pembelajaran modul perlu dititik beratkan oleh pengguna sebelum menggunakannya. Pengguna juga disarankan supaya mengulang kaji pelajaran yang akan dipelajari sebelum masuk kelas untuk meningkatkan lagi kefahaman. Hal ini memudahkan pengguna untuk menguasai dan memahami sesebuah modul.
5. Pengguna juga digalakkan supaya membiasakan dan mempraktikkan bahasa Arab dengan cara berdialog bersama rakan-rakan. Dengan adanya usaha ini, pengguna akan bertambah yakin untuk memperbaiki sebutan dan mendalami

bahasa Arab. Pengguna juga disarankan untuk meyakinkan diri untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Ini kerana perasaan malu dan takut ini akan mematahkan semangat pengguna untuk mempelajari bahasa Arab. Pengguna juga disarankan untuk banyak bertanya jika tidak memahami sesuatu pelajaran.

6. Setiap pengguna juga disarankan memiliki sebuah kamus untuk merujuk setiap perkataan yang tidak difahami atau mencari perkataan baru. Ini secara tidak langsung dapat menambahkan kosa kata bahasa Arab.

7.2.2 Saranan Kepada Agensi Pelancongan Umrah Dan Haji

1. Mengadakan kursus intensif bahasa Arab kepada bakal jemaah Haji dan Umrah.
2. Menggalakkan jemaah Haji dan Umrah supaya memiliki modul bahasa Arab khususnya.
3. Menggalakkan jemaah Haji dan Umrah supaya mengikuti kelas bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah.
4. Menyediakan modul bahasa Arab yang merangkumi dua aspek iaitu bahasa Arab untuk tujuan ibadah dan bahasa Arab untuk komunikasi.
5. Melantik staf yang mahir dan berpengalaman dalam bahasa Arab sebagai pakar rujuk bahasa Arab.
6. Menggalakkan dan melatih staf supaya memahami dan mempelajari bahasa Arab.

7.2.3 Saranan Kepada Kementerian Pelancongan

1. Menggalakkan para penyelidik bahasa Arab menjalankan penyelidikan dan menghasilkan modul untuk tujuan Haji dan Umrah. Pemberian insentif seperti

dalam bentuk geran penyelidikan atau dana perlu diperuntukkan untuk menghasilkan modul yang berkualiti dan berkesan.

2. Sukatan pelajaran kursus Haji dan Umrah ditambah slot khusus untuk bahasa Arab. Hal ini dapat membolehkan jemaah Haji dan Umrah hendaklah memahami niat, doa dan zikir dengan jelas.
3. Memantau dengan teliti terhadap penyediaan buku rujukan atau modul Haji dan Umrah agar menepati keperluan jemaah sesuai. Ini dapat memastikan buku rujukan atau modul berkesan dan berkualiti.
4. Mencadangkan agar pihak kementerian memastikan setiap modul yang ditulis hendaklah melalui proses penyelidikan. Modul perlu melalui kajian keberkesanan yang diaplikasikan kepada jemaah sebelum dibangunkan atau dicetak.
5. Menyediakan tempat untuk membuat kursus bahasa Arab dan menggalakkan para jemaah Haji dan Umrah supaya mengikut kursus bahasa Arab sebelum menunaikan ibadah Haji dan Umrah.
6. Menubuhkan unit bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah untuk membantu agensi-agensi pelancongan Haji dan Umrah.
7. Membekal modul bahasa Arab untuk tujuan Haji dan Umrah kepada para jemaah dan agensi pelancongan.

7.3 Penutup

Pengkaji menutup kajian ini dengan mengemukakan beberapa rumusan dan saranan yang telah ditujukan kepada pihak-pihak tertentu. Pengkaji yakin bahawa dapatan kajian yang dikemukakan telah menjawab persoalan kajian penilaian dan

pembinaan modul untuk tujuan Haji dan Umrah. Pengkaji juga amat bersyukur kerana kajian ini telah disiapkan selama tiga tahun dengan dorongan dan sokongan yang diberikan oleh penyelia terutamanya, keluarga dan rakan. Pengkaji berdoa kepada Allah S.W.T. agar memberikan ganjaran yang tidak terhingga kepada mereka di dunia dan di akhirat.

Pada keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa "*MBAUTHU*" amat diperlukan oleh bakal jemaah Haji dan Umrah. Pengkaji berharap agar modul yang dibina menjadi bahan rujukan untuk membantu para jemaah demi mengejar kesempurnaan dalam ibadah Haji dan Umrah. Selain itu kajian ini juga boleh dijadikan rujukan kepada para penyelidik untuk meneruskan kajian yang berkaitan dengan pembinaan modul.

Kajian pembinaan modul yang bertepatan dengan keperluan pengguna perlu diberi perhatian oleh para penyelidik demi membina dan menghasilkan sebuah modul agar mampu menarik minat pengguna untuk mempelajari Bahasa Arab. Pembinaan modul yang ringkas dan padat yang berasaskan ibadah perlu diutamakan. Tatabahasa Arab juga tidak perlu diabaikan kerana ia merupakan kunci untuk memahami dan menguasai bahasa Arab dengan berkesan.

Akhirnya, segala usaha yang dilakukan tidak semestinya sempurna, oleh itu pengkaji memohon agar sebarang komen dan nasihat yang membina terhadap kelemahan dan kekurangan yang terdapat dalam kajian ini. Sesungguhnya yang baik dan kesempurnaan itu datang dari Allah S.W.T. dan kelemahan serta kekurangan itu datang dari diri pengkaji. Pengkaji memohon kepada Allah S.W.T. agar usaha murni dan bakti pengkaji dalam menyediakan "*MBAUTHU*" memperoleh keberkatan dan keredaan-Nya.

RUJUKAN

Al-Quran Al-karim

Al-Hadith Al-Syarif

Ab. Rahman Ab. Rashid, et. al., (1997). *Pengajian Melayu I*, Longman Malaysia Sdn. Bhd., Selangor, Malaysia.

Abbas Hasan. (1995). *Al-Nahw al-Wāfī*. Kaherah. Dār al-Ma‘ārif.

Abd al-Karīm Muhammad al-As‘ad. (1992). *al-Wasit Fi Tarikh an-Nahw al-‘Arabi*, Riyad: Dar al-Syawwaf.

Abd Aziz Abd Talib. (2000). *Pedagogi Bahasa Melayu: Prinsip, Kaedah Dan Teknik*. Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Abdul Halim Salleh. (2005). *Tasmīm Wahdatt Dirāsiyyat Li Al-Hujjaj Wa Al-Mu‘tamirīn Al-Maliziyyin Fi Ta‘līm Al-Lughatt Al-‘Arabiyyatt Li Aghrād Khāsatt*. Tesis MA. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Abdullah Hamid. (1993). *Silsilatt Ta‘līm Al-Lughatt Al-Arabiyyatt*. Dalīl Mu‘alim, Jami‘att Al-Imam Muhammad Su‘ud Al-Islamiyyatt.

Abdullah Hassan. (1980). *Linguistik Am Untuk Guru Bahasa Malaysia*: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor.

Abdullah Mohamed. (2010). *Cara Mudah Mempelajari Bahasa Arab*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid.

Abu Hamzah Yusuf al-Aisary. (2007) *Pengantar Mudah Belajar Bahasa Arab*. Bandung: Pustaka Adhwa.

Abu Sa‘id Muhammad Abd Majid. (2004). *Al-Nahw Al-Arabiyy Al-Syāmil Min Khilāl Al-Quran Al-Karim*. International Islamic University Malaysia: Malaysia.

Ahmad Jalaluddin Al-Islami. (2013). *Penilaian Modul Bahasa Arab Untuk Tujuan Pelancongan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Ahmad Kilani Mohamed.** (2001). *Teori Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Agama Di Malaysia*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Akmajian, et al.** (1995), *'Linguistics: An Introduction to Language and Communication'*, New Delhi: Prentice Hall of India.
- Amir Awang.** (1986). *Teori-teori Pembelajaran*: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor.
- Anindita, iche.** (2012). *Model Pembelajaran ADDIE*. Tersedia pada <http://icheanindita.blogspot.com/2012/08/model-pembelajaran-ADDIE.html>. Online 30-08-2012
- Anzaruddin Ahmad.** (2004). *Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Kajian Terhadap Sikap Dan Motivasi Golongan Profesional*. Tesis MA. Universiti Malaya.
- Asar Abdul Karim.** (2008). *Bahasa Arab Untuk Semua*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang.
- Asfafizrol Ab Hamid.** (2014). *Kata Dan Frasa Bahasa Arab*. Kedah Darul Aman : Penerbit Alasfiyaa Sdn. Bhd.
- Atan Long.** (1982). *Psikologi Pendidikan*: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Babbie, E.** (2004). *The Practice of Social Science Research* (10th ed.). Belmont, CA: Thomson/Wadsworth.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K.** (2003). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods*. Boston: Allyn & Bacon.
- Che Radiah Mezah & Raja Masittah Raja Ariffin.** (2011). *Pengajaran Bahasa Arab Warga Emas U3a Serdang: Satu Kajian Penerokaan*. Prosiding International Conference And Exhibition On Research In Islamic And Arabic Language Education 2011 (Iceriale 2011) Enhancing Islamic And Arabic Language Education Through Quality Research.
- Creswell, J. W.** (2005). *Research design: qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oaks: SAGE Publication.

- Creswell, J. W.** (2007). *Research design: qualitative and quantitative approaches*. Thousand Oaks: SAGE Publication.
- Essawy, Mahmoud Merghany et. al.** (2003). *Silsilatt al- 'Arabiyyatt Min Ajlik*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur, Malaysia: KACI Trading Sdn. Bhd.
- Fadzilah Haji Amzah.** (2007). *Pembinaan Modul Pengajaran Sajak Berlandaskan Pendekatan Respons Pembaca*, Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Al-Farisy, Ibrahim Ahmad.** (2004). *Al-Lughatt al- 'Arabiyyatt Li Aghrād Akādimiyyatt*. Kuala Lumpur: Dār al-Tajdīd.
- Gagne. M.G., Wager. W. W. & Keller. M. J.** (2005.) *Principles of Instructional Design. 5th Edition*. Los Angeles: Thompson Wadsworth.
- Al-Ghālī, Abd Hamid Abdullah, Nasir Abdullah.** (1991). *Asas 'Idād al-Kitāb al-Ta 'līmīyyatt Li Ghair al-Nātiqīn Bi al-Arabiyyatt*. Dār al-Ghālī.
- Ghazilah Mohd Isa.** (2012). *Pembinaan Dan Penilaian Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- H. Salimudin A.Rahman.** (2007). *Tatabahasa Arab untuk mempelajari Al-Quran*. Sinar Baru Algensindo Bandung.
- Husaini Kasran .** (2014). *Analisis Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Warga Emas*. Thesis sarjana Universiti Putra Malaysia.
- Husaini Kasran.** (2014). *Analisis Keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Warga Emas*. Thesis sarjana Universiti Putra Malaysia.
- Hussain Ubaidah.** (2004). *Taqwim Baramij Al-Lughat Al- 'Arabiyyat Li Aghrad Khassat*. Damsyiq: Al-Muktamar Al-Duwaliyy Al-Awwal Li Ta'lim Al- 'Arabiyyat Li Ghair Al-Natiqin Biha.
- Hutchinson, T. and Waters, A.** (1987). *English for Specific Purposes: A learning-centered approach*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Ibn Manzur.** (2000). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sodik.

- Ibrahim Abdullah.** (1999). *Penyediaan Buku Teks Untuk Orang Dewasa*. Thesis sarjana Universiti Malaya.
- Ibrahim Abdullah.** (1999). *Penyediaan Buku Teks Untuk Orang Dewasa*. Thesis Sarjana Universiti Malaya.
- Ismail Siniy, Dr. et. al.** (1984). *Al- 'Arabiyyatt Li Al-Nāsyi 'īn- Manhaj Mutakamil Li Ghayr al-Natiqīn Bi al- 'Arabiyyatt*. Saudi Arabia: Ministry Of Awqaf.
- Jannah, Rohmatul.** (2009). *Model Assure dan ADDIE*. Tersedia pada <http://rohmatul-jannah.blogspot.com/2011/11/model-assure-dan-ADDIE.html>. Online 30-08-2012.
- John Morgan and Mario Rinvoluceri.** (1997). *Once Upon a Time Using stories in the language classroom*. New York: Cambridge University Press.
- John Van Maanen.** (1983). *Qualitative Methodology*. Beverly Hill, California: Sage Publication.
- Juriah Long, et.al.,**(1990). *Perkaedahan Pengajaran Bahasa Malaysia*: Penebrit Fajar Bakti,Petaling Jaya, Selangor.
- Kamarudin Hj Husin.** (1986). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd., Selangor, Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Zamri Mahamod & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff.** (2009). *Konseptualisasi model pengajaran strategi pembelajaran bahasa kedua/asing*. Proceedings of 2nd International Conference Issues in Language Teaching and Learning Among Non-Native Speakers, Vol 2:511-523.
- Kamus Dewan Edisi Keempat** (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat** (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.** (2001). *Modul Belajar Cara Belajar*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Pendidikan.
- Kennedy, Chris and Bolitho, Rod.** (1984). *English for Specific Purposes*, London: Macmillan Publishers Limited.

Knowles .M.S. (1975). *Self Directed Learning –A Guide For Learners And Teachers*. Chicago Follet Publishing Company.

Knowles .M.S. (1990). *The adult Learner: A neglected species*. Houston TX Gulf Publishing.

Lazim Bin Omar. (2000). *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan-Tujuan Khas: Analisis Keperluan Di Malaysia*. Fakulti Pengajian Islam. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Lubna Abd Rahman, A. A. (2008). *Mengenal bahasa Arab menerusi Al-Quran*. Nilai: Penerbit USIM.

Mamdouh N. Mohamed. (2005). *Teaching Arabic For Islamic Purposes*. Chicago : ISNA Conference.

Mangantar Simanjuntak. (1987). *Pengantar Psikolinguistik Moden: Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur.

Manja Mohd. Ludin. (1990). *Psikologi Sosiologi Dan Falsafah Dalam Pendidikan: Dewan Bahasa dan Pustaka*, Kuala Lumpur.

Mat Taib Pa & Mohd Rosdi Ismail. (2006). *Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mazanah Muhamad A.A. (2002). *Prinsip Pemelajaran Orang Dewasa*, Utusan Publications & Distributor.

Mohammad Najib Jaffar. (2007). *Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama*. Kuala Lumpur : Seminar Serantau Islam Hadhari.

Mohammad Seman & Mohd Zuhir Abd Rahman. (2006). *Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.

Mohd Puzhi Usop , Mohammad Seman. (2010). *Bahasa Arab Untuk Ibadah*. Institut Terjemahan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Mohd Puzhi Usop. (2007). *Modul Asas Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah : Satu*

Mohd Rosdi Ismail, M. T. Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd Shahrizal Nasir, Mohd Firdaus Yahaya & Muhammad Sabri Shahrir. (2013). *Pembelajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah Sebagai Satu Keperluan Bagi Masyarakat Awam.* Kertas kerja dibentangkan dalam 4th Malaysia International Conference on Foreign Languages, 3-4 July 2013, Kompleks Seri Negeri, Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh, Melaka, Malaysia.

Mok Soon Sang. (2001). *Psikologi Pendidikan Untuk Kursus Diploma Perguruan Semester I:* Kumpulan Budiman Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Mokhtar, Ma'sūm. (2004). *Pendekatan Baru Memahami Bahasa Arab.* Jakarta: Markaz Humairā'.

Muhammad Abu Al-Kalam Azad. (1998). *T'alim Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Aghrad Khassat: Bina Wahdat Dirasiyyat Li Tullab Al-Takhassus Fi Al-'Aqidat.* Tesis MA. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Muhammad al-Tantāwiy. (1995). *Nasy'att al-Nahwi: Wa Tarikh Asyhari al-Nuhāt,* Kaherah: Dār al-Ma'arif.

Muhammad Bukhari Lubis dan Ali Haji Ahmad. (1999). *Transliterasi: Arab. Turki. Parsi.:* Kuala Lumpur: Open Press.

Muhammad Hisham Mohammad (2008). *Pembelajaran Sepanjang Hayat Teras Pembangunan (IKIM),* Utusan Malaysia 15 Februari 2008.

Muhammad Sabri Sahrir. (2009). *Panduan Belajar Bahasa Arab Untuk Jemaah Haji Dan Umrah .* Vivar Printing Sdn. Bhd. : Selangor, Malaysia.

Noran Fauziah Yaakub. (1987). *Pengantar sosiologi:* Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Selangor, Malaysia.

Nurazmi Kuntum. (1997). *Kaedah Mengajar Sastera:* Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Pribadi, B.A. (2009). *Model Desain Sistem Pembelajaran.* Jakarta: PT. Dian Rakyat.

Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd Dain. (1979/1980). *Kaedah dan Teknik Mengajar Bahasa*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmu.

Raminah Hj Sabran dan Rahim Syam. (1985). *Kajian Bahasa Untuk Pelatih Maktab Perguruan*: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor.

Robinson, Pauline. (1980). *ESP (English for Specific Purposes)*. England : Pergamon Press Ltd.

Rosni Samah, (2012). *Isu Pembelajaran Bahasa Arab. Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rosniza Rahmat. (1999). *Penghasilan dan Penilaian Modul Pengajaran Kendiri (MPK) Bagi Klinik Pemulihan Bahasa Inggeris, Ijazah Sarjana Pendidikan*, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Saini Ag. Damit. (2010). *Penyediaan Dan Penilaian Modul Asas Bahasa Arab Untuk Pelajar Universiti*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Sanjaya, Wina. (2011). *Perencanaan dan Desain Sistem Pembelajaran*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.

Sharifah Alwiah Alsagoff. (1985). *Sosiologi Pendidikan*: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

Sibawaih, Amr bin Uthman Abu Bishr. (1998). *Al-Kitab*. Pentahqiq : Abdussalam Harun. Kaherah. Maktabah al-khanji.

Sidek Mohd Noah. (2005). *Pembinaan Modul* , Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Suhaila Zailani et al. (2012). *Modul pengajaran dan pembelajaran bahasa arab Menerusi al-quran*. Persidangan kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab.

Sumiyarno, (2007). *Pembelajaran Orang Dewasa Berbasis Andragogi: Tinjauan Teori*. Jurnal Ilmiah VISI PTK-PNF- Vol 2, No 1-2007.

Sleeman, P.J., and D.M. Rocwell. (1979). *Instructional Media and Technology : A Professional's Resource*. Strondsburg, Pennsylvania: Dowden, Hutchinson &

Poss, Inc.

Sohair Abdel Moneim Sery. (2010). *Pengajaran bahasa Arab menerusi Al-Quran*. Pustaka Haji Abdul Majis.

Sulaiman Endut. (2002). *Asas-Asas Fardhu Ain*. Kuala Lumpur : Pustaka Haji Abdul Majid.

Suparti. (2011). *Desain Pembelajaran ADDIE*. Tersedia pada <http://id.scribd.com/doc/58528315/Model-Desain-Pembelajaran-ADDIE>. Online 30-08-2012

Suseela Malakolunthu. (2001). "Pengumpulan dan Analisis Data Kualitatif: Satu Imbasan" dalam Marohaini Yusoff, *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Tai'emah, Rusydi Ahmad. (1989). *T'alim Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Ghair Al-Natiqin Biha: Manahijuhu wa Asalibuhu*. Ribat: UNESCO.

Tajul Ariffin Noordin, & Nor'Aini Dan. (1992). *Pendidikan dan wawasan 2020*.

Tamam Hassan. (1994). *Al-Lughatt al-Arabiyyatt ; Ma'nahā wa mabnāhā*. Maghribī. Dār al-Thaqāfatt.

Tanqari, Soleh Mahjub. (2007). *Al-Lughat Al-'Arabiyyat Li Aghrad Khassat Fi Maliziya: Min At-Takhtith Ila At-Tanfiz*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia: National Seminar on Arabic Language Teaching.

Az-Zuhaili Wahbah, (2011). *Fiqh Islam Wa Adillatuhu 3*, Jakarta: Darul Fikri.

Wan Azura Wan Ahmad, L. A. *Pendekatan dan strategi efektif dalam penguasaan bahasa Arab*. Nilai: Penerbit USIM.

Wiersma, W. (1991). *Research methods in education. 5th ed.* Boston: Allyn & Bacon.

Zainuddin Ismail, Ibrahim Yaacob dan Salamiah Ab. Ghani. (2010). *Asas bahasa Arab melalui Al-Quran*. Bangi: Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.